

**REPRESENTASI GENDER DALAM FILEM BERTEMA
KEPOLISAN**

JODIE YAP SIEW WEN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**REPRESENTASI GENDER DALAM FILEM BERTEMA
KEPOLISAN**

JODIE YAP SIEW WEN

**DISERTASIINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **Jodie Yap Siew Wen**

No K.P: [REDACTED]

No Matrik: **TGC 100052**

Nama Ijazah: **Sarjana Linguistik.**

Tajuk Disertasi: ("Hasil Kerja ini"): **Representasi Gender dalam Filem bertema kepolisan**

Bidang Penyelidikan: **Analisis Wacana**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan,ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta. Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil. Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon;

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi;

Tarikh

Nama: **Dr. David Yoong Soon Chye**

Jawatan: **Pensyarah / Penyelia**

REPRESENTASI GENDER DALAM FILEM BERTEMA KEPOLISAN

ABSTRAK

Filem merupakan satu wadah untuk menyampaikan sesuatu ideologi. Bagi filem aksi, watak lelaki dan wanita dicipta dengan kepelbagaiannya karakteristik, berdasarkan stereotaip gender yang wujud bagi lelaki dan wanita. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis representasi gender dalam filem dengan menggunakan pendekatan Van Leeuwen (2008), Bem (1981) dan Halliday (1994). Kajian ini bertujuan menyiasat representasi maskuliniti dan femininiti serta stereotaip gender dari aspek verbal dan non verbal. Selain itu, kajian ini meneliti sama ada gender direpresentasikan mengikut atau mencabar stereotaip gender. Kajian ini adalah kajian kualitatif menerusi pendekatan Analisis Wacana yang membuat penelitian deskriptif. Dapatkan menunjukkan bahawa representasi lelaki dan wanita dalam filem kepolisan adalah seiring. Dalam filem kepolisan, watak lelaki ditonjolkan sebagai bersifat maskulin dan tidak kurang juga watak wanita yang mana wanita bersifat mencabar stereotaip dan menunjukkan wanita mampu memikul tanggungjawab sama seperti lelaki.

Kata kunci: Representasi, stereotaip gender, maskuliniti, femininiti, filem aksi

GENDER REPRESENTATION IN THE POLICING MOVIES

ABSTRACT

Films can act as a medium to convey ideological stances. In action movies, it is common to find men and women represented using existing gender stereotypes. This study analyzes gender representation in the film Gerak Khas using the approaches of Van Leeuwen (2008), Bem (1981) dan Halliday (1994). In addition, the researcher also studies whether the represented gender follow or challenge existing stereotypes. This study is a qualitative study through a Discourse Analysis approach that makes descriptive study. Findings show that the women and men in those movies are represented as equals. In the cop films male characters are portrayed as masculine and there are also female characters where women were seen challenging the stereotypes and were trying to show that they can bear the same responsibility as men.

Keywords: Representation, gender stereotype, femininity, masculinity, action movies

PENGHARGAAN

Saya sangat berterima kasih tidak terhingga kepada Tuhan kerana akhirnya dapat menghabiskan penulisan ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Dr David Yoong kerana dengan bimbingan dan tunjuk ajar beliau, saya dapat menghabiskan kajian ini. Begitu juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberikan tunjuk ajar. Pendorong dan semangat untuk saya meneruskan penulisan disertasi ini ialah suami dan anak tersayang serta ahli keluarga terutama ibu dan ayah saya. Mereka lah sumber inspirasi saya. Begitu juga rakan seperjuangan yang tidak lokek dengan ilmu dan sering memberikan petunjuk di kala saya kebuntuan. Sekalung penghargaan juga buat **RMP** kerana memahami tugas saya sebagai pelajar di samping menjalani tugasan sehari-hari.

Grazie mille,

Aiutati che Dio t'aiuta.

JODIE YAP SIEW WEN

	ISI KANDUNGAN
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI IMEJ	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
 BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif dan Persoalan Kajian	4
1.3 Ringkasan tentang bahan kajian	6
1.3.1 Plot Naratif Filem Gerak Khas 1 (GK1)	6
1.3.2 Plot Naratif Filem Gerak Khas 2 (GK2)	8
1.3.3 Plot Naratif Filem Gerak Khas 3 (GK3)	8
1.4 Batasan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	12
2.0 Pengenalan	12
2.1 Gender dan teori berkaitan	13
2.1.1 Stereotaip gender	15
2.1.2 Aspek Maskuliniti dan Femininiti	20
2.1.3 <i>Bem Sex Role Inventories</i>	24
2.1.4 Gender, Bahasa dan Wibawa Kuasa	27
2.1.5 Adjektif dalam pembentukan identiti gender	30
2.1.6 Kata kerja bagi menunjukkan aksi sosial dan aktiviti	31
2.2 Representasi	31
2.2.1 Aplikasi teori representasi aktor sosial Van Leeuwen dalam kajian pelbagai genre.	36
2.3 Genre Filem Aksi	39

2.3.1 Sorotan kajian representasi gender dalam filem aksi	41
2.4 Transitiviti Visual dan Semiotik Sosial	46
2.5 Kesimpulan	48
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	49
3.0 Pendahuluan	49
3.1 Kaedah Persampelan Data	49
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	52
3.2.1 Proses pengekodan dan tema kajian	53
3.2.2 Kesahan Data	54
3.3.1 Kerangka Teori Kajian	56
3.3.2 Langkah-Langkah Analisis Data	61
3.3.3 Pertalian teori kajian dalam menganalisis data	67
BAB 4 ANALISIS DAPATAN	68
4.0 Pendahuluan	68
4.1 Representasi maskuliniti dan femininiti dalam filem kepolisan	68
4.1.1 Analisis kategori maskuliniti dan femininiti dalam trilogi	69
4.1.2 Analisis Maskuliniti	69
4.1.3 Aspek Femininiti	78
4.1.4 Perbandingan ciri-ciri maskuliniti dan femininiti dalam watak lelaki dan wanita	87
4.1.5 Adjektif dalam GK 1, GK2 dan GK3	88
4.1.6 Kata Kerja dalam GK1, GK2 dan GK3 bagi menunjukkan aktiviti dan aksi sosial	94
4.2 Sosio semantik inventori	94
4.2.1 Mengenalpasti representasi aktor sosial berdasarkan <i>categorization</i> dan <i>nomination</i>	95
4.2.2 Mengenalpasti Aktor sosial melalui <i>identification</i>	101
4.2.3 Mengenalpasti representasi aktor sosial melalui <i>Functionalization</i>	110
4.2.4 Mengenalpasti Aktor sosial dan <i>Role Allocation</i>	112
4.2.5 Mengenalpasti representasi aktor sosial melalui <i>Impersonalisations</i>	114
4.3 Representasi maskuliniti pada wanita	115
4.4 Representasi femininiti dalam lelaki	119

4.5 Analisis Transitiviti	121
4.5.1 Representasi maskuliniti mengikuti stereotaip	123
4.5.2 Representasi wanita mencabar stereotaip	130
BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN DAN KESIMPULAN	139
5.1 Perbincangan Dapatan	139
5.2 Implikasi kajian	144
5.2.1 Representasi gender terhadap kerjaya	144
5.2.2 Representasi gender terhadap filem aksi	144
5.3 Cadangan Kajian Akan Datang	145
RUJUKAN	146
LAMPIRAN 1	156
LAMPIRAN 2	157
LAMPIRAN 3	159
LAMPIRAN 4	160
LAMPIRAN 5	161
LAMPIRAN 6	162

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 2.1	<i>Bem Sex Role Inventory</i>	24
Jadual 2.2	Ciri-ciri maskuliniti dan femininiti BSRI	25
Jadual 2.3	Ciri-ciri negatif maskuliniti dan femininiti	25
Jadual 3.1	Kaedah Pengumpulan Data	53
Jadual 3.2	Tema kajian dan Cara Analisis	54
Jadual 3.3	BSRI dalam menilai ciri-ciri maskuliniti dan femininiti	58
Jadual 3.4	Strategi bahasa maskulin dan feminin	59
Jadual 3.5	Jenis proses dalam transitiviti	61
Jadual 3.6	Aspek representasi menurut Van Leeuwen	66
Jadual 4.1	Aspek Maskuliniti menurut BSRI	70
Jadual 4.2	Ciri-ciri maskuliniti pada watak lelaki dalam GK1	70
Jadual 4.3	Ciri-ciri maskuliniti pada watak lelaki dalam GK2	72
Jadual 4.4	Ciri-ciri maskuliniti pada watak lelaki dalam GK3	74
Jadual 4.5	Ciri-ciri maskuliniti pada watak wanita dalam GK1	75
Jadual 4.6	Ciri-ciri maskuliniti pada watak wanita dalam GK2	76
Jadual 4.7	Ciri-ciri maskuliniti pada watak wanita dalam GK3	77
Jadual 4.8	Aspek femininiti menurut BSRI	79
Jadual 4.9	Ciri-ciri femininiti pada watak lelaki dalam GK1	79
Jadual 4.10	Ciri-ciri femininiti pada watak lelaki dalam GK2	80
Jadual 4.11	Ciri-ciri femininiti pada watak lelaki dalam GK3	81
Jadual 4.12	Ciri-ciri femininiti pada watak wanita dalam GK1	83
Jadual 4.13	Ciri-ciri femininiti pada watak wanita dalam GK2	84
Jadual 4.14	Ciri-ciri femininiti pada watak wanita dalam GK3	85
Jadual 4.15	Perbandingan ciri-ciri maskuliniti dan femininiti bagi watak lelaki	87
Jadual 4.16	Perbandingan ciri-ciri maskuliniti dan femininiti	88

	bagi watak wanita	
Jadual 4.17	<i>Identification</i> Aktor Sosial GK1	103
Jadual 4.18	<i>Identification</i> Aktor Sosial GK2	105
Jadual 4.19	<i>Identification</i> Aktor Sosial GK3	107
Jadual 4.20	Analisis <i>Impersonalization</i>	114
Jadual 4.21	Analisis verbal 1	116
Jadual 4.22	Analisis verbal 2	117
Jadual 4.23	Analisis verbal 3	118
Jadual 4.24	Analisis verbal 4	119
Jadual 4.25	Analisis verbal 5	120
Jadual 4.26	Jenis proses dalam analisis transitiviti	122
Jadual 4.27	Analisis Transitiviti 1	123
Jadual 4.28	Analisis Transitiviti 2	125
Jadual 4.29	Analisis Transitiviti 3	126
Jadual 4.30	Analisis Transitiviti 4	127
Jadual 4.31	Analisis Transitiviti 5	129
Jadual 4.32	Analisis Transitiviti 6	130
Jadual 4.33	Analisis Transitiviti 7	132
Jadual 4.34	Analisis Transitiviti 8	134
Jadual 4.35	Analisis Transitiviti 9	136
Jadual 4.36	Analisis Transitiviti 10	137

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1 Stereotaip	17
Rajah 2.2 Kerangka teori Representasi Aktor Sosial Van Leuwen	34
Rajah 3.1 Proses koding kajian	53
Rajah 3.2 Metod analisis data	56
Rajah 3.3 Model transitiviti Halliday	60
Rajah 4.1 Dimensi maskulin dan feminin	93
Rajah 4.2 Analisis transitiviti adapatisasi daripada Halliday	122
Rajah 5.1 Representasi gender dalam filem kepolisan	141

SENARAI IMEJ

Imej 3.1 Karakter filem GK1	50
Imej 3.2 Karakter filem GK2	51
Imej 3.3 Karakter filem GK3	51
Imej 4.1 Aleeza dan Syafikah (GK1) sewaktu berhadapan dengan Penjenayah	91
Imej 4.2 Aleeza dan Julia (GK2) sewaktu dalam misi menggempur kubu Raziman	91

SENARAI SINGKATAN

GK1 Gerak Khas 1

GK2 Gerak Khas 2

GK3 Gerak Khas 3

BSRI *Bem Sex Role Inventory*

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Filem mencerminkan apa yang berlaku dalam sosio masyarakat dari segi permasalahan sosial dan ia juga berfungsi sebagai medium penyebaran budaya. Sejak lebih enam dekad lalu kita sering disajikan dengan watak dan pelbagai ragam manusia dalam filem. Garapan imej-imej yang ditampilkan melalui watak dan perwatakan sudah pasti mempunyai peranan bagi menarik perhatian penonton. Watak-watak yang dicipta bersesuaian dengan genre atau tema drama dan filem. Drama-drama atau filem diklasifikasikan kepada 11 kategori berdasarkan tema-tema muzikal, komedi, cereka, perang, sejarah, detektif, propaganda, pengembaraan, kisah masyarakat, bangsawan dan hikayat (Abdullah Yusof et. al, 2010). Bukan itu sahaja, menurut mereka lagi, sesuatu hasil sastera ataupun karya seni seperti genre filem adalah hasil imaginasi dan interaksi pengkarya dengan sesuatu pemikiran, ideologi dan realiti masyarakat.

Filem merupakan medium yang banyak memberi pengajaran serta mesej kepada penggemar drama dan filem tempatan. Contohnya isu rempit, lumba haram, dadah, pil khayal, ragut, penculikan kanak-kanak dan sebagainya. Filem aksi mempunyai sub-genre. Filem kepolisan merupakan sub-genre daripada filem genre aksi. Lanjutan daripada sambutan penonton terhadap drama bertemakan isu-isu sosial ini dalam filem bergenre aksi ini, produser Skop Production, Datuk Yusuf Haslam mengambil langkah membawa Gerak Khas ke layar Perak bermula dengan Gerak Khas *The movie 1* (2001), Gerak Khas 2 (2002) dan Gerak Khas 3 (2003). Skrip yang

digarap oleh Yusuf Haslam sendiri bersama dengan panel skrip Skop Production sedikit sebanyak dapat menyelami kehidupan polis dalam menghadapi situasi jenayah dan juga kebejatan sosial. Dari segi watak yang ditampilkan dalam filem kepolisan juga *multi racial* dan *multi gender* kerana beliau bukan sahaja menampilkan watak polis terdiri daripada lelaki tetapi watak wanita juga memainkan peranan penting. Contohnya Inspektor Shafikah (Gerak Khas 1, 2002) dan Inspektor Aliza (Gerak Khas 1, 2001) dan juga watak antagonis Suzana (Gerak Khas 1, 2001). Sehubungan dengan itu pengkaji tertarik untuk menyelidik representasi gender dipaparkan dalam filem ini memandangkan filem ini bergenre aksi dan lasak.

Persoalan yang pertama diajukan ialah adakah wanita hanya berperanan sebagai watak tempelan sahaja atau turut membantu perkembangan cerita. Sekiranya peranan wanita seiring dengan lelaki bagaimanakah penampilan wanita tersebut? Kajian ke atas peranan gender dalam media sebelum ini menunjukkan bahawa wanita kurang ditonjolkan dalam filem, dan mereka direpresentasikan dengan cara yang berbeza daripada lelaki. Lelaki cenderung digambarkan sebagai mempunyai status kerjaya yang lebih tinggi dan bertahan berdasarkan kejayaan mereka, manakala wanita mempunyai status kerjaya yang lebih rendah dan lebih pendek berdasarkan keremajaan / penampilan mereka (Carter & Steiner, 2004).

1.1 Pernyataan Masalah

Seperti yang telah dikemukakan oleh Jariah Mohd Jan (2003) sifat-sifat wanita dikatakan sebagai emosional, sopan, suri rumah, menurut arahan, kurang bersukan, pemalu, tidak aktif, sering bergantung kepada seseorang, tidak kompeten, tidak yakin pada diri sendiri dan tidak pandai membuat keputusan. Banyak kajian memperdebatkan tentang representasi wanita baik dalam media, akhbar, iklan ataupun

filem. Dalam isu yang membincangkan tentang wanita kebanyakannya banyak membabitkan isu gender iaitu wanita dijadikan subjek dan objek, sementara lelaki pula adalah ketua (Fuziah Kartini Hassan Basri, Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani, 2010). Wanita yang baik secara stereotaip digambarkan sebagai lemah lembut, patuh dan sanggup berkorban manakala bagi wanita yang tidak baik pula sebagai penipu daya, pemusnah rumahtangga dan materialistik. Demikian adalah antara senario yang digambarkan dalam filem era 50-an. (Fuziah dan Faridah, 2005). Tiada perubahan dalam representasi wanita dalam filem kini yang mana lebih menonjolkan lelaki sebagai kuat menghadapi cabaran dan halangan kehidupan berbanding dengan wanita yang digambarkan sebagai golongan yang lemah dan tidak mampu untuk menghadapi rintangan hidup wanita digambarkan sebagai lemah dan *timid* (Juliana Abd Wahab dan Mahyuddin Ahmad , 2009).

Filem merupakan adaptasi kehidupan sosial dan budaya masyarakat. (Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad, 2009). Sehubungan dengan itu ideologi yang cuba diselitkan oleh penulis skrip serta garapan oleh pengarah bukan sahaja disajikan sebagai hiburan semata-mata tapi mampu menaikkan imej atau identiti inividu mahupun kumpulan (Azalina Assaari dan Jamaludin Abas, 2013). Dalam sesuatu organisasi, wanita juga berkebolehan duduk sama tinggi dan berdiri sama rendah dengan lelaki. Salah satunya melalui kerjaya yang dahulunya dimonopoli oleh lelaki umpamanya dalam bidang kepolisan yang dimonopoli oleh lelaki, namun wanita tetap mendukung satu amanah yang sama berat. Jika kajian sebelum ini banyak memaparkan tentang sifat-sifat atau karakter-karakter wanita bersifat lemah contohnya kajian Juliana & Mahyudin (2009) yang menyatakan wanita ditampilkan sebagai lemah dan *timid*. Seterusnya, melalui kajian terhadap trilogi filem Gerak Khas yang bergenre aksi pengkaji ingin melihat bagaimana pewacana merepresentasikan

watak lelaki sebagai watak dominan, pengkaji ingin melihat bagaimana watak wanita dicitrakan seiring dengan watak lelaki dalam filem ini. Apa yang dipaparkan dalam filem, adalah cerminan kepada realiti. Seperti yang dikemukakan oleh Sassatelli (2011:123);

What we watch on the screen could and should be interpreted as bearing a latent, and partly hidden meaning, reflecting the profound concerns of the culture it emerges from, thus eliciting emotions, pleasure and pain.

Namun adakah representasi wanita meningkat sekiranya wanita dapat lari dari ciri-ciri femininiti yang dilabel pada mereka setelah sekian lama? Adakah wanita perlu mengadopsi karakter maskuliniti supaya representasi mereka dapat diperkasa. Hal ini demikian kerana wanita terus menjadi jantina kelas kedua. Jika diberi bandingan binari, wanita diberi bandingan negatif kepada sifat-sifat lelaki. Contohnya lelaki secara stereotaipnya kuat dan wanita pula dipaparkan lemah.

1.2 Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bukan sahaja untuk mengaplikasi teori terdahulu bahkan juga bagi melihat bagaimana karakter lelaki dan wanita ditampilkan dalam filem yang bergenre aksi khususnya bagi aspek maskuliniti dan femininiti. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan difokuskan kepada melihat ciri-ciri representasi maskuliniti dan femininiti dalam filem bergenre aksi. Bukan itu sahaja pengkaji juga ingin melihat sama ada wujud stereotaip gender dipaparkan dalam filem yang dikaji. Seterusnya memberi penjelasan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan terbentuknya representasi sedemikian.

Dalam mencapai objektif kajian tersebut persoalan kajian yang dibentuk adalah:-

1. Bagaimanakah femininiti dan maskuliniti direpresentasikan dalam filem trilogi Gerak Khas?
2. Bagaimanakah representasi ini mengikuti atau mencabar stereotaip?

Bagi soalan kajian pertama pengkaji ingin melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi karakter lelaki dan wanita baik watak antagonis mahupun protagonis yang dipaparkan dalam filem trilogi Gerak Khas. Pengkaji juga telah melihat aspek bahasa (fitur-fitur linguistik dan bukan linguistik) yang digunakan bagi menggambarkan identiti setiap karakter sama ada lelaki digambar sebagai maskulin dan wanita memiliki karakter feminin atau sebaliknya. Fitur-fitur linguistik merujuk perkataan, frasa dan ayat. Manakala bukan linguistik pula merujuk kepada aspek bukan verbal. Bagi menjawab soalan kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan Van Leeuwen (2008) dan di samping itu, bagi melihat aspek semiotik pengkaji turut melihat aspek bahasa yang digunakan kerana bahasa merupakan satu lambang semiotik.

Sementara soalan kajian kedua pula adalah lanjutan daripada analisis soalan pertama pengkaji akan melihat bagaimana representasi yang dipaparkan mengikuti atau mencabar stereotaip gender dalam filem yang dikaji. Pengkaji juga akan memanfaatkan kajian-kajian yang lepas sebagai perbandingan bagi aspek gender. Contohnya, Pascoe (2012) dalam menerangkan tentang aspek maskuliniti dan juga memanfaatkan kajian yang telah dibuat oleh Bem (1981) melalui *Bem Sex Role Inventory* yang telah dipeloporinya. Pengkaji juga turut mengaplikasikan ciri-ciri

maskuliniti dan femininiti yang digagaskan oleh Bem. Bagi melihat aspek bagaimana representasi dipaparkan sama ada mengikuti atau mencabar stereotaip, pengkaji akan menggunakan model transitiviti Halliday.

1.3 Ringkasan tentang bahan kajian

Kajian ini berfokuskan filem trilogi Gerak Khas. Pengkaji memilih filem Gerak Khas kerana selain dari sambutan yang diterima oleh penonton (kategori pecah panggung), filem ini adalah antara filem kepolisan yang popular di Malaysia. Filem ini diarahkan oleh Pengarah tersohor Datuk Yusuf Haslam yang dikenali dengan filem kepolisannya. Bukan itu sahaja Filem Gerak Khas sangat sinonim dengan filem bertemakan kepolisan di Malaysia.

Bagi mendapatkan sedikit gambaran tentang korpus kajian pengkaji memaparkan plot narasi ketiga-tiga filem yang akan dijadikan bahan kajian. Ketiga-tiga filem ini mempunyai tema yang sama. Tambahan pula filem pertama dan kedua merupakan satu kesinambungan dari filem pertama. Begitu juga dengan filem ketiga merupakan kesinambungan filem kedua. Pengkaji dapat melihat melalui konflik antara Ramon (watak antagonis) dan Inspektor Aleeza yang bermotifkan dendam atas kematian abangnya Frankie (GK2).

1.3.1 Plot Naratif Filem Gerak Khas 1 (GK1)

Filem Gerak khas yang berdurasi 117 minit ini ditayangkan pada 2001 merupakan filem ‘Pecah panggung’ dalam dunia perfileman tempatan. Filem ini bergenre aksi dengan tema kepolisan. Naratif sesuatu cerita dimulai dengan aksi pelaku. Plot naratif dalam filem Gerak Khas dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu permulaan, perkembangan cerita, klimaks dan peleraian. Filem Gerak

Khas dimulai dengan aksi kejar mengejar antara Inspektor Mazlan dan Inspektor Aleeza dengan Rafayel. Dalam babak ini memberitahu penonton tentang kegiatan atau aktiviti yang dilakukan oleh Rafayel. Seterusnya sedikit babak tembak menembak antara mereka. Namun Rafayel dapat melepaskan diri.

Seterusnya plot berkisarkan kegiatan jenayah VCD haram dan pengedaran VCD porno. Hal ini dapat dikenalpasti melalui laporan yang dibuat oleh wartawan Azura. Lensa kamera dalam masa yang sama menfokuskan kepada watak antagonis Castello. Sehubungan itu, sedikit sebanyak penonton akan tahu siapakah dalang di sebalik jenayah tersebut. Disamping itu cerita ini turut diselitkan dengan elemen cinta dan unsur-unsur romantis biarpun cerita ini bergenre aksi. Kedatangan Syafikah di Unit Gerak Khas sedikit sebanyak telah membuatkan Mazlan terpikat. Hal ini membuatkan Aleeza cemburu kerana dia menaruh hati dengan Mazlan dan menimbulkan krisis antara Mazlan dan juga Aleeza.

Plot seterusnya menuju ke klimaks dengan pendedahan demi pendedahan aktiviti yang dilakukan oleh Suzana, Rafayel dan Castello. Pada plot ini watak pembantu Azura wartawan TVKL banyak memainkan peranan kerana melalui pendedahan Azura, kegiatan Castello dan kumpulannya dapat dibongkar. Selain itu, risikan turut dilakukan oleh Aleeza, Syafikah dan juga Mazlan. Setelah markas dan kegiatan mereka dapat dibongkar berlaku dua pertempuran antara Unit Gerak Khas dan juga Castello pertama di kelab milik Suzana dan kedua di sebuah gudang yang menjadi markas Castello. Inspektor Syafikah terkorban dalam pertempuran ini. Dia dianggap wirawati dalam cerita ini atas keberaniannya.

1.3.2 Plot Naratif Filem Gerak Khas 2 (GK2)

Kisah ini adalah kesinambungan daripada Gerak Khas 1. Inspektor Mazlan dan Inspektor Aleeza ditugaskan untuk menyiasat tentang satu sindiket penyeludupan dadah terbesar di Malaysia yang diketuai oleh seorang penjenayah yang bernama Raziman. Dalam GK2 plot cerita dimulai dengan Laporan Wartawan Azura tentang pengedaran dadah dan penagihan dadah sambil diperhatikan oleh Karina. Dalam masa yang sama Unit Gerak Khas sedang membuat tugasan *undercover* di sebuah kelab. Berlaku adegan pertarungan dan tembak-menembak. Seterusnya plot beranjak ke kehadiran pegawai baharu ke Unit Gerak Khas iaitu Inspektor Zamri dan Inspektor Julia. Selain itu, kedatangan Inspektor Zamri menimbulkan perasaan cemburu di hati Inspektor Mazlan. Dalam masa yang sama, babak tunang Julia diperkenalkan melalui babak konflik antara mereka. Julia dalam dilema antara tunang dan juga tangungjawab sebagai seorang pegawai polis. Dalam masa yang sama Raziman semakin rancak menjalankan kegiatannya penyeludupan dan pengedaran dadah. Hal ini merupakan satu cabaran kepada pihak polis. Plot mencapai kemuncaknya apabila kegiatan Raziman dan konco-konconya semakin berleluasa. Azura masih lagi diancam dalam GK2 kerana keberaniannya membongkarkan kegiatan jenayah pengedaran dadah. Pertempuran berlaku di markas militan yang juga tempat persembunyian Raziman dan Karina. Sindiket Raziman dan Karina dapat ditumpaskan.

1.3.3 Plot Naratif Filem Gerak Khas 3 (GK3)

Plot GK3 pula dimulakan dengan pembunuhan seorang wanita bernama Suzana di apartmentnya. Pada babak ini dipaparkan aksi wanita yang tiba-tiba dicekup oleh saspek yang wajahnya tidak didedahkan. Menurut laporan polis, kes ini dikaitkan dengan seorang penjenayah yang diburu polis iaitu Ramon. Seterusnya pihak Unit

Gerak Khas turut melaporkan bahawa kebelakangan ini banyak berlaku kes rogol dan bunuh melibatkan wanita-wanita muda. Pihak polis terus membuat pencarian saspek yang semakin berleluasa. Seterusnya sub plot turut menyentuh tentang konflik Aleeza dan adiknya Misha yang baru berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bekerja. Namun tindak-tanduk adiknya sangat membimbangkan tambahan pula kes-kes yang sedang diselidik olehnya. Plot seterusnya mendedahkan Ramon sebagai saspek utama sindiket-sindiket dadah, pengedaran wang palsu dan beberapa jenayah lagi. Dalam masa yang sama Inspektor Farah yang sedang mengendalikan kes berkaitan dengan Ramon, terlibat dengan masalah percintaan dengan Zarul salah seorang orang kanan Ramon. Begitu juga Misha yang sedang menjalinkan percintaan dengan Zack dan akhirnya dia tahu siapa dan apakah pekerjaan sebenarnya. Plot seterusnya membawa ke penculikan adiknya atas dasar dendam. Pada masa yang sama membawa ke serbuan markas Ramon. Pada masa yang sama turut mendedahkan siapakah Julia, yang menjadi teman baik Misha.

Ketiga-tiga filem ini mempunyai plot yang hampir sama iaitu pendedahan aktiviti jenayah baik melalui laporan orang ketiga, mahupun adegan yang melibatkan jenayah tersebut. Seterusnya konflik peribadi (cinta dan keluarga), pembongkaran sindiket yang disebabkan oleh sesuatu tragedi contohnya pembunuhan dan penculikan. Hal ini mendorong ke penyerbuan markas dan berlaku adegan pertempuran. Plot menurun dan menuju ke pengakhiran plot. Dalam setiap plot bagi ketiga-tiga filem watak lelaki dan perempuan memainkan peranan yang penting.

1.4 Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah melihat aspek representasi dalam filem trilogi aksi keluaran Skop Production iaitu Gerak Khas 1, Gerak Khas 2 dan Gerak Khas 2. Pengkaji akan menfokuskan kepada aspek representasi gender dalam ketiga-tiga filem arahan Dato' Yusuf Haslam ini. Untuk tujuan itu skop kajian hanya akan menyelidik watak-watak utama bagi protagonis dan antagonis lelaki dan wanita, Dari ketiga-ketiga filem ini hujahan akan berkisarkan kepada 19 watak yakni GK 1 (8 watak), GK 2 (8 watak) dan GK 3 (5 watak). Watak Inspektor Aleeza muncul di kesemua trilogi filem, Azura dalam dua filem (GK1 & GK2) dan Inspektor Mazlan dalam dua filem (GK1 dan GK2). Pengkaji cuma menfokuskan pada watak utama protagonis dan antagonis sahaja yang mana kemunculannya paling kerap dan berdialog kerana setiap watak mempunyai peranan tersendiri bagi menghidupkan jalan cerita serta skop kajian. Penjelasan lanjut tentang pemilihan watak telah diterangkan secara lanjut dalam Bab 3.

Kenapa memilih 5 kategori dan kenapa memilih Van Leeuwen? Pengkaji memilih 5 kategori daripada kerangka Van Leeuwen kerana melalui aspek *categorization* pengkaji dapat membuat pilihan kategori-kategori watak dalam filem ini serta menumpukan kepada aktiviti *fuctionalization* dalam trilogi ini. Selain itu bagaimakah ciri-ciri watak tersebut? Bagaimakah mereka dikenali *nomination*? Selain itu pengkaji turut melihat bagaimana ciri-ciri atau karakteristik watak bagi menentukan ciri-ciri maskuliniti dan feminiti mereka *identification*. Seterusnya pengkaji turut melihat bagi aspek *role allocation* bagi melihat sama ada representasi maskuliniti dan feminiti ditampilkan secara aktif atau pasif.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melihat bagaimana lelaki dan wanita direpresentasikan dalam filem bergenre aksi. Tambahan pula cerita yang dipaparkan adalah tentang kerjaya yang banyak didominasikan oleh lelaki, oleh itu kajian ini melihat serta menjelaskan tentang bagaimana seorang watak atau karakter lelaki dan wanita dibentuk. Bukan itu sahaja, kajian ini juga penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang gender. Selain itu dapat memberi satu pengetahuan baru tentang stereotaip.

Kajian ini menumpu khas kepada representasi gender atau wacana gender. Selain dapat menyumbang ke dalam bidang linguistik dan juga secara tidak langsung kepada bidang kepolisan secara umumnya kerana dapat membantu memartabatkan badan ini. Di samping itu melihat bagaimana filem ini membantu dalam perkembangan bidang wacana. Memandangkan saluran media tidak lari daripada kehidupan kita seharian maka melalui kajian ini kita dapat melihat bagaimana watak dicitrakan atau representasi gender. Ini akan memberi impak kepada kita dalam kehidupan seharian dan juga dalam penghasilan identiti. Hasil penelitian diharapkan dapat memberi pengertian jelas tentang representasi gender sama ada pewacana bias dalam memaparkan watak wanita dan lelaki, atau wanita cuma berfungsi sebagai tempelan sahaja di layar perak. Selain itu pengkaji turut merungkai adakah ciri-ciri maskuliniti dan femininiti masih lagi distereotaipkan dengan jantina lelaki dan wanita sahaja.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Rangka teori yang dijadikan panduan atau landasan akan dibincangkan dalam Bab ini. Sorotan utama rangka kajian ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian sebelumnya oleh penyelidik yang berkaitan tema kajian iaitu pembahasan tentang representasi gender khususnya aspek maskuliniti dan femininiti di dalam filem. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan tentang gender, peranan gender serta stereotaip berkaitan dengan gender. Di samping itu, pengkaji akan memperincikan karakteristik maskuliniti dan femininiti. Seterusnya, pokok perbincangan dalam kajian ini adalah berdasarkan pandangan-pandangan sarjana dan juga dapatan-dapatan daripada kajian lepas. Pengkaji terlebih dahulu memberi penjelasan tentang aspek-aspek gender serta teori berkaitan seterusnya memberi penerangan lanjut tentang aspek-aspek maskuliniti dan femininiti. Bab ini dibahagikan kepada berikut:

- Gender dan teori berkaitan (bahagian 2.1)
- Stereotaip gender (bahagian 2.1.1)
- *Bem Sex role inventories* (bahagian 2.1.2)
- Gender Bahasa dan wibawa kuasa (bahagian 2.1.3)
- Adjektif dalam pembentukan gender (2.1.4)
- Kata kerja bagi menunjukkan aksi sosial dan aktiviti (bahagian 2.1.5)

Seterusnya bagi melihat aspek representasi, pengkaji telah menerangkan dalam bahagian 2.1 serta aplikasi teori yang lepas pada bagaiamn 2.2.1. Oleh kerana filem yang dikaji merupakan genre filem aksi, pengkaji telah membuat sedikit tinjauan tentang kajian lepas yang berkaitan dengan filem bergenre aksi pada bahagian

2.3 dan 2.3.1. Seterusnya pada bahagian 2.4 pengkaji membuat tinjauan tentang teori transitiviti visual dan semiotik sosial.

2.1 Gender dan teori berkaitan

Istilah gender sering dikelirukan dan disinonimkan dengan jantina. Sarjana terdahulu telah membuat perbezaan antara jantina dan juga gender yakni jantina lebih kepada aspek biologi dan juga melibatkan perbezaan organ seks manakala gender pula dibentuk melalui sosial dan budaya. *Seks* atau *jantina* telah ditentukan sejak lahir dan dibezakan secara fizikal antara keduanya (lelaki dan perempuan). Selain itu lelaki dan perempuan mempunyai fungsi alat reproduksi yang berbeza. Bukan itu sahaja fungsi antara kedua-duanya tidak boleh ditukarkan ganti kerana telah ditentukan secara biologi. Sifat lelaki dan wanita sering dibezakan berdasarkan sifat biologi mereka. Jariah Mohd. Jan (2003) menyatakan terdapat tiga perbezaan utama antara lelaki dan wanita iaitu dari segi organ seks, fungsi reproduktif dan juga kekuatan fizikal. Berlainan dengan gender yang merupakan perbezaan fungsi peranan sosial yang dikonstruksi oleh masyarakat seterusnya menentukan tanggungjawab lelaki dan perempuan. Gender boleh dilihat sebagai istilah yang lebih luas yang lebih menyeluruh dan kompleks, (Graddol and Swan, 1989). Gender menjelaskan ciri-ciri femininiti dan maskuliniti pada lelaki dan perempuan. Secara umumnya istilah seks dan gender dapat dikesan melalui teori feminis yang banyak membincangkan tentang perempuan, lelaki, feminiti dan maskuliniti (Rubin, 1975).

Menurut Rubin (1975:34), *gender can be understood as the set of representations, spaces, features, practices and expectations that are assigned to men and women from their biological difference as something natural.* Hal ini demikian kerana setiap orang dilahirkan dengan ketentuan jantina sama ada lelaki atau

perempuan. Namun dalam proses pembesaran, persekitaran dan budaya yang mempengaruhi kecenderungan gender seseorang. Hal ini dinyatakan oleh Wood (2003:21) dalam definisi gender iaitu;

...One way to understand gender is to think of it as what we learn about sex. We are born male or female a classification based on biology but we learn to be masculine and feminine. Gender is a social construction that varies across cultures, over time within a given culture, and in relation to the other gender.

Maksudnya di sini bahawa gender ialah sesuatu yang dipelajari iaitu sama ada menjadi maskulin atau feminin. Bukan seperti jantina yang mana setiap orang dilahirkan sebagai berjantina lelaki atau perempuan berdasarkan klasifikasi biologi masing-masing. Pembinaan struktur sosial gender juga berbeza mengikut budaya. Teori semasa gender yang telah dikemukakan oleh sarjana terdahulu seperti Butler, Wood dan Baxter menyatakan gender bukan sahaja bermaksud berkelakuan seperti lelaki atau wanita dalam masyarakat yang berbeza-beza dari satu keadaan ke depan, dari satu kumpulan sosial atau masyarakat yang lain dan mengikut matlamat yang berbeza, tetapi juga bahawa manusia merupakan ejen aktif dan terlibat dalam mereka melakukan penggenderan (*gendering*) atau melakukan gender (*doing gender*). Maksudnya di sini ialah setiap individu bertindak dan berkelakuan seperti apa yang seharusnya menjadi norma gender itu sendiri. Perbezaan jantina juga mencipta satu status yang berbeza antara lelaki dan perempuan. Bukan sahaja dari segi tubuh badan, keupayaan, kemampuan dan juga keperluan.

Sementara itu gender pula merupakan perbezaan status dan peranan antara lelaki dan perempuan yang dibentuk oleh masyarakat bersesuaian dengan nilai budaya yang berlaku dalam jangkamasa tertentu. Bukan itu sahaja gender juga merujuk kepada *attribute* dan perilaku yang dibentuk secara budaya yang ada pada lelaki dan

perempuan. Perempuan dianggap lemah lembut, emosional, keibuan, dan sebagainya. Sementara lelaki pula dianggap kuat, rasional, perkasa, dan sebagainya (Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2013). Seiring dengan apa yang pernah dinyatakan oleh Reynaud (1999:220);

Men were usually imaged as natural warriors, strong and aggressive. Used well, these qualities emerged as a manly defence of the weak; when corrupted they became violent bestiality. Women on the other hand were considered to be the embodiment of quiescent qualities in the human spirit: passivity, compassion and nurture.

Sekalipun seseorang wanita itu berpakaian dan berpenampilan seperti lelaki belum cukup untuk mengatakan dia seorang maskulin. Namun yang lebih penting adalah apa yang difikir serta dilakukan yang memaknakan ia sebagai maskulin (Innes, 2004). Sehubungan itu tidak semua lesbian, maskulin dan tidak semua yang berpenampilan maskulin itu lesbian (Wood, 2007).

2.1.1 Stereotaip gender

Stereotaip adalah kepercayaan bersama sesuatu kelompok (McGarty, Yzerbyt & Spears, 2002). Stereotaip kebanyakannya disampaikan melalui pendidikan dan media sosial. Contohnya melalui televisyen, filem, buku, iklan, radio, majalah dan surat khabar. Selain itu, stereotaip sebahagian besarnya berdasarkan struktur budaya dan masyarakat, yang menjadi panduan dalam tindakan individu. Ia juga memberikan maklumat tentang tingkah laku dan norma yang dianggap sebagai stereotaip gender (Bodén & Hammer, 2008). Dengan cara ini, beberapa tingkah laku dianggap lebih feminin atau wanita, sementara yang lain dianggap lebih maskulin atau lelaki. Stereotaip wanita menunjukkan wanita sebagai emosi, *nurture* dan mudah bersimpati.

Berdasarkan kajian lepas, sememangnya banyak perbezaan gender yang mengkhusus pada lelaki dan wanita dari pelbagai aspek iaitu aspek fizikal, biologi dan juga bahasa yang digunakan. Coates (1986) menyatakan bahawa hal ini bukanlah disebabkan oleh faktor biologi tetapi dibentuk oleh faktor sosial iaitu persekitaran. Media-media seperti pengiklanan, filem, drama serta novel banyak memaparkan perbezaan antara dua gender ini. Stereotaip gender sentiasa dan masih wujud dalam masyarakat kita, bagaimanapun isu ini semakin serius kerana stereotaip gender sudah diterapkan sejak kanak-kanak lagi. Stereotaip gender adalah satu tanda ketidaksamaan jantina. Menurut Berry et al. (1992), stereotaip gender berkongsi kepercayaan dalam masyarakat tentang lelaki dan wanita. Banyak dapat menyatakan bahawa lelaki dan wanita yang sangat berbeza antara satu sama lain. Lelaki biasanya dilihat dominan, bebas dan sukaikan cabaran manakala wanita pula sebagai emosi, patuh dan lemah. Secara lahiriahnya lelaki dan wanita berbeza bukan sahaja dari segi fizikal, ciri-ciri biologi yang ada pada mereka malah emosi dan tingkahlaku juga. Sehubungan itu terciptalah stereotaip bagi membezakan lelaki dan perempuan ini. Istilah stereotaip memberi konotasi yang negatif tetapi beberapa teori tidak menekankan aspek dan proses yang negatif (Macrae & Bodenhausen, 2000).

Jenis dan stereotaip adalah dua elemen yang digunakan media baik filem, drama atau media massa untuk menggambarkan realiti. Banyak imej atau identiti yang direprsentasikan di kaca televisyen atau layar perak memaparkan stereotaip wanita. Stereotaip bermaksud proses menggeneralisasikan keseluruhan kelas dari suatu fenomena berdasarkan sedikit pengetahuan dari anggota kelas tersebut (Wood, 2003). Stereotaip memberi imej negatif pada satu-satu pihak (Begley, 2000). Stereotaip wanita pula tidak lari dari perkaitannya dengan seks dan gender iaitu suatu konsep sosial yang berhubungan dengan perbezaan karakter psikologi dan fungsi sosial antara


lelaki dan wanita yang dikonstruksi oleh masyarakat itu sendiri (Mufidah, 2003).

Perempuan digambarkan sebagai seseorang berkarakter lemah lembut, lebih beremosi, kurang cerdik dari lelaki dan menguruskan segala hal berkaitan dengan rumah tangga.

Menurut Hamilton et al. (2006: 757),

Stereotyped portrayals of the sexes and underrepresentation of female characters contribute negatively to children's development, limit their career aspirations, frame their attitudes about their future roles as parents, and even influence their personality characteristics.

Stereotaip gender dikategorikan berdasarkan penampilan fizikal iaitu ciri-ciri, tingkah laku dan pekerjaan.



Rajah 2.1 Stereotaip (adaptasi daripada model Deaux & Lewis, 1984).

Rajah 2.1 menunjukkan perbezaan lelaki dan wanita yang dilihat melalui penampilan fizikal (Deaux & Lewis, 1984). Berdasarkan model ini, ciri-ciri individu dan pekerjaan (peranan) mempengaruhi penilaian terhadap tingkah laku. Selain itu terdapat enam stereotaip gender yang dikaitkan dengan lelaki yang terdapat dalam semua budaya iaitu lelaki *adventurous, dominant, forceful, independent, masculine*

and strong. Manakala bagi wanita pula terdapat tiga adjektif iaitu *sentimental, submissive and superstitious.*

Stereotaip gender masih lagi wujud dalam masyarakat kita, yang lebih serius lagi gender stereotaip ini sudah disampaikan kepada anak-anak dan generasi mereka. Namun, yang lebih serius lagi ialah stereotaip ini sudah menular kepada anak-anak dan generasi mereka. Hal ini disebabkan kepercayaan ini sudah dipupuk dalam diri masyarakat tersebut sedari kanak-kanak lagi. Cerita-cerita kartun merupakan medium yang paling berkesan untuk menyalurkan stereotaip ini iaitu melalui karakter-karakter yang menjadi kegemaran kanak-kanak. Contohnya syarikat Disney yang banyak mengeluarkan cerita-cerita kartun yang digemari oleh golongan ini. Thompson dan Zerbino (1995) mendedahkan bahawa 47 daripada 175 kartun yang ditayangkan oleh syarikat televisyen di Amerika memaparkan mesej stereotaip gender. England et al. (2011) pula menyatakan bahawa karakter putera dalam keluaran Disney banyak menonjolkan putera yang gagah, penyelamat sang puteri yang selalunya malang. Contohnya filem *Snow White, Rapunzel* dan banyak lagi.

Dalam situasi perfileman Malaysia pula, Fuziah dan Faridah (2000) telah melihat sejak era kegembilangan perfileman Melayu lagi, stereotaip imej wanita telah mendominasi layar perak. Menurut Fuziah dan Faridah (2000) pada era tersebut imej wanita digambarkan sebagai baik hati, patuh dan sanggup berkorban. Manakala watak wanita yang antagonis pula sebagai wanita yang materialistik dan pemecah belah rumah tangga. Contohnya dalam filem Hujan Panas (1953), Rachun Dunia (1950) dan Bernoda (1956). Gender sering digunakan untuk membuat analisis terhadap peranan (*roles*), tanggungjawab (*responsibilities*), kekangan (*constraints*) serta keperluan (*needs*) bagi lelaki dan perempuan dalam semua perkara dan sesuatu konteks sosial.

Apabila merujuk kepada peranan gender, mewujudkan pandangan yang stereotaip antara kedua-dua gender ini. Stereotaip ditentukan oleh budaya masyarakat itu sendiri. Hal ini demikian kerana stereotaip wujud dari konstruksi budaya (Hall, 1997). Pleck (1981) telah membezakan antara peranan lelaki tradisional iaitu bercirikan kekuatan fizikal kurang ekspresi emosi dan pendedahan diri, jangkaan menguasai wanita dan kepercayaan *double standard* mengenai aktiviti seksual dan peranan lelaki yang moden; antaranya termasuk pencapaian ekonomi, kemahiran intelek dan interpersonal, heteroseksual dan emosi.

Menurut O' Brien's (1983: 210), mengikut ideologi patriarki dalam keluarga Melayu, seorang wanita tidak perlu ke sekolah. Peranan gender ialah peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada lelaki dan wanita yang ditentukan oleh budaya dan politik, yang disosialisasikan dan dipatuhi. Peranan gender boleh berubah mengikut peredaran masa, di antara masyarakat dan budaya. Bukan itu sahaja perubahan juga boleh diakibatkan oleh perubahan sosial, ekonomi dan politik. Peranan gender wujud dari persepsi sosial tentang perbezaan antara lelaki dan wanita yang menentukan bagaimana lelaki dan wanita harus berfikir, bertindak dan menunjukkan emosi. Sementara istilah khusus peranan gender didefinisikan berbeza dalam setiap budaya. Peranan gender biasanya mengandungi ciri-ciri umum tertentu seperti jangkaan perwatakan personaliti tertentu. Apabila menyebut peranan stereotaip gender pasti terbayangkan tugas wanita selaku suri rumah, atau kerja-kerja yang melibatkan urusan rumah tangga. Sifat-sifat wanita seperti suka membelai dan tidak berdikari, manakala lelaki lebih assertif dan berdikari. Wanita digambarkan sebagai pasif. Manakala lelaki pula sangat cocok berperanan lasak dan melakukan tugas yang berat atau menggunakan kecekapan kerana mereka bakal menjadi suami dan ayah.

Pada suatu masa dahulu wanita tidak perlu berpendidikan tinggi kerana mereka akan ditanggung oleh ibu bapa dan suami setelah berkahwin. Melalui proses globalisasi, kini peranan wanita dapat mencabar stereotaip peranan tradisional yang sudah melekat dengan mereka sekian lama. Pendidikan moden bukan sahaja mampu menaikkan status wanita dalam masyarakat. Sedikit sebanyak kini wanita juga mampu berdiri sama tinggi dengan lelaki. Banyak wanita yang melibatkan diri dalam bidang profesional. Profesional yang dimaksudkan oleh pengkaji seiring dengan definisi oleh Millerson (1972:5) iaitu:

Specialised skill and service, and intellectual and practical training, a high degree of professional autonomy, and responsibility for the profession. As a whole an embargo on some methods of attracting business and an occupational organisation testing competence, regulating standard and maintaining discipline.

Bukan itu sahaja, stereotaip lelaki dan wanita tidak menfokuskan kepada tingkahlaku secara fizikal (*non verbal*) malah secara verbal juga. Bahasa lelaki dan wanita berbeza, kandungan topik dan kegunaannya (Haas, 1979; Holmes, 1995; dan Coates, 2003). Lelaki akan menunjukkan sifat sebagai maskulin. Menurut Coates (2003) yang dalam perbualan lelaki lebih banyak berkisarkan tentang perihal lelaki contohnya perlawanan, pergaduhan, mesin, kuasa dan bertanding.

2.1.2 Aspek Maskuliniti dan Femininiti

Dalam mencari jawapan tentang persoalan kajian tentang representasi maskuliniti dan femininiti, pengkaji mengutarakan beberapa persoalan bagi mendapatkan jawapan berdasarkan teori-teori gender sarjana-sarjana yang lepas. Apakah representasi maskuliniti dan femininiti? Adakah representasi maskuliniti hanya khusus pada lelaki dan femininiti khusus pada wanita? Seterusnya pengkaji

melihat sama ada representasi tersebut mencabar stereotaip. Sehubungan itu, perlu difahami bahawa maskuliniti dan femininiti adalah berbeza merentasi budaya, berkaitan dengan bangsa dan seksualiti, dan juga boleh berbeza dalam budaya (Jackson & Scott 2002: 2). Peranan gender adalah hasil daripada ideologi gender yang dominan, yang operasinya ditakrifkan oleh stereotaip peranan jantina dan norma yang dikenakan oleh penyampai budaya (ibu bapa, guru dan rakan sebaya) (Levant 1996: 260). Sementara itu, Rubin (2008) menggunakan konsep sistem jantina / gender untuk menjelaskan bahawa terdapat satu set pengaturan di mana seks biologi berubah menjadi produk aktiviti manusia. Apa yang disentuh oleh Rubin ialah hakikat bahawa lelaki dan wanita diberi peranan yang berbeza dalam masyarakat. Sebagai contoh, Macnamara (2006: 23) menjelaskan bahawa istilah maskuliniti dan femininiti telah digunakan sebelum ini untuk menggambarkan ciri-ciri gender; bagaimanapun, pegertian sifat-sifat ini telah dipengaruhi oleh faktor biologi. Peranan "tradisional" lelaki dalam masyarakat adalah, sebagai pelindung keluarga dan pemberi nafkah berdasarkan ciri-ciri fizikal. Ciri-ciri ini kemudiannya alat pengukur maskuliniti seseorang lelaki.

Pascoe (2012) dalam kajiannya mengutarakan bahawa antara ciri-ciri maskuliniti ialah ketakutan dan kebencian terhadap homoseksual, berdikari, pencapaian dan status, keagresifan, bebas hubungan terhadap seks, mengelakkan bersifat kewanitaan dan batasan emosional. Beliau membuat penilaian berdasarkan *Male Role Norm Inventory* mengikut pendekatan Levant & Richmond (2007: 131). Manakala bagi *feminine norm inventory* pula digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri femininiti dalam diri individu. Berikut adalah inventori seperti yang dikemukakan oleh Mahalik et al. (2005). Saling mendukung dalam perhubungan, menjaga penampilan, tubuh yang ideal (*thinness*), *Modesty*, domestik, prihatin dengan anak-

anak, hubungan yang romantis, mengekalkan *sexual fidelity* dan seterusnya mengekalkan penampilan dengan memperuntukkan wang untuk memperbaiki penampilan diri.

Konsep lelaki atau wanita sangat mudah difahami kerana perkataan ini berkaitan dengan perbezaan sistem biologi masing-masing yang membentuk jantina ini. Namun perkataan feminin dan maskulin berkait rapat dengan gender yang terbentuk secara budaya. Identiti yang dibentuk berdasarkan pengenalan jantina sebagai seorang lelaki atau wanita berkaitan dengan gender tadi dipanggil 'femininiti' dan 'maskuliniti'. Dalam kajian Stets dan Burke (2000: 1), kewanitaan dan kelelakian ditakrifkan sebagai identiti gender seseorang, yang merujuk kepada sejauh mana individu yang melihat diri mereka sebagai maskulin atau feminin, berdasarkan apa yang dimaksudkan untuk menjadi lelaki atau perempuan dalam masyarakat tertentu.

Sebagai contoh, lelaki merupakan pencari nafkah keluarga (*bread-winner*), bertubuh sasa dan juga *sporty* manakala yang beremosi, penyayang, langsing dan menarik adalah paparan stereotaip kewanitaan (femininiti) (Williams, 2007). Selain itu, tingkah laku dibina melalui budaya manakala kelelakian dan kewanitaan pula adalah konsep yang mudah dibentuk. Hakikat bahawa pembinaan ini tidak semula jadi bermakna bahawa apa yang direprsentasi sebagai lelaki dan perempuan juga mungkin berbeza dari segi budaya dan sosial, tingkah laku ini oleh itu dianggap sebagai maskuliniti dan femininiti (Connell & Messerschmidt 2005; Baker 2008). Selain itu, kepelbagai dalam personaliti, tingkah laku, kepercayaan dan sikap individu dan wanita secara semula jadi mencipta bersaing cara melaksanakan maskuliniti dan femininiti, yang membawa kepada konsep *masculinities pluralized* dan *femininities* (Baker, 2008).

Holmes (2007) pula menyatakan perbezaan menjadi feminin atau maskulin dihasilkan secara sosial (*socially produced differences between being feminine and being masculine*). Berbeza biologi tidak boleh mengambil kira fakta bahawa orang yang mungkin lebih atau kurang feminin dan lebih atau kurang maskulin kerana maskulin atau feminin bukan milik satu-satu gender (Holmes, 2007). Skelton & Francis (2002) juga pernah mengutarakan bahawa terdapat juga tingkah laku maskulin yang dilakukan oleh wanita. Perkaitan kuasa antara kedua-dua istilah ini; maskuliniti dan femininiti memerlukan pertimbangan. Tidak mustahil tentang wujudnya wanita berperwatakan maskulin (*female masculine*) atau lelaki yang bersikap dan berpewatakan wanita (*masculine femaleness*). Dakwaan ini merujuk kepada kajian mereka terhadap pelajar-pelajar lelaki dan wanita di sekolah rendah. Pelajar lelaki lebih kurang pencapaian berbanding pelajar wanita dan pelajar lelaki seharusnya lebih berdaya saing. Pelajar lelaki telah difemininkan dan isu yang berlaku ialah sifat pelajar lelaki *ladishness*. Sebaliknya pelajar perempuan pula menunjukkan prestasi yang lebih baik. Bagi membentuk sifat maskuliniti tersebut harus bermula dari sekolah. Sebaliknya pelajar ingin membentuk sifat maskulin bersifat degil dan nakal yang mana sifat ini merupakan sifat negatif bagi maskulin. Perbezaan dalam pembentukan gender ini juga berbeza mengikut budaya. Contohnya pelajar kulit hitam perempuan lebih *assertive* dan mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar lelaki berkulit hitam. Berbanding dengan pelajar perempuan Asia lebih pasif, lemah lembut dan banyak disisihkan oleh keluarga (Fuller, 1982 dan William, 1987).

2.1.3 *Bem Sex Role Inventories*

Dalam mengukur ciri-ciri maskuliniti dan femininiti dalam diri individu terdapat beberapa pendapat dari pelbagai bidang yang saling berkaitan antara satu sama lain. Bem (1981) yang terkenal dengan inventori yang dipanggil *Bem Sex Role Inventory* -BSRI yang mana inventori ini telah mengenalpasti gender skematik dan gender askematik individu yang mengandungi 60 perkataan yang dibahagikan kepada 20 stereotaip maskulin, 20 stereotaip feminin dan juga 20 stereotaip yang neutral. Gender skematik ialah ciri-ciri gender yang mempunyai dimensi dan skema tertentu yang telah ditetapkan. Manakala gender askematik pula tiada penetapan skema untuk gender tertentu tetapi diperolehi melalui cara didikan serta pengaruh persekitaran budaya. Berikut merupakan BSRI yang digagaskan oleh Bem yang disenaraikan secara rambang.

Jadual 2.1: *Bem Sex Role Inventory*

1. <i>self reliant</i> 2. <i>yielding</i> 3. <i>helpful</i> 4. <i>defends own beliefs</i> 5. <i>cheerful</i> 6. <i>mood</i> 7. <i>independent</i> 8. <i>shy</i> 9. <i>conscientious</i> 10. <i>athletic</i> 11. <i>affectionate</i> 12. <i>theatrical</i> 13. <i>assertive</i> 14. <i>flatterable</i> 15. <i>happy</i> 16. <i>strong personality</i> 17. <i>loyal</i> 18. <i>unpredictable</i> 19. <i>forceful</i> 20. <i>feminine</i>	21. <i>reliable</i> 22. <i>analytical</i> 23. <i>sympathetic</i> 24. <i>jealous</i> 25. <i>leadership ability</i> 26. <i>sensitive to other's needs</i> 27. <i>truthful</i> 28. <i>willing to take risks</i> 29. <i>understanding</i> 30. <i>secretive</i> 31. <i>makes decisions easily</i> 32. <i>compassionate</i> 33. <i>sincere</i> 34. <i>self-sufficient</i> 35. <i>eager to soothe hurt feelings</i> 36. <i>conceited</i> 37. <i>dominant</i> 38. <i>soft spoken</i> 39. <i>likable</i> 40. <i>masculine</i>	41. <i>warm</i> 42. <i>solemn</i> 43. <i>willing to take a stand</i> 44. <i>tender</i> 45. <i>friendly</i> 46. <i>aggressive</i> 47. <i>gullible</i> 48. <i>inefficient</i> 49. <i>acts as a leader</i> 50. <i>childlike</i> 51. <i>adaptable</i> 52. <i>individualistic</i> 53. <i>does not use harsh language</i> 54. <i>unsystematic</i> 55. <i>competitive</i> 56. <i>loves children</i> 57. <i>tactful</i> 58. <i>ambitious</i> 59. <i>gentle</i> 60. <i>conventional</i>
---	---	---

Jadual 2.2: Ciri-ciri maskuliniti dan femininiti BSRI

Feminine traits	Masculine traits
1. Yielding	<i>Self Reliant</i>
2. Shy	<i>Independent</i>
3. Flatterable	<i>Strong personality</i>
4. Sympathetic	<i>Forceful</i>
5. Soothes hurts	<i>Leadership</i>
6. Warm	<i>Decisive</i>
7. Gullible	<i>Dominant</i>
8. Dont use harsh language	<i>Agressive</i>
9. Understanding	<i>Individualistic</i>
10. Cheerful	<i>Ambitious</i>
11. Affectionate	<i>Defends beliefs</i>
12. Loyal	<i>Assertive</i>
13. Gentle	<i>Takes risks</i>
14. Sensitive	<i>Self sufficient</i>
15. Soft Spoken	<i>Tales a stands</i>
16. Tender	<i>Leads others</i>
17. Childlike	<i>Competitive</i>
18. Love Children	<i>Analytical</i>
19. Feminine	<i>Athletic</i>
20. Compassionate	<i>Masculine</i>

Berdasarkan BSRI yang digagaskan setiap sifat yang merujuk kepada lelaki dan wanita juga mempunyai sisi positif dan negatif (Lina & Robert 1995). Jadual 2.3 berikut menunjukkan aspek positif dan negatif bagi ciri maskuliniti dan femininiti:

Jadual 2.3: Ciri-ciri negatif maskuliniti dan femininiti

Feminine traits		Masculine traits	
Positive	Negative	Positive	Negative
Patient	Timid	Strong	Aggressive
Sensitive	Weak	Confident	Bossy
Devoted	Needs approval	Firm	Sarcastic
Responsible	Dependent	Forceful	Rude
Appreciative	Nervous	Carefree	Feels superior

Model BSRI Bem banyak dijadikan rujukan dalam kajian-kajian pelbagai bidang berkaitan dengan peranan gender dan aspek psikologi antaranya oleh Holt & Ellis (1998) dan Holt, Zinser & Tennyson (2001). Dalam masa yang sama BSRI yang

digagaskan tidak lari dari kritikan sarjana-sarjana lain kerana setelah lebih 20 tahun teori ini dipelopori dan diperkembangkan, terdapat banyak perubahan terhadap peranan lelaki dan wanita. Namun tidak dinafikan inventori ini masih sah untuk digunakan dan sehingga kini masih lagi digunakan. BSRI direka untuk membezakan antara individu maskulin, feminin, dan bergender dengan melihat perbezaan dalam skor pada bahagian feminin skala dan skor pada bahagian maskulin. Dalam erti kata lain apabila skor sifat feminin seseorang ditolak dari markah sifat maskulin beliau, perbezaan menentukan tahap maskuliniti, femininiti atau androgini. Idea Bem adalah untuk menggunakan ciri-ciri maskulin dan feminin yang dilihat oleh masyarakat sebagai wajar dalam satu jantina atau yang lain. Untuk mencapai skala terakhirnya, dia mula dengan senarai panjang ciri-ciri bernilai positif yang seolah-olah beliau dan beberapa pelajar psikologi dia menjadi sama ada maskulin, feminin, atau tidak maskulin atau feminin.

A characteristic qualified as masculine if it was judged to be more desirable for a man than for a woman, and it qualified as feminine if it was judged to be more desirable for a woman than for a man,

(Bem, 1981, 155-156).

Satu ciri yang layak sebagai maskulin jika dinilai sebagai lebih wajar bagi seorang lelaki daripada bagi seorang wanita, dan ia layak sebagai feminin jika ia dinilai sebagai lebih wajar bagi seorang wanita berbanding seorang lelaki (Ms. 155-156). BSRI terus menggunakan pengaruh yang kuat dalam kajian yang melibatkan seksualiti dan gender. Malah ciri-ciri tersebut telah menjadi asas untuk penilaian gender dalam beratus-ratus kajian mengenai pelbagai topik. Sebagai contoh, BSRI telah digunakan dalam kajian mengenai kesan sikap lelaki terhadap wanita selepas melihat filem seks yang eksplisit (Mulac, Jansma, & Linz, 2002); bagaimana tingkah

laku gender berubah dan ianya bergantung kepada gender interlokuter (Pickard & Strough, 2003); variasi silang budaya dalam peranan jantina (Sugihara & Katsurada, 2000).

Pendekatan BSRI telah digunakan secara meluas oleh sarjana dalam mengukur persepsi peranan gender (Holt & Ellis, 1998). Namun begitu, terdapat juga kritikan terhadap instrumen BSRI dan prosedur *scoring* beliau antaranya, (Gaudreau, 1977; Locksley & Colten, 1979 dan Spence & Helmreich, 1979). Persoalan yang dibangkitkan adalah mengenai kesahihan instrumen BSRI termasuk sama ada item itu dikelaskan dengan betul sebagai feminin, maskulin, atau neutral; sama ada ciri-ciri feminin dan maskulin sama dalam keinginan sosial; dan sama ada kedua-dua item bagi feminin dan maskulin memenuhi prasyarat yang diperlukan untuk penilaian merumuskan. Gaudreau (1977) menyimpulkan bahawa kebanyakan item feminin dan maskulin memuat dua faktor asas yakni femininiti dan maskuliniti.

2.1.4 Gender, Bahasa dan Wibawa Kuasa

Menurut Holmes (1998) bahasa wanita dan lelaki berbeza dari segi penggunaan. Selain itu wanita cenderung untuk memberi tumpuan kepada fungsi afektif yang lebih kerap berbanding lelaki. Wanita juga cenderung menggunakan alat linguistik yang menekankan solidariti yang lebih kerap daripada lelaki. Gaya pertuturan wanita juga lebih fleksibel. Tannen (1990) pula menyatakan bahawa wanita lebih banyak bercakap dan berbanding lelaki. Wanita banyak menggunakan bahasa lelaki menunjukkan kekuasaan. Tannen (*ibid.*) dalam bukunya *You just dont understand* menyatakan bahawa bahasa lelaki dan wanita sangat berbeza kerana terdapat salah fahaman terhadap fungsi bahasa yang digunakan, contohnya kerjasama dari wanita ditafsirkan sebagai persaingan bagi lelaki.

Bahasa juga memainkan peranan penting dalam memperkenalkan gender yang mana gender berperanan sebagai satu proses komunikasi. Penyelidikan feminis dari 1960-an dan seterusnya telah menunjukkan satu pendirian yang kritis bahawa gender merupakan sebagai kategori analisis. Banyak penyelidikan telah menfokuskan pada isu sama ada cara bercakap wanita dan lelaki adalah berbeza, menerokai jenis femininiti dan ideologi maskulin dan bagaimana perkaitan mereka dinyatakan dalam bahasa. Bukti menunjukkan bahawa aspek assimetri antara lelaki dan perempuan adalah berbeza contohnya istilah *mister* dan *mistress* yang mana istilah *mistress* bagi wanita mempunyai assosiasi yang negatif.

Dalam konteks gender juga turut membahaskan tentang kaitan gender dengan bahasa dan kuasa yang mana tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain (Wetherall, 2002). Baxter turut mengutarakan bahawa dalam satu ruang kerja yang didominasi oleh lelaki, wanita yang bertindak sebagai ketua atau pemimpin akan menggunakan *double voice*. *Double-voiced discourse* ini tidak hanya berfungsi sebagai mempromosikan agenda mereka tetapi dalam masa yang sama menggabungkan suara-suara orang bawahan dan juga rakan sekerja. Dengan kata lain, ianya digunakan bagi mengukuhkan kuasa mereka sebagai ketua. Pemimpin wanita menggunakan *double voice discourse* ini untuk memastikan kelangsungan hidup mereka dan bagi mengelakkan wacana hegemoni gender memberikan stereotaip yang negatif kepada mereka. Dalam organisasi yang terdiri daripada pelbagai gender, *double voice discourse* ini merupakan satu alat yang penting yang boleh digunakan untuk menunjukkan ciri-ciri positif kepimpinan wanita, Matlamat ini belum tentu saja mengukuhkan perbezaan jantina. *Double voice discourse* ini hanya sesuai digunakan dalam organisasi yang mempunyai jantina lelaki dan perempuan yang mana pemimpin wanita menggunakannya untuk tujuan kepimpinannya.

Dalam wacana gender Baxter menjelaskan bahawa wanita juga berkeupayaan menjadi pemimpin. Dalam kajiannya tentang ciri-ciri kepimpinan wanita, beliau menyatakan bahawa;

Men use speech to command and control, to get access to the floor, and once there, to keep it. Men are likely to use language for display purposes, asserting their dominance through verbosity, name-dropping, subtle or overt boasting, and entertainment strategies such as jokes and anecdotes. Women on the other hand are expected to listen and to be amused by men. On the whole, they are expected to agree and support, not to interrupt, challenge or question the authority of men. Leadership language remains masculinised and the property of males in current businesses.

(Baxter, 2010:24)

Hal ini menunjukkan bahawa sememangnya pendekatan kepimpinan yang digunakan oleh lelaki dan wanita sangat berbeza. Baxter dalam kajiannya juga menyatakan bahawa;

I doubt that any business would openly describe itself as a male dominated corporation, and many senior people might say ‘that’s ancient history and we are not like that!’ Over 30 years of equal opportunities and laws against sex discrimination have ensured that most business in the 21st century would say they openly support and encourage women careers.

(Baxter, 2010:23).

Hal ini bermaksud lelaki sangat mendominasi jawatan tertentu. Bahasa yang digunakan juga menunjukkan kekuasaan mereka. Kuasa atau *power* dinyatakan sebagai “*focus on her quietly powerful voice; her use of crisp, dismissive language; and her expressive face*” (Ansens, 2006; Collis, 2006; *Does Their Real Life*, 2006; Rozen, 2006; Spencer, 2006). Dalam perpektif teori dominan oleh Baxter, beliau mendakwa bahawa hanya beberapa jawatan yang terhad bagi wanita untuk berada dalam dunia korporat yang didominasi oleh lelaki. Beliau mengemukakan beberapa

istilah yang merujuk kepada wanita iaitu *the mother, the Seductress, the Pet, and the Iron Maiden*. Seterusnya, Baxter menyatakan bahawa stereotaip peranan jantina ditunjukkan melalui bahasa. Bahasa maskulin yang paling biasa atau kerap digunakan merujuk kepada perang / pertempuran (*war / fighting*), sukan, permainan dan mencari pasangan. Lelaki selalu dilihat sebagai lebih rasional, berdikari, berdaya saing dan konfrontasi, manakala perempuan dilihat sebagai kurang rasional, bergantung, bekerjasama, pasif dan pendamai.

Sebagai wanita alaf baharu kekuasaan dan penampilan wanita ditonjolkan sebagai satu figura yang berkarisma. Tidak lagi sebagai mangsa keadaan atau kelas kedua. Hujah dibuktikan oleh kajian Spike (2012) yang mana Spike menunjukkan wanita mampu mencabar stereotaip yang mana dalam kajian tersebut beliau mendedahkan tentang kuasa wanita dalam karier, cinta dan persahabatan dalam filem *Devil in Prada*. Wanita menggunakan kuasa secara efektif dalam dunia perniagaan di samping membantu wanita lain untuk maju dalam karier mereka. Kuasa wanita dapat diperlihatkan melalui aspek verbal dan non verbal. Menyokong apa yang pernah dikaji oleh Ansen (2006) bahawa wanita menunjukkan kuasa dengan nada suara dan bahasanya yang *dimissive* serta melalui ekspresi wajahnya.

2.1.5 Adjektif dalam pembentukan identiti gender

Representasi gender juga menunjukkan gender menggunakan adjektif yang berlainan contohnya *beautiful, pretty* bagi menunjukkan daya tarikan (Porreca, 1984) ditujukan kepada wanita manakala adjektif bagi merujuk kepada lelaki lebih kepada ketinggian dan juga daya intelektual mereka (Sakita, 1995). Kajian Siti Hawa Salleh (1992) mendapati ciri wanita moden menunjukkan bahawa keutamaan telah diberi kepada penampilan ciri-ciri wanita yang cantik, setia dan bermaruah tinggi. Di sini

menunjukkan bahawa penampilan wanita lebih difokuskan kepada penampilan diri mereka. Lindsey (1990) menggagaskan model maskuliniti barat yakni; *No Sissy Stuff* (stigma pemilikan ciri kewanitaan); *The Big Wheel* (kejayaan, status, rasa hormat orang lain); *The Sturdy Oak* (yakin, berdikari, lasak); *Give ‘em Hell* (agresif, berani, kasar) dan *Macho Man* (penekanan kepada keberanian). Model itu menjelaskan bagaimana maskuliniti lelaki yang sentiasa dominan dalam kebanyakan aspek.

2.1.6 Kata kerja bagi menunjukkan aksi sosial dan aktiviti

Lelaki dan wanita dikenalpasti berbeza dalam beberapa aspek baik kriteria negatif mahupun positif. (Kobia, 2009). Kata kerja yang digunakan bagi merujuk kepada aktiviti kedua-dua gender ini juga berbeza. Starvik & Sager (2007) pula telah mengkelaskan kategori kata kerja kepada kata kerja statik dan dinamik. Bahiyah dan Basil (1998) pula telah mengkategorikan kata kerja aksi kepada lima iaitu kata kerja proses, kata kerja aktiviti, kata kerja yang menunjukkan perasaan, kata kerja transisional dan kata kerja momentari. Ruby Yang (2014) dalam kajiannya telah melihat sama ada terdapat perbezaan kata kerja yang digunakan oleh lelaki dan wanita dalam buku *Step Up*. Hasil Kajian menunjukkan lelaki dan wanita melakukan aktiviti yang sama namun wanita juga banyak menggunakan aktiviti yang merujuk kepada aktiviti dan juga tugas di rumah. Manakala bagi buku *Primary Longmen Express* lelaki dipaparkan sebagai aktif dan terlibat dengan aktiviti luar manakala perempuan pula terlibat dengan aktiviti kesenian seperti menari dan bermain muzik.

2.2 Representasi

“Representasi adalah satu proses menyampaikan imej sesuatu untuk berkomunikasi idea atau cerita”, menurut Benshoff dan Griffin (2004: 350). Menurut

Eriyanto (2001) representasi adalah bagaimana seseorang, satu kelompok, gagasan, pendapat, realiti objek tertentu ditampilkan dalam sebuah teks. Cara yang mudah untuk memahami konsep representasi adalah dalam sebuah rancangan televisyen contohnya, tidak sama seperti melihat sesuatu dalam kehidupan yang sebenar. Manakala menurut (Hall, 1997) bahasa merupakan sistem representasi yang mengandungi simbol dan tanda. Selain itu, Hall menyatakan:

Language, then, is the property of neither the sender nor the receiver of meanings. It is the shared cultural space 'in which the production of meaning through language - that is, representation takes place. (Hall 1997:10)

Maksudnya bahasa itu adalah kepunyaan sama ada pengirim atau penerima makna. Ia adalah ruang budaya yang dikongsi di dalamnya pengeluaran bermakna melalui bahasa iaitu, representasi berlaku. Menurut Hall (ibid.) representasi adalah sebuah cara memberikan makna pada benda yang digambarkan. Konsep lama mengenai representasi ini didasarkan pada jurang representasi yang menjelaskan perbezaan antara makna yang diberikan oleh representasi dan erti benda yang sebenarnya digambarkan. Berlawanan dengan pemahaman standard itu, Stuart Hall mendebatkan bahawa representasi harus difahami melalui peranan aktif dan kreatif setiap orang dalam dunia ini.


Apabila dikaitkan dengan representasi wanita dalam filem, wanita mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan ianya menjadi inspirasi pembikin filem baik pengarah mahupun penulis skrip untuk mencipta representasi wanita ke layar perak. Sehubungan dengan itu, dalam sesebuah filem, watak wanita dicitrakan secara berbeza mengikut tema dan juga siapa yang mendominasi cerita tersebut. Jika watak lelaki menjadi pendominasi cerita, watak wanita hanya sekadar watak *second class* atau

mungkin sekadar mewarnai jalan cerita. Namun hal ini bergantung kepada pengarah layar dan penulis skrip yakni bagaimana mereka mewarnai setiap watak wanita tersebut. Mengikut teori *social actor network* oleh Theo Van Leeuwen (1996) aktor sosial yang dipaparkan tidak kira lelaki maupun wanita dihilangkan atau ditonjolkan. Pengkaji terdahulu juga pernah mengutarakan budaya berat sebelah yang ditonjolkan dalam media massa dalam memaparkan karakter lelaki dan perempuan di tempat kerja (Atkin, Moorman & Lin, 1991; Japp, 1991; Vande, Berg & Streckfuss, 1992). Budaya berat sebelah yang dimaksudkan ialah wanita dipaparkan hanya sebagai pengikut dan lemah manakala lelaki pula selalu ditampilkan sebagai ketua dan cekap.

Dalam melihat representasi wanita dalam filem, Smith, Choueiti, Scofield dan Peiper (2013) telah menyenaraikan ketidaksamarataan gender dalam 500 buah filem Hollywood. Wanita dalam filem tersebut dimanipulasi dari segi penampilan yang seksi dan dari segi kemunculan pula lebih kurang dari lelaki. Hal ini kemungkinan disebabkan oleh stereotaip tentang wanita menurut Fakih Mansour (2010) dalam kajian Azlina Asaari dan Jamaludin Aziz (2013) wanita sememangnya dikenali dengan sifat lemah-lembut, cantik, emosional dan keibuan. Manakala Ruzy Suliza (2006) pula menyatakan sifat femininiti ideal yang menjadi idaman lelaki pastinya memiliki bulu mata yang lentik, bulu kening yang cantik bibir merah merekah, gigi tersusun, hidung mancung, pipi licin, rambut panjang mengurai dan betis bagi bunting padi. Hal ini menunjukkan wanita secara stereotaip di dalam cerita Melayu digambarkan mempunyai perwatakan yang sempurna memenuhi watak wanita impian lelaki.

Kajian ini menfokuskan pada representasi gender dalam filem bergenre aksi. Dalam menggambarkan representasi aktor sosial, Theo Van Leeuwen (2008) telah

menggagaskan bagaimana dalam sesebuah wacana, aktor sosial ditonjolkan atau dipinggirkan (*inclusion and exclusion*). Konsep sosial aktor menurut Van Leeuwen ini merujuk kepada individu atau kumpulan nominal yang dikaji. Secara lanjut *social actor network* digambarkan dalam Rajah 2.1 berikut.



Rajah 2.2 : Kerangka Teori Representasi Aktor Sosial Van Leeuwen (2008)

Pengkaji akan mengadaptasikan kerangka ini dalam kajian dengan melihat bagaimana identiti lelaki dan wanita dalam filem ini sama ada ditampilkan secara positif atau sebaliknya. Contohnya adakah watak lelaki lebih banyak ditonjolkan sebagai berperanan lebih penting berbanding watak wanita.

Sosial aktor boleh dianalisis berdasarkan individu atau kumpulan. Berpandukan kategori ke-13 menurut Van Leeuwen iaitu *nomination and*

categorisation sosial aktor direpresentasikan berdasarkan keunikan identiti individu atau kumpulan tersebut. Berdasarkan 22 kategori tersebut pengkaji akan melihat aspek yang berkaitan dengan kajian sahaja bagi mengenalpasti peranan aktor sosial dan bagaimana ditampilkan dalam filem iaitu:

- *Role Allocation* merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh aktor sosial bukan sahaja sebagai *agent* (aktor) malah sebagai *patient* (goal). Menurut Van Leeuwen (1996: 43) *representation can reallocate roles, rearrange the social relation between the participants*. Berdasarkan peranan yang diberikan kepada aktor sosial akan mewujudkan *activation* dan *passivation*. Maksudnya *activation* dan *passivation* boleh diketahui melalui proses lain yang berbeza. Penglibatan (*grammatical participant roles*), *circumstantialisation* (dengan menggunakan preposisi *by* atau *from*) atau *possesivation* (penggunaan *possessive pronouns*) untuk mengaktifkan atau mempasifkan aktor sosial.
- *Nomination* bagi mengenalpasti identiti aktor sosial dan adakah melibatkan *categorization* iaitu berkongsi identiti. Contohnya dalam Filem Gerak Khas, Inspektor Mazlan dan Inspektor Shafikah dipanggil Tuan dan Puan oleh yang pegawai berpangkat bawahan kerana menghormati mereka sebagai pegawai atasan.
- *Functionalization-* merujuk kepada peranan atau pekerjaan aktor sosial. Hal ini merujuk kepada peranan kepada organisasi dan juga masyarakat.
- *Identification* –merujuk kepada bagaimana ciri-ciri aktor sosial yang ditampilkan. Ianya boleh dipecahkan kepada klasifikasi, relasional dan juga identifikasi dari segi fizikal.

- *Impersonalization*- merujuk kepada aktor sosial tetapi tidak menyebut secara langsung sebagai manusia (*human*).

Van Leeuwen (ibid.) juga menggagaskan bahawa dalam media yang dipaparkan terdapat bias terhadap aktor sosial yang tidak ditampilkan (*exclusion*). Melalui ekslusi (*exclusion*) aktor sosial dihilangkan daripada pemberitaan atau teks. Bagaimana aktor sosial dihilangkan atau disembunyikan dalam dalam sesuatu teks? Van Lueewen membangun sebuah model yang secara umumnya menggambarkan bagaimana aktor ditampilkan dalam media. Van Leeuwen sangat peka dengan kemungkinan pengecualian aktor dalam media. Menurut Van Leeuwen ada dua perkara yang perlu diperhatikan ketika kita menganalisis aktor sosial dalam pemberitaan atau media. Pertama, eksklusi: Dalam teks aktor sosial dihilangkan atau disembunyikan dalam pemberitaan. Seterusnya beliau turut mengutarakan bagaimana strategi yang dilakukan oleh media dalam menyembunyikan atau mengeluarkan aktor sosial tersebut.

- *Passivation* – Dalam aspek ini peranan sesuatu aktor sosial dipaparkan secara pasif berbanding dengan inklusi yang mana aktor sosial diaktifkan dalam teks.
- *Nominalisation* - Cara penghilangan pelaku melalui proses *nominalization* pada dasarnya dilakukan dengan mengubah kelas kata.

2.2.1 Aplikasi teori representasi aktor sosial Van Leeuwen dalam kajian pelbagai genre.

Pendekatan Analisis aktor sosial yang digagaskan oleh Theo Van Leeuwen ini telah diguna pakai meliputi kajian dalam pelbagai bidang atau genre antaranya dalam

bidang penulisan buku kanak-kanak, buku teks, buku pengakap, tokoh politik, penulisan akhbar, majalah dan juga menganalisis representasi gender dalam filem.

Sahragard dan Davatgarzadeh (2010) mengaplikasikan model analitikal oleh Van Leeuwen (2008) dan Halliday dan Matissen (2004) dalam menyelidik representasi linguistik lelaki dan wanita dan pembinaan gender dalam *Interchange Third Edition*. Sebanyak 4 buah buku telah dikaji. Dapatan kajian menunjukkan wanita digambarkan sebagai menonjol, berjaya, aktif, bebas, ekspresif dan tegas berbanding dengan lelaki. Apa yang diketengahkan oleh mereka dalam kajian ini ialah salah satu isu penting yang menyumbang kepada perbezaan peranan gender dan ketidaksamaan gender oleh media termasuk buku teks. Sumber buku teks sebagai alat yang penting dalam identiti membina identiti ahli sosial yang digunakan untuk menyampaikan jenis pengetahuan tertentu kepada pelajar. Walau bagaimanapun, di samping memindahkan pengetahuan yang boleh digunakan sebagai alat berpengaruh untuk mengenakan normatif tertentu pandangan dan identiti kepada ahli.

Sajjad Kabgani (2013) melihat representasi wanita muslim dalam majalah *Guardian*. Kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK) Van Leeuwen digunakan bagi menganalisis akhbar yang terkenal British itu. Untuk analisis yang terperinci, 11 elemen dipilih daripada kerangka Van Leeuwen berbanding dengan pengkaji yang hanya memilih enam elemen kerana pengkaji hanya menumpukan kepada apakah peranan aktor sosial bagaimana aktor sosial ditampilkan. Fokus utama kajian tersebut ialah melihat representasi wanita muslim dalam majalah bukan Islam. Selain daripada wanita Islam, aktor sosial yang lain telah dianalisis supaya penilaian yang lebih menyeluruh boleh dicapai. Kajian ini ingin melihat cara bagaimana wanita muslim dipaparkan dalam majalah tersebut dan hasil kajian ini menunjukkan bahawa wanita

Islam digambarkan sebagai aktor sosial yang aktif dalam komuniti Islam. Hal ini amat ditentukan dalam kepercayaan mereka, dan individu bebas yang sedang mencari kebangkitan identiti wanita. Walaupun jumlah paparan pengarang *Guardian* sebagai satu yang positif, mereka mendakwa bahawa lazimnya kelemahan yang paling jelas ialah kekurangan pemikiran kritikal dalam kalangan wanita Islam. Walaupun Media Barat mempunyai alat yang strategik mereka telah cuba untuk menggambarkan golongan minoriti secara positif.

Sunderland & McGlashan (2012) dalam kajian mereka telah mengaplikasikan pendekatan aktor sosial Van Leeuwen dalam melihat representasi ayah dan ibu (*mum and dad*) bagi pasangan gay melalui 25 buku sastera kanak-kanak. Perbezaan yang dibuat menggunakan pendekatan *Categorization* dan juga *Nomination* oleh Van Leeuwen. Selain itu mereka turut mengaplikasi pendekatan *Visual Social Actor Network* oleh Theo Van Leeuwen. Pasangan gay tersebut merujuk kepada pasangan lelaki dan wanita yakni kedua-dua ayah atau kedua-dua ibu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pasangan gay dapat dikenalpasti melalui tajuk dan juga nama kepada pasangan ibu-bapa (*co-parent*). Bukan itu sahaja hal ini menunjukkan jumlah pasangan gay wanita lebih ramai daripada pasangan gay lelaki yang tinggal dengan pasangan dan juga anak mereka.

Hobson (2004) mengaplikasikan pendekatan Theo Van Leeuwen dalam melihat representasi maskuliniti dan femininiti dalam buku panduan pengakap dan brownies. Kajian yang dibuat bertujuan untuk melihat sama ada lelaki dan wanita direpresentasikan secara berbeza dalam teks. Aktiviti sosial yang ingin dilihat seperti yang tertulis dalam buku panduan pengakap dan brownies ialah senyum, setia dan juga membuat perkara yang baik (*smile, being loyal and doing a good turn*). Aspek yang

dilihat ialah *exclusion*, *role allocation*, *descriptivization* dan *distillation*. Selain itu Hobson turut melihat aspek *recontextualization*. Selain itu aspek lain yang turut dilihat ialah aspek modaliti kerana lingusitik merupakan saluran untuk menginterpretasi makna dari perspektif kritikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa Baden Powell merepresentasikan lelaki dan perempuan dalam aksi sosial secara berbeza. Tekst brownies memaparkan representasi wira dan bukan wira lelaki dalam teks untuk dijadikan panduan. Namun tidak memasukkan representasi wira dan bukan wira perempuan dalam teks pengakap. Di sini dapat dilihat aspek gender-bias yang dipaparkan.

2.3 Genre Filem Aksi

Filem aksi merupakan sebuah filem yang banyak menumpukan kepada aksi watak-watak selain daripada plot cerita yang mencabar. Menurut *Pascoe*, filem aksi mempunyai ciri-ciri tertentu khususnya plot cerita dan bagaimana karakter dipersembahkan. Berdasarkan penjelasan Ayer (2008) iaitu dalam filem aksi bagaimana hero diperkenalkan diikuti dengan sesuatu peristiwa yang dicetuskan dan memerlukan campurtangan (*event triggered which require intervention*). Menurut *Pascoe* filem aksi dikelaskan sebagai filem maskulin.

Filem aksi adalah satu genre filem di mana satu atau lebih wira terlibat dengan adegan-adegan mencabar yang memerlukan tindakan fizikal. Mereka juga sering dikaitkan dengan elemen pergaduhan serta adegan kejar mengejar. Mereka mungkin mempunyai kemahiran dalam pergelutan serta kemungkinan yang luar dari jangkauan minda penonton, termasuk keadaan yang mengancam nyawa, antagonis yang sangat jahat (*supervillain*), dan / atau dikejar dalam beberapa cara. Kemenangan biasanya

dicapai pada akhir penceritaan melalui usaha fizikal yang besar serta berunsurkan keganasan. Sesebuah filem tidak lengkap jika tiada watak wanita dan sebaliknya. Kebelakangan ini wanita semakin diberi perhatian dalam filem yang didominasi lelaki. Contohnya filem aksi, kepolisan, risikan dan sebagainya yang mana tugas ini dahulunya didominasi lelaki. Banyak filem-filem kepolisan memaparkan wanita sebagai watak utama yang mana mereka berperanan sebagai *co-partner* atau rakan sejawatan watak utama lelaki. Contohnya *Silence of the Lamb* (Jodie Foster) dan *Salt* (Angelina Jolie). Dalam filem Bond tidak lengkap tanpa adanya Gadis Bond yang berperanan baik sebagai watak protagonis mahupun watak antagonis.

Wanita yang berperanan utama dalam sesebuah filem aksi. Bukanlah bermodalkan wajah yang cantik sahaja, namun dibekalkan dengan kemahiran tertentu, contohnya menggunakan senjata api, kemahiran beladiri dan berlawan seperti watak Ripley dalam *Aliens*. Begitu juga Sarah O connor (Linda Hamilton) dalam *Terminator II*, manakala dalam *Hunger Games*, Katniss Everdeen berkemahiran bermain panah. Dole (2001) menyelidik evolusi wanita dalam filem kepolisan secara khusus yang menawarkan beberapa versi yang menarik dari aksi hero wanita. Strategi naratif yang kompleks seperti *troubling figure of the Woman with a Gun* boleh diterima di dalam budaya arus perdana.

Loobek (2012) dalam *Hunger games* pula menunjukkan Karakter Katniss Everdeen yang mempunyai perwatakan maskulin yang selalu menggunakan busur dan panahnya sewaktu bertempur menentang kejahanan. Sementara itu dalam filem *Alien*, Ripley yang juga berperwatakan maskulin merupakan satu-satunya wanita yang tinggal setelah kesemua anak-anak kapal mati. Dalam filem ini, Sigourney Wiver (Ripley) bertarung dengan makluk yang sangat menakutkan. Begitu juga watak Sarah

O' Connor dalam *Terminator 2*. Dalam filem *Terminator* wanita dicitrakan dengan perwatakan yang stereotaip iaitu lemah, takut namun penuh dengan naluri keibuannya (*nurture*) dan dia bertindak melindungi anaknya.

2.3.1 Sorotan kajian representasi gender dalam filem aksi

Seperti yang telah dibincangkan pada Bahagian 2.1, setiap gender mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan ianya menjadi inspirasi pembikin filem baik pengarah maupun penulis skrip untuk mencipta representasi mereka ke layar perak. Sehubungan dengan itu, dalam sesebuah filem, watak dicitrakan secara berbeza mengikut tema dan juga siapa yang mendominasi cerita tersebut. Jika watak lelaki menjadi pendominasi cerita, watak perempuan hanya sekadar watak *second class* atau mungkin sekadar mewarnai jalan cerita. Namun hal ini bergantung bagaimana pengarah layar dan penulis skrip mewarnai setiap watak wanita dan lelaki tersebut.

Dalam filem aksi khususnya, wanita juga mampu melakukan apa sahaja aksi yang dilakukan oleh lelaki bagi menunjukkan wanita juga bersifat agressif iaitu aksi lagak ngeri (*stunt*). Kebanyakan aksi lasak dan lagak ngeri dalam kebanyakan filem aksi dilakukan oleh watak lelaki. Namun apa yang dilakukan oleh Natasha Romanof (*Avenger* dan *Avenger 2*) dapat menepis anggapan yang menyatakan wanita tidak mampu melakukan aksi ini. Aksi lagak ngeri ini meliputi aksi kejar-mengejar, lompat dari satu bangunan ke satu bangunan (*Avenger*, *Hunger Games*, *James Bonds* dan lain-lain). Lagak ngeri ini hanya mampu dilakukan dengan keberanian. Hal ini menolak stereotaip gender yang menyatakan wanita lemah dan bergantung (*dependent*). Satu babak yang memenuhi elemen filem aksi ialah babak pertarungan atau pertempuran. Pengkaji mengambil contoh filem-filem aksi yang melibatkan wanita dalam aksi

pertempuran dan pertarungan. Dalam filem *Avenger*, pertarungan antara pasukan *Avenger* dan juga makhluk-makhluk asing setelah Loki membuka gerbang (*portal*) yang membawa makhluk asing ke bumi. Dalam kalangan ke enam-enam pasukan *Avenger*, Natasha Romanof (*Black Widow*) merupakan satu-satunya wanita yang tidak janggal untuk bertarung. Dia mempamerkan aksi-aksi lasaknya yang setanding dengan kemampuan lelaki (Dutt, 2014).

Juliana dan Mahyudin (2009) dalam kajian terhadap filem-filem *Box Office* telah melihat senario berbeza dalam seni filem tempatan iaitu watak wanita digambarkan sebagai lemah dan *timid*. Hal yang sedemikian menunjukkan wanita telah dipergunakan oleh lelaki. Apakah faktor yang mencipta keadaan sedemikian rupa? Lelaki pula dalam filem-filem yang dkaji lebih bersifat dominan dan menjadikan wanita sebagai mangsa. Pengkaji mengambil contoh kajian sebelum ini yang merungkai representasi gender dalam sesebuah filem. Dalam kajian sebelum ini wujud aspek stereotaip yang dipaparkan dalam watak-watak dalam filem. Stereotaip bermaksud proses menggeneralisasikan keseluruhan kelas dari suatu fenomena berdasarkan sedikit pengetahuan yang didapat dari anggota kelas tersebut (Wood, 2009). Stereotaip wujud dari konstruksi budaya (Hall, 1997). Stereotaip wanita digambarkan sebagai seseorang berkarakter lemah lembut, lebih beremosi, kurang cerdik dari lelaki dan menguruskan segala hal berkaitan dengan rumah tangga.

Hal ini bukan sahaja berlaku dalam perfileman tempatan malahan filem Hollywood juga. Bagi sudut representasi wanita dalam filem barat barat pula, Viruega (2011) mendedahkan bagaimana filem hollywood memaparkan watak wanita dalam *Memoirs of Geisha* dan stereotaip watak yang dicipta produser Hollywood terhadap watak orang Asia. Secara stereotaipnya watak yang memaparkan watak orang Asia

sangat lemah dan Barat pula adalah kuat. Namun terdapat juga stereotaip yang berbentuk positif yang memenuhi ciri-ciri wanita Asia (*Oriental*) seperti patuh, pemalu, eksotik serta menjaga maruah.

Bagi perfileman tempatan stereotaip wujud sejak 50an yang sering memaparkan watak wanita sebagai individu yang lemah dan juga objek seks. Hal ini ditegaskan oleh Laura Mulvey (1975) dalam kajian beliau iaitu *Visual Pleasure and Narrative Cinema*. Beliau kemudian menggunakan beberapa konsep mereka untuk berhujah bahawa perfileman klasik tidak dapat tidak meletakkan penonton dalam kedudukan subjek maskulin, dengan angka wanita pada skrin sebagai objek keinginan dan *the male gaze*.

Dalam era perfileman klasik Hollywood, penonton digalakkan untuk mengenal pasti dengan protagonis filem itu, yang merupakan dan masih kuat adalah lelaki. Menurut Mulvey watak wanita-wanita pada era 1950-an dan 60-an itu, dikodkan dengan *to-be-look-at-ness* manakala kedudukan kamera dan penonton lelaki yang merupakan pembawa rupa (*bearer of the look*). Mulvey mencadangkan dua mod yang berbeza pandangan lelaki zaman ini: *voyeuristic* (iaitu melihat wanita sebagai imej "yang ingin dilihat") dan *fetishistic*. Sontag (1972) pernah mendakwa persoalan yang sama iaitu lelaki diukur melalui kejayaan dan apa yang dilakukannya manakala wanita dilihat melalui penampilannya. Tegas beliau lagi *being physically attractive count much more in women life than in men*. Mulvey berhujah bahawa satu-satunya cara untuk menghapuskan sistem Hollywood patriarki adalah untuk mencabar secara radikal dan semula bentuk-strategi filmik klasik Hollywood dengan kaedah feminis alternatif. Dia memerlukan seorang feminis *avant-garde* pembikinan filem baru yang akan pecah keseronokan naratif klasik Hollywood pembikinan filem.

Watak lelaki secara stereotaipnya ibarat *Knight in Shining Armour* maksudnya di sini menjadi penyelamat kepada golongan yang lemah khususnya wanita. Pengkaji mengambil contoh filem-filem yang menunjukkan ciri-ciri lelaki yang maskulin antaranya *Rambo*, *Thor*, *Gladiator* dan tidak terkecuali *Superhero Batman*. Kehadiran mereka sebagai penyelamat keadaan, ibarat putera yang menyelamat puteri yang selalu diceritakan dalam animasi *Disney*. Namun dalam abad ini representasi wanita dalam filem semakin berubah. Apakah faktor yang membentuk representasi wanita dan lelaki sedemikian. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, wanita dibentuk mengikut setereotaip dan mencabar stereotaip. Pengkaji mengambil contoh watak Katniss Everdeen, Ripley, Sarah O' Connor dan Natasha Romanof. Cara bagaimana mana wanita dipersembahkan dalam filem aksi dipengaruhi oleh beberapa faktor yang saling berkaitan. Genre filem aksi memerlukan watak-watak wanita untuk turut aktif dalam keadaan tertentu, plot menetapkan bahawa kadang-kadang mereka mengambil tindakan yang tegas dan agressif. Wanita turut di gambarkan sebagai penyelamat kepada watak hero walaupun tanpa penampilan yang agak maskulin. Namun terdapat beberapa kajian yang mencabar stereotaip tersebut.

Namun kini representasi wanita di layar sudah berubah dan sudah diperkasakan. Pasti penonton teruja dan kagum dengan kekuatan Sarah O' Connor mempertahankan diri dan anaknya dalam *Terminator II* ataupun Lara Croft dalam *Thomb Rider*. Dutt (2014) pula menampilkan Natasha Romanof sebagai wira wanita (*Blackwidow*) dalam Filem *Avenger*. Kajian ini melihat filem-filem *box office* yang berjaya meraih kutipan tiga tahun lalu iaitu *The Avengers* (2012), *Harry Potter and the Deathly Hallows Part 2* (2011) dan *Toy Story 3* (2010). Menerusi analisis visual

semiotik wanita dalam Hollywood saya mendapati bahawa sementara beberapa genre menggambarkan wanita sebagai individu yang bebas kuat dan *agentive*.

King (2008) dalam kajian beliau melihat pemaparan wanita dalam filem kepolisan. Representasi wanita dalam filem kepolisan dilihat melalui status kerja, Jenis kes, Kemahiran menyiasat, wanita juga secara relatif tidak terlibat dalam aksi pertempuran. Wanita dalam filem aksi lebih ditampilkan mempunyai urusan heteroseksual dan melibatkan plot yang mempunyai elemen romantik seperti melibatkan kekasih mereka. Mereka juga banyak dikisahkan sebagai *rookie* dan terlibat dalam kes yang kecil yang melibatkan penyamaran dan pembunuhan bersiri.

Berbeza dengan penampilan wanita dalam filem perang, Reynaud (1999) dalam kajiannya *Convention and Contradiction: Representation of women in Australian War Film 1914-1918*. Cara bagaimana wanita ditampilkan dalam filem disebabkan beberapa faktor yang saling berkaitan; Sifat perfileman Australia, konvensyen filem bisu, konstruksi sosial jantina, pihak penapisan dan tekanan yang dibuat untuk propaganda serta pengaruh representasi media lain selama perang berlangsung. Lelaki dalam filem perang ini digambarkan sebagai melindungi sementara wanita menjaga dari aspek fizikal, mental, emosional, spiritual dan juga seks bagi kaum lelaki. Terdapat 3 kategori wanita yang ditampil dalam filem perang iaitu ibu kepada askar, kekasih dan juga jururawat yang merawat mereka yang cedera. Wanita juga menjadi ganjaran kepada lelaki. Namun terdapat juga sebuah filem pada tahun 1915 iaitu *Sydney –Endem battle for Australia* yang lari dari stereotaip wanita sebagai memegang karakter kecil dalam filem perang yang mana wanita menjadi penyelamat kepada hero. Walaupun karakter wanita tersebut masih berada dalam skop

wanita stereotaip iaitu menjaga (*nurture*) namun mampu menjadi penyelamat kepada hero daripada maut.

2.4 Transitiviti Visual dan Semiotik Sosial

Representasi memerlukan penanda dalam memilih bentuk untuk mengekspresikan apa yang di minda dan di lihat. Landasan teori yang digunakan dalam penelitian ini adalah teori *Linguistic Semantic Fungsional* yang dikembangkan oleh Halliday (1994), Martin (1992). Dalam penggunaan bahasa sebagai semiotik sosial terdiri daripada tiga unsur iaitu makna, bentuk, dan ekspresi, yang secara teknikalnya disebut semantik, tata bahasa (*lexicogrammar*) dan fonologi (lisan), grafologi (tulisan), atau isyarat (*sign*). Berbeza dengan semiotik umum, semiotik bahasa terjadi dari tiga komponen itu, iaitu (semantik), bentuk (tata bahasa), dan ekspresi, yang merupakan bunyi, tulisan, atau isyarat. Makna direalisasikan oleh bentuk dan selanjutnya bentuk direalisasikan oleh ekspresi (Saragih, 2006: 227). Ketiga-tiga unsur bahasa membentuk semiotik yang terhubung dengan realisasi, yakni makna atau semantik direalisasikan oleh bentuk atau *lexicogrammar* (kosa kata dan tata bahasa), dan selanjutnya bentuk diekspresikan oleh bunyi (*phonology*) dalam bahasa lisan atau sistem tulisan (*graphology*) dalam bahasa tulisan. Hubungan ketiga-tiga unsur ini ialah sebagai semiotik sosial (Halliday, 1985:3). Metafungsi bahasa pula memaparkan dua perkara yang saling mempengaruhi antara bahasa (Halliday dan Martin, 1993:29). Dengan kata lain, konsep metafungsi yang menghubungkan antara bentuk- bentuk internal bahasa dalam konteks semiotik sosial. Metafungsi bahasa mempunyai tiga komponen; ideasional, interpersonal dan textual yang dikemukakan oleh Halliday (1985, 1994). Teori metafungsi bahasa ini kemudian dikembangkan oleh Kress dan Van Leeuwen (1996, 2006) dan menggagaskan teori metafungsi visual;

representasi sebagai fungsi ideasional, interaksional sebagai fungsi interpersonal dan komposisi sebagai fungsi textual. Teori inilah yang digunakan untuk menganalisis teks multimodal, manakala bagi aspek (verbal dan visual) menggunakan model analisis Liu Y dan O'Halloran (2009). Teori-teori dan rangka kerja yang dibangunkan oleh mereka. Pengkaji berpendapat bahawa konsep semantik visual adalah untuk menyiasat kesalingan hubungan dalam analisis kerangka teks filem bagi melihat representasi maskuliniti dan femininiti sebagai protagonis mahupun antagonis.

Gallardo (2006) dalam kajian beliau mengaplikasikan analisis transitiviti bagi menyiasat gender iaitu bahasa yang digunakan oleh lelaki dan wanita dalam karya sastera iaitu *Pygmalion*. Analisis leksikogrammatikal melibatkan dua watak dalam karya tersebut iaitu Eliza Doolittle dan juga Henry Higgins. Menurut Gallardo (*ibid.*) jika isu-isu berkaitan gender tidak ditegaskan dan diwujudkan sebagai ciri teksnya, pembaca boleh menganggap bahawa sikap watak-watak itu, memandangkan jantina mereka mewakili pandangan akal naturalisasi mengenai tingkah laku lelaki dan perempuan. Beliau mengutarakan seperti yang telah digagaskan oleh Halliday (1994:106) iaitu hujah utama analisis transitiviti ialah pengalaman yang dilalui yakni *happening, doing, sensing, meaning, being and becoming*. Sistem transitiviti dipanggil proses digunakan untuk menganalisis penutur dan penulis yang menfokuskan pada struktur ayat. Melalui analisis ini menunjukkan wanita lemah berbanding lelaki kerana bergantung dengan lelaki. Menfokuskan kepada penyelidikan aspek kaitan gender, beliau melihat kepada *Actors, Goals and Beneficiaries* (Aktor, Matlamat dan Penerima) dan beliau mendapati bahawa karakter lelaki iaitu Higgins lebih beperanan sebagai Aktor iaitu pelaku. Eliza, sebaliknya banyak dikenalpasti sebagai Matlamat atau Penerima.

Zijiao Song (2013) pula telah mengaplikasikan analisis transitiviti Halliday dalam melihat pembentukan karakter dan juga tema dalam filem *Rose of Emily*. Dalam analisis beliau mengaplikasikan enam proses iaitu; (1) *material processes*, (2) *mental processes*, (3) *relational processes*, (4) *behavioral processes*, (5) *verbal processes*, and (6) *existential processes*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *material processes and relational processes* kerap ditemui dalam keseluruhan teks yakni apabila menceritakan tentang sifat Emily sebagai seorang yang penting di bandar di mana dia tinggal. Penulis menggunakan ‘keseluruhan bandar’ sebagai Aktor, menggantikan *we* atau *people*, jadi analisis menunjukkan Emily sebagai penting di bandar tersebut.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian lepas, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa representasi wanita di dalam filem aksi semakin menyaingi kemampuan lelaki. Namun wanita masih lagi digambarkan berada dalam ruang lingkup stereotaip yang telah dibina. Dalam bab seterusnya pengkaji akan membincangkan metodologi kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam membuat sesuatu penyelidikan terdapat beberapa metodologi yang digunakan untuk mencari data-data yang relevan dan tepat bagi memenuhi kehendak kajian, menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif kajian. Kajian ini secara kualitatif menyelidik bagaimana lelaki dan perempuan direpresentasikan dalam filem sama ada menampilkan maskulin dan juga feminin secara stereotaip. Kajian ini juga akan menjelaskan perbandingan karakteristik antara dua gender dari aspek maskuliniti dan femininiti secara deskriptif. Di samping itu, kajian ini dapat memberi penjelasan sama ada representasi tersebut mencabar atau mengikuti setereotaip.

3.1 Kaedah Persampelan Data

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan (*purposeful sampling*) iaitu seperti yang disarankan oleh Creswell (2009) iaitu pengkaji secara sengaja memilih individu untuk mempelajari dan memahami fenomena. Dalam kajian ini pengkaji akan melihat bagaimana representasi dilihat dalam filem melalui perwakilan gender yakni aspek maskuliniti dan femininiti dan disampaikan melalui naratif filem. Data dikumpul melalui apa yang dilihat dan diucapkan melalui dialog bagi setiap watak yang dikenalpasti. Berdasarkan kerangka yang dibina oleh pengkaji akan mengadaptasi kerangka tersebut bagi mengenalpasti karakter lelaki dan wanita yang direpresentasikan dalam filem. Dalam analisis kajian, pengkaji akan menumpukan kepada watak utama protagonis dan antagonis sahaja iaitu pegawai polis dan gangster yang mana kemunculannya paling kerap dan banyak

mengerakkan plot. Pengkaji memilih dua kumpulan ini kerana perbandingan dibuat secara binari di antara pegawai polis dan gangster yang diwakili oleh lelaki dan wanita dalam filem trilogi GK ini. Berikut antara watak-watak dalam ketiga-tiga filem yang menjadi fokus kajian.



Protagonis lelaki dan wanita

- 1- Inspektor Mazlan
- 2- Inspektor Aleeza
- 3- Inspektor Syafikah
- 4- Azura
- 5- Roy

Antagonis lelaki dan wanita

- 6-Castello
- 7-Suzana
- 8-Rafayel

Imej 3.1: Karakter filem Gerak Khas 1



Imej 3.2 Karakter Gerak Khas 2

Protagonis lelaki dan wanita

- 1-Inspektor Mazlan
- 2-Inspektor Aleeza
- 3-Inspektor Zamri
- 4-Inspektor Julia
- 5-Azura

Antagonis lelaki dan wanita

- 6-Karina
- 7-Raziman
- 8- Frankie



Imej 3.3 : Karakter Gerak Khas 3

Watak protagonis lelaki dan wanita

- 1-Inspektor Aleeza
- 2_Inspektor Haris
- 3-Inspektor Farah

Watak antagonis lelaki dan wanita

- 4- Ramon
- 5- Julia

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji telah mengumpul data daripada filem yang berkaitan dengan persoalan kajian. Pengkaji akan melihat aspek narasi cerita dan dialog yang terdapat filem. Setiap data di dalam filem akan dilihat berdasarkan *time frame* dari babak filem berdasarkan karakter yang dikaji. Pengkaji merekodkan filem yang dikaji bagi memudahkan data dilihat berulang di laptop dan PC. Seterusnya video tersebut akan ditukar daripada filem ke imej pegun (*still image*) menggunakan aplikasi *Free Video to JPEG Converter* kerana pengkaji dapat menjadikan imej tersebut sebagai contoh bagi aspek visual. Pengkaji juga menggunakan kaedah pengumpulan data secara manual bagi memastikan tiada babak-babak yang berkaitan tertinggal. Sementara itu, data berbentuk dialog dikutip secara manual.

Pengkaji akan mentranskripsikan perbualan yang berupa dialog daripada filem Gerak Khas. Seterusnya pengkaji meneliti narasi dan transkripsi perbualan dialog daripada filem. Proses yang dinamakan pentranskripsian (*transcribing*) ini secara mudahnya boleh ditakrifkan sebagai menukar atau menyalin rakaman perkataan ke dalam bentuk yang boleh dicetak, atau dengan kata lain, ia adalah merupakan satu proses di mana segala maklumat dalam bentuk audiovisual ditukar dan didokumentasikan dalam bentuk teks. Walaupun di bawah frame setiap babak dari filem terdapat sarkata di dalam bahasa Inggeris, pengkaji harus meneliti transkripsi dialog dalam bahasa Melayu. Seterusnya melalui kaedah ini dapat memudahkan pengkaji membuat rujukan bagi tujuan analisis dalam Bab 4. Bagi tujuan tringulasi dan kesahan, pengkaji telah mendapatkan khidmat *coder* bagi tujuan semakan sama data yang dikutip tepat dan telah diklasifikasikan mengikut tema. Penjelasan lanjut terdapat pada bahagian 3.2.2 dan 3.2.3.


Pengkaji juga turut mengadaptasi kaedah pengumpulan data tekstual yang pernah digunakan Ottoson dan Xin Cheng (2012) bagi memudahkan kaedah pengumpulan data serta menjawab persoalan kajian kelak seperti contoh dalam Jadual 3.1 berikut. Data tekstual merupakan apa yang diucapkan dan melibatkan apa yang dilihat berdasarkan aksi watak-watak.

Jadual 3.1 : Kaedah pengumpulan data

Tempoh masa dalam filem: xxx xxx
Karakter: Inspektor Syafikah.
Latar dan dialog: Apa yang berlaku dan di mana ?
Analisis: Karakteristik berdasarkan kerangka (Jadual 3.2 dan Jadual 3.3)

3.2.1 Proses pengekodan dan tema kajian

Kajian ini berpandukan proses koding oleh Strauss & Corbin (1990).



Rajah 3.1: Proses koding kajian: adaptasi daripada Strauss & Corbin (1990).

Setelah proses pengumpulan data dibuat, pengkaji mengekodkan data bagi memudahkan analisis. Seterusnya data yang dipilih telah dikelaskan mengikut tema yang telah ditetapkan untuk dianalisis.

Analisis tekstual bagi ketiga-tiga filem berfokuskan kepada watak-watak protagonis dan antagonis yang dipilih dalam ketiga-tiga filem Gerak Khas. Langkah pertama ialah proses pengekodan. Representasi **maskuliniti** dan **femininiti** dalam filem-filem kepolisan tersebut dilihat berdasarkan kod dan tema yang telah dibuat. Dalam menganalisis representasi maskuliniti dan femininiti pengkaji menggunakan pendekatan Van Leeuwen (*ibid*). Jadual berikut menunjukkan bagaimana tema kajian dibentuk.

Jadual 3.2: Tema kajian dan Cara Analisis


ASPEK REPRESENTASI	KRITERIA
<i>Categorization</i>	Menyenaraikan siapakah representasi.
<i>Nomination</i>	Pangkat atau jawatan dan gelaran yang diberi
<i>Fucntionalization</i>	Fungsi dan aktiviti di dalam filem
<i>Identification /relational identification</i>	Mengenalpasti karakteristik setiap watak yang dikaji, melalui penampilan fizikal dan juga hubungan.
<i>Role Allocation</i>	Merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh aktor sosial bukan sahaja sebagai agent (aktor) malah sebagai <i>patient (goal)</i> .
<i>Impersonalization</i>	Merujuk kepada aktor sosial tetapi tidak menyebut secara langsung sebagai manusia (<i>human</i>)

3.2.2 Kesahan Data

Bagi mengesahkan realibiliti data yang dikumpul, pengkaji telah mendapatkan khidmat 2 orang *Coder* bagi menyemak semula data yang dikutip bersesuaian dengan

tema. Sebelum itu, *coder* akan menonton ketiga-tiga filem dan menyemak elemen yang telah dicerakin mengikut tema. Pengkaji melihat persepsi *coder* tentang watak berdasarkan karakter yang dilihat dalam filem tanpa mengetahui karakteristik 1 adalah bagi lelaki dan karakteristik 2 adalah wanita seperti yang digagaskan oleh Bem (1981). *Coder* akan menandakan ruang yang berkenaan dengan karakteristik bahasa watak maskulin dan feminin. Coder yang dipilih merupakan rakan setugas pengkaji dan juga seorang yang faham dengan jalan cerita ketiga-tiga filem trilogi ini.

Pengkaji terlebih dahulu menerangkan apa yang harus dilakukan oleh *coder*. Selepas membuat kutipan data menggunakan borang seperti dalam Lampiran 1 dan 2 pengkaji berbincang dengan *inter-coder* sama ada data tersebut bersesuaian dengan kajian. Aspek maskuliniti dan femininiti yang difokuskan dalam kajian ini ialah aspek bahasa yang digunakan, penampilan fizikal dan peranan gender seperti contoh di Lampiran 1 dan 2. Pengkaji telah membuat semakan semula bagi mana-mana dapatan yang bercanggah dengan kedua-dua *coder*. Data kedua-dua coder terdapat di bahagian Lampiran 5. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan analisis data ialah berpandukan Cresswell (2009: 185) seperti dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2: Metod analisis data yang diadaptasi daripada Creswell (2009)

3.3.1 Kerangka Teori Kajian

Dalam menganalisis data secara lingusitik terdapat dua pendekatan yang akan digunakan iaitu;

i) Pendekatan analisis semiotik dan tekstual

Pengkaji melihat aspek semiotik dari sudut semiotik sosial seperti yang pernah dikembangkan oleh Halliday. Halliday menggagaskan cara bagaimana untuk menggunakan sumber semiotik dalam memproduksi komunikasi dan peristiwa komunikasi, serta menginterpretasikannya dalam konteks sosial tertentu. Semiotik sosial menyiasat bagaimana sumber-sumber semiotik tersebut terintegrasi dalam sebuah peristiwa sumber semiotik tersebut digunakan dalam konteks sosial tertentu.

Pengkaji turut melihat pembentukan karakter terutama aspek maskuliniti dan juga femininiti watak-watak tersebut. Pengkaji akan mengenalpasti adegan yang berkaitan yang melibatkan representasi maskulin dan feminin secara verbal dan non verbal.

Dalam menganalisis data pengkaji telah mengadaptasi 3 model iaitu aspek maskuliniti dan femininiti, representasi aktor sosial dan Model Transitiviti oleh Halliday. Analisis textual dan semiotik sangat berkait rapat dalam menyiasat reprsentasi maskuliniti dan femininiti serta model multimodaliti dalam melihat stereotaip gender.

ii) Analisis perbualan

Menurut Liidicoat (2007) istilah *talk in interaction* dalam analisis perbualan digunakan sebagai *analytical tool* yang mengfokuskan kepada bagaimana menggunakan bahasa untuk mencapai maksud komunikasi dalam interaksi sosial.

3.4.1.1 Aspek Maskuliniti Dan Femininiti

Pengkaji menggabungkan pendekatan Holmes & Stubb (2003) bagi aspek strategi bahasa yang digunakan serta menyepadankan dengan BSRI oleh Bem (1981) dalam melihat aspek maskuliniti dan femininiti dari aspek penampilan, emosi, tingkahlaku dan pemikiran mereka. Berikut merupakan senarai semak bagi mengenalpasti aspek maskuliniti dalam setiap karakter yang dikaji. BSRI Bem (ibid.) masih lagi digunakan dalam menganalisis maskuliniti dan femininiti walaupun tedapat beberapa kritikan terhadap pendekatan beliau. Hal ini disebabkan model Bem (1974) merupakan perintis dalam menganalisis ciri-ciri personaliti maskuliniti dan femininiti. Sehubungan itu, model tersebut masih lagi digunakan dan dikritik bagi tujuan penambahbaikan oleh sarjana seterusnya, antaranya, Spence, Helmreich & Stapp (1975) dan Choi & Fuqua (2003). Jadual berikut merupakan klasifikasi ciri-ciri maskuliniti dan femininiti :

Jadual 3.3: BSRI dalam menilai ciri-ciri maskuliniti dan femininiti.

MASKULIN	FEMININ
Percaya diri	Mengalah
Mempertahankan pendapat	Periang
Berjiwa bebas	Malu
Suka bersukan	Penuh kasih saying
Tegas	Senang dirayu
Berkeperibadian teguh	Hangat dalam pergaulan
Bersemanagat	Setia
Berfikiran analitik	Femini bersifat kewnitaan
Mampu memimpin	Menaruh simpati
Berani mengambil risiko	Peka dengan keperluan orang lain
Mudah membuat keputusan	Memahami
Berdikari/mandiri	Mudah simpati
Suka mendominasi	Suka mententeramkan orang lain
Maskulin/bersifat kelelakian	Bertutur kata halus
Mempunyai pendirian	Berhati lembut
Agressif	Mudah terpengaruh
Bertindak sebagai pemimpin	Naif
Bersifat individual	Tidak menggunakan kata kesat
Kompetitif	Senang dengan anak-anak
Bercita-cita	Lemah lembut

Jadual 3.4: Strategi Bahasa Maskulin dan Feminin

Bahasa maskulin	<i>Assertiveness, directness, competitiveness, display of power, dominance, individualism, and task-orientation.</i>
Bahasa feminin	<i>Indirectness, politeness, collaborativeness, supportiveness, nurturing, caring and relationship-orientation.</i>

3.4.1.2 Representasi Aktor Sosial (Maskuliniti Dan Femininiti)

Karakteristik setiap watak akan dilihat berdasarkan kerangka yang telah dibina oleh Theo Van Leeuwen iaitu *sociosemantic inventory*. Kerangka ini akan digunakan bagi dalam mengenalpasti watak-watak yang akan dikaji dalam GK1, GK2 dan GK3 bagi menganalisis aktor sosial dan filem trilogi ini. Hal ini bagi melihat bagaimana aktor sosial direpresentasikan secara berbeza dalam filem trilogi. Berdasarkan rangkaian aktor sosial oleh Van Leeuwen yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, pengkaji akan menfokuskan kepada aspek berikut;

- i. *Role Allocation* merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh aktor sosial bukan sahaja sebagai *agent* (aktor) malah sebagai *patient* (goal). Menurut Van Leeuwen (1996: 43) *representation can reallocate roles, rearrange the social relation between the participants. Berdasarkan peranan yang diberikan kepada aktor sosial akan mewujudkan activation dan passivation.* Maksudnya *activation* dan *passivation* boleh diketahui melalui proses lain yang berbeza. Penglibatan (*grammatical participant roles*), *circumstantialisation* (dengan menggunakan preposisi *by* atau *from*) atau *possesivation* (penggunaan *possessive pronouns*) untuk mengaktifkan atau mempasifkan aktor sosial.

- ii. *Nomination* bagi mengenalpasti identiti aktor sosial dan adakah melibatkan *categorisation* iaitu berkongsi identiti. Contohnya dalam Filem Gerak Khas Inspektor Mazlan dan Inspektor Shafikah dipanggil Tuan dan Puan oleh yang pegawai berpangkat bawahan kerana menghormati mereka sebagai pegawai atasan.
- iii. *Functionalization*- Merujuk kepada peranan atau pekerjaan aktor sosial. Hal ini merujuk kepada peranan kepada organisasi dan juga masyarakat.
- iv. *Identification* –Merujuk kepada bagaimana aktor sosial diidentifikasi dan boleh dipecahkan kepada klasifikasi, relasional dan juga identifikasi dari segi fizikal.
- v. *Impersonalization*- Merujuk kepada aktor sosial tetapi tidak menyebut secara langsung sebagai manusia (*human*).

3.4.1.3 Model Transitiviti oleh Halliday



Rajah 3.3: Model Transtiviti Halliday

Jadual 3.5: Jenis proses dalam transitiviti

JENIS PROSES	PARTICIPANT YANG TERLIBAT
Material	Aktor/Matlamat
Mental	Senser/Fenomena
Relasional	<i>Carrier/Atribut Identifier/Identified</i>
<i>Verbal</i>	<i>Sayer/Receiver</i>
<i>Behavioural</i>	
<i>Existensial</i>	

Model transitiviti oleh Halliday ini melihat kepada jenis proses yang terbahagi kepada enam proses iaitu *material, mental, behavioural, verbal, relational dan existential*. Menurut Halliday transitiviti diakatakan sebagai;

Its function is that of representing processes or experiences like actions, events, processes of consciousness, and relations that covers all phenomena and anything that can be expressed by a verb: event, whether physical or not, state, or relations.

(Halliday, 1985; Halliday, 1976: 159).

3.3.2 Langkah-Langkah Analisis Data

Setelah kutipan data dibuat menggunakan borang seperti di Lampiran A, pengkaji membuat pemerhatian terhadap watak-watak yang dikaji berdasarkan Van Leeuwen (2008) dan BSRI Bem (1974). Hal ini dapat dijelaskan seperti berikut;

Bagi soalan kajian pertama iaitu **bagaimana femininiti dan maskuliniti direpresentasikan dalam filem trilogi Gerak Khas**, pengkaji memperincikan lagi skop kajian dengan menumpukan kepada aspek berikut;

1. Melihat sama ada terdapat perbezaan atau persamaan dari segi karakter lelaki dan wanita baik watak antagonis (pegawai polis) maupun protagonis (*gangster*) yang dipaparkan dalam filem trilogi Gerak Khas.
2. Pengkaji juga telah melihat aspek bahasa (fitur-fitur linguistik dan bukan linguistik) yang digunakan bagi menggambarkan identiti setiap karakter samaada lelaki digambar sebagai maskulin dan wanita memiliki karakter feminin atau sebaliknya. Fitur-fitur linguistik merujuk perkataan, frasa dan ayat manakala bukan linguistik pula merujuk kepada aspek bukan verbal. Bagi aspek linguistik pengkaji memanfaatkan Holmes dan Stubb (2003) sebagai panduan.
3. Bagi menentukan aspek maskuliniti dan femininiti pengkaji terlebih dahulu membuat semakan menggunakan BSRI. Setelah itu barulah pengkaji mengklasifikasikan kepada **maskuliniti** dan **femininiti**.

Sementara soalan kajian kedua pula adalah lanjutan daripada analisis soalan pertama pengkaji akan melihat **bagaimana representasi yang dipaparkan mengikuti atau mencabar stereotaip gender dalam filem yang dikaji**. Pengkaji juga akan memanfaatkan kajian-kajian yang lepas dalam membuat perbandingan aspek-aspek maskuliniti dan femininiti yang telah diutarakan dalam sorotan kajian lepas. Dalam membuat analisis bagi menjawab soalan kajian kedua dengan menumpukan kepada aspek berikut.

1. Aspek-aspek yang dikatakan mencabar stereotaip bagi maskulin dan feminin dalam trilogi GK secara positif dan negatif.
2. Proses yang terlibat berdasarkan model transitiviti.

3.2.2.1 Langkah pertama: Aspek maskuliniti dan feminiti

Bem (1981) telah menggagaskan kira-kira 60 item dalam BSRI. Sehubungan dengan itu bagi melihat aspek maskuliniti dan feminiti pengkaji mengaplikasikan pendekatan yang disarankan oleh beliau. Namun pengkaji tidak akan melihat aspek neutral kerana fokus hanya lah aspek maskulinti dan femininiti sahaja. Berikut adalah senarai inventori BSRI yang pernah digagaskan oleh Bem (1981)

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> 1. <i>Self-reliant</i> | <input type="checkbox"/> 31. <i>Makes decisions easily</i> |
| <input type="checkbox"/> 2. <i>Yielding</i> | <input type="checkbox"/> 32. <i>Compassionate</i> |
| <input type="checkbox"/> 3. <i>Helpful</i> | <input type="checkbox"/> 33. <i>Sincere</i> |
| <input type="checkbox"/> 4. <i>Defends own beliefs</i> | <input type="checkbox"/> 34. <i>Self-sufficient</i> |
| <input type="checkbox"/> 5. <i>Cheerful</i> | <input type="checkbox"/> 35. <i>Eager to soothe hurt feelings</i> |
| <input type="checkbox"/> 6. <i>Moody</i> | <input type="checkbox"/> 36. <i>Conceited</i> |
| <input type="checkbox"/> 7. <i>Independent</i> | <input type="checkbox"/> 37. <i>Dominant</i> |
| <input type="checkbox"/> 8. <i>Shy</i> | <input type="checkbox"/> 38. <i>Soft-spoken</i> |
| <input type="checkbox"/> 9. <i>Conscientious</i> | <input type="checkbox"/> 39. <i>Likable</i> |
| <input type="checkbox"/> 10. <i>Athletic</i> | <input type="checkbox"/> 40. <i>Masculine</i> |
| <input type="checkbox"/> 11. <i>Affectionate</i> | <input type="checkbox"/> 41. <i>Warm</i> |
| <input type="checkbox"/> 12. <i>Theatrical</i> | <input type="checkbox"/> 42. <i>Solemn</i> |
| <input type="checkbox"/> 13. <i>Assertive</i> | <input type="checkbox"/> 43. <i>Willing to take a stand</i> |
| <input type="checkbox"/> 14. <i>Flatterable</i> | <input type="checkbox"/> 44. <i>Tender</i> |
| <input type="checkbox"/> 15. <i>Happy</i> | <input type="checkbox"/> 45. <i>Friendly</i> |
| <input type="checkbox"/> 16. <i>Has strong personality</i> | <input type="checkbox"/> 46. <i>Aggressive</i> |
| <input type="checkbox"/> 17. <i>Loyal</i> | <input type="checkbox"/> 47. <i>Gullible</i> |
| <input type="checkbox"/> 18. <i>Unpredictable</i> | <input type="checkbox"/> 48. <i>Inefficient</i> |
| <input type="checkbox"/> 19. <i>Forceful</i> | <input type="checkbox"/> 49. <i>Acts as a leader</i> |
| <input type="checkbox"/> 20. <i>Feminine</i> | <input type="checkbox"/> 50. <i>Childlike</i> |
| <input type="checkbox"/> 21. <i>Reliable</i> | <input type="checkbox"/> 51. <i>Adaptable</i> |
| <input type="checkbox"/> 22. <i>Analytical</i> | <input type="checkbox"/> 52. <i>Individualistic</i> |

- | | |
|---|--|
| <u>23. Sympathetic</u> | <u>53. Does not use harsh language</u> |
| <u>24. Jealous</u> | <u>54. Unsystematic</u> |
| <u>25. Has leadership abilities</u> | <u>55. Competitive</u> |
| <u>26. Sensitive to the needs of others</u> | <u>56. Loves children</u> |
| <u>27. Truthful</u> | <u>57. Tactful</u> |
| <u>28. Willing to take risks</u> | <u>58. Ambitious</u> |
| <u>29. Understanding</u> | <u>59. Gentle</u> |
| <u>30. Secretive</u> | <u>60. Conventional</u> |

Panduan;

+ = ada

- = tiada

// = bergantung pada keadaan/tiada berkenaan

Kaedah ini dilakukan bagi melihat dan mengenalpasti aspek maskuliniti dan femininiti yang ditampilkan oleh watak dalam filem.

- Cara pengiraan dapatan skor

Contoh :

Watak 1:

- Skor feminin - jumlah feminin /20 = dapatan skor
- Skor Maskulin - jumlah maskulin /20 = dapatan skor

Jika maskuliniti ditolak dengan jumlah dapatan feminin maka watak dikategorikan sebagai *androgynous* mengikut skala Bem. Interpretasi adalah seperti berikut;

- Feminin = 1.00 atau lebih
- Androgini = - 0.50 - +0.50
- Maskulin = -1.00 atau kurang

3.2.2.2 Langkah kedua

Seterusnya setelah aspek-aspek maskuliniti dan femininiti telah dikenalpasti, pengkaji menggunakan pendekatan inventori sosiosemantik (*Sociosemantic inventory*) seperti yang telah digagaskan oleh Van Leeuwen (2008). Hal ini bagi melihat representasi maskuliniti dan femininiti dalam trilogi filem. Pengkaji telah melihat representasi lelaki dan perempuan melalui dua pendekatan iaitu pendekatan semiotik dan juga diskursif. Maksudnya di sini ialah melalui pemerhatian pengkaji nanti, apakah sifat-sifat (*attribute*) serta personaliti lelaki dan wanita yang berbeza. Di sini pengkaji akan melihat bagaimana setiap watak direpresentasikan sama ada secara perbandingan baik secara visual maupun secara verbal (melalui dialog yang dituturkan).

Hasil daripada data dapatan korpus, pengkaji seterusnya mengkelaskan karakter lelaki dan wanita ke dalam jadual berkaitan identiti representasi tersebut (lihat Jadual 4.17, 4.18 dan 4.19). Di sini pengkaji melihat sama ada represetasi wanita yang menceburi bidang kerjaya yang didominasi lelaki masih dipengaruhi stereotaip wanita yang dicipta atau karakter mereka terpengaruh dengan sifat maskuliniti lelaki. Begitu juga karakter antagonis yang mana watak gangster banyak didominasi lelaki. Pengkaji mengaitkan dan membandingkan dengan dapatan kajian lepas bagi perbincangan lanjut.

3.2.2.3 Langkah ketiga

Langkah terakhir bagi menerangkan bagaimana representasi dipaparkan samaada mengikuti atau mencabar stereotaip, pengkaji menggunakan model transitiviti Halliday. Enam proses utama dalam ‘jenis proses’ dalam Model Transitiviti

Halliday (1985) ialah: *Material, Mental, Relational, Behavioural, Verbal, and Existential*. Dalam jadual berikut pengkaji menunjukkan bagaimana analisis dijalankan;

- Jenis proses bagaimana mencabar stereotaip dipaparkan

GK1: Watak Suzana

Jadual 3.6: Contoh Analisis Transitiviti

Jenis proses	Contoh
Material	Suzana membalas tembakan polis
Mental	Suzana marah dengan tindakan Castello dan Rafayel
<i>Behavioural</i>	Suzana melepang muka Salleh kerana menjadi <i>informer</i> polis.
<i>Existential</i>	Suzana berjaya melepaskan diri dari serbuan polis
Verbal	Polis takkan buat apa-apa. Kita dah ubah strategi.
<i>Relational</i>	Suzana dan Castello bersubahat dengan aktiviti pengedaran.

Dalam analisis ini pengkaji melihat aspek **kelicikan** watak Suzana sebagai **ketua gangster** dan bagaimana Suzana bertindak sebagai **ketua**. Secara stereotaip wanita banyak ditampilkan hanya sebagai pengikut sahaja dan bersifat. Dalam GK1 Suzana berperanan sebagai *mastermind*.

Pengkaji mengaplikasikan pendekatan Halliday (1985) bagi melihat sama ada setiap watak yang dikaji itu mengikuti atau mencabar stereotaip menggunakan

multimodaliti. Melalui aspek multimodaliti pengkaji melihat beberapa proses iaitu *Material, Mental, Relational, Behavioural, Verbal, and Existential*.

3.3.3 Pertalian teori kajian dalam menganalisis data

Pengkaji menggunakan BSRI oleh Bem (1981) bagi melihat sama ada watak-watak yang dikaji mempunyai ciri-ciri maskuliniti atau femininiti. Seterusnya pengkaji akan mengkaji Representasi setiap watak dalam filem tersebut menggunakan Kerangka Teori Van Leeuwen. Pendekatan Halliday pula digunakan bagi menyiasat sama ada representasi maskuliniti dan femininiti yang dikaji mencabar atau mengikuti stereotaip setelah dapatan bagi soalan kajian pertama diperolehi. Pengkaji akan mengaitkan semula dengan dapatan daripada analisis menerusi BSRI.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian berserta analisis bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk dalam Bab 1. Sehubungan itu, pada bahagian pertama pengkaji akan membincangkan ciri-ciri dan identiti aktor sosial berdasarkan gender dalam filem Gerak Khas 1 (GK1), Gerak Khas 2 (GK2) dan Gerak Khas 3 (GK3). Seterusnya bagi menjawab persoalan kedua pengkaji akan menganalisis menggunakan kerangka teori *Social Actor Network* oleh Theo Van Leeuwen (1996, 2008) bagi melihat representasi aktor sosial serta mengkategorikan (*categorization and nomination*) watak-watak yang dikaji mengikut aktiviti atau peranan mereka (*functionalization*) seterusnya bagaimana aktor sosial dikenalpasti (*identification*) serta kaitan dengan watak lain (*relation identification*). Cara bagaimana aktor sosial dipaparkan, sama ada secara aktif ataupun pasif (*role allocation*). Aspek lain yang dilihat ialah aktor sosial dipaparkan sebagai *non human* (*Impersonalization*).

4.1 Representasi maskuliniti dan femininiti dalam filem kepolisan

Dalam analisis ini pengkaji dapat melihat bagaimana aktor sosial iaitu representasi maskuliniti dan femininiti dicitrakan dalam filem aksi yang bertema kepolisan.

4.1.1 Analisis kategori maskuliniti dan femininiti dalam trilogi

Dalam menganalisis ciri-ciri maskuliniti dan femininiti bagi setiap karakter yang telah dipilih, pengkaji menggunakan tiga petunjuk berikut.

Petunjuk: [+]

[-]

[//]

ada

tiada

bergantung pada situasi

- Pengkaji akan menandakan [+] pada bahagian ciri-ciri maskuliniti atau femininiti mengikut BSRI yang terdapat pada setiap aktor sosial yang dikaji. Sama ada protagonis lelaki dan wanita serta antagonis lelaki dan wanita.
- Pengkaji akan menandakan [-] bagi ciri-ciri maskuliniti dan femininiti mengikut BSRI yang tiada pada protagonis lelaki dan wanita serta antagonis lelaki dan wanita.
- Pengkaji akan menandakan [//] bagi ciri-ciri maskuliniti dan femininiti yang terdapat pada protagonis lelaki dan wanita serta antagonis lelaki dan wanita yang wujud tetapi bergantung pada situasi ataupun tidak dipaparkan dalam plot cerita.

4.1.2 Analisis Maskuliniti

Berdasarkan BSRI berikut adalah 20 ciri-ciri maskuliniti yang ditetapkan dalam inventori seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Aspek maskuliniti menurut BSRI

Maskulin	
Percaya diri	Suka mendominasi
Mempertahankan pendapat	Maskulin/bersifat kelelakian
Berjiwa bebas	Mempunyai pendirian
Suka bersukan	Agressif
Tegas	Bertindak sebagai pemimpin
Berkeperibadian teguh	Bersifat individual
Bersemangat	Kompetitif
Befikiran analitik	Bercita-cita
Mampu memimpin	Mudah membuat keputusan
Berani mengambil risiko	Berdikari/mandiri

Melalui analisis yang telah dibuat pengkaji telah mengenalpasti ciri-ciri maskuliniti yang ada dalam setiap karakter lelaki.

Jadual 4.2: Ciri-ciri maskuliniti pada watak watak lelaki dalam GK1

Ciri-ciri maskuliniti	Mazlan	Castello	Rafayel	Roy
Percaya diri	+	+	+	//
Mempertahankan pendapat	+	+	+	+
Berjiwa bebas	+	+	+	//
Suka bersukan	+	-	-	-
Tegas	+	+	//	-
Berkeperibadian teguh	+	+	+	-

Bersemangat	+	+	+	-
Befikiran analitik	+	+	//	-
Mampu memimpin	+	+	+	-
Berani mengambil risiko	+	+	+	-
Suka mendominasi	//	+	-	-
Maskulin/bersifat kelelakian	+	+	+	-
Mempunyai pendirian	+	+	+	//
Agressif	+	+	+	-
Bertindak sebagai pemimpin	+	+	//	-
Bersifat individual	-	+	-	-
Kompetitif	+	+	+	-
Bercita-cita	+	+	+	//
Mudah membuat keputusan	+	+	+	-
Berdikari/mandiri	+	+	+	-

Melalui analisis ciri-ciri maskuliniti yang dilakukan pada watak-watak lelaki dalam GK 1, pengkaji mendapati bahawa kesemua watak lelaki kecuali Roy mempunyai ciri-ciri maskuliniti iaitu suka bersukan, tegas, agressif dan lain-lain. Pengkaji menyatakan sedemikian kerana Roy selalu menunjukkan perasaan takut dan terlalu bergantung kepada Azura rakan sekerja yang selalu bekerja dengannya.

Malahan Azura lebih menunjukkan sifat keberanian dan suka mengambil risiko berbandingnya. Contohnya sewaktu babak dia dan Azura bertugas menyiasat kegiatan Castello, Roy menyatakan dia tidak berani berbuat demikian namun dia telah dipaksa oleh Azura. Ciri-ciri maskuliniti tersebut ditonjolkan oleh Mazlan bersetujuan dengan perwatakannya selaku seorang pegawai polis yang memerlukan dia mempunyai kesemua sifat maskuliniti iaitu percaya diri, tegas, bersemangat, berfikiran analitik, berdikari dan lain-lain. Begitu juga dengan Castello dan Rafayel yang harus mempunyai sifat-sifat maskuliniti kerana mereka ingin menguasai dunia jenayah dalam GK1.

Jadual 4.3: Ciri-ciri Maskuliniti watak lelaki dalam GK2

Ciri-ciri maskuliniti	Zamri	Raziman	Frankie
Percaya diri	+	+	+
Mempertahankan pendapat	+	+	+
Berjiwa bebas	+	+	+
Suka bersukan	+	//	//
Tegas	+	+	//
Berkeperibadian teguh	+	+	+
Bersemangat	+	+	+
Befikiran analitik	+	+	//
Mampu memimpin	+	+	+
Berani mengambil risiko	+	+	+
Suka mendominasi	//	+	//
Maskulin/bersifat kelelakian	+	+	+

Mempunyai pendirian	+	+	+
Agressif	+	+	+
Bertindak sebagai pemimpin	+	+	//
Bersifat individual	-	+	-
Kompetitif	+	+	+
Bercita-cita	+	+	+
Mudah membuat keputusan	+	+	//
Berdikari/mandiri	+	+	+

Melalui analisis ciri-ciri maskuliniti yang dilakukan pada watak-watak lelaki dalam GK 2, pengkaji mendapati bahawa kesemua watak lelaki protagonis mempunyai ciri-ciri maskuliniti suka bersukan, tegas, agressif dan lain-lain. Sifat percaya diri wujud dalam kesemua watak khususnya Inspektor Zamri (Ditampilkan dalam semua babak). Hal ini bersesuaian dengan peranannya sebagai anggota polis, manakala Raziman selaku watak antagonis merupakan ketua kepada kegiatan jenayah manakala Frankie pula bertindak sebagai pengikutnya.

Dalam GK2 Inspektor Zamri ditonjolkan memamerkan sifat-sifat maskuliniti dalam setiap aktiviti dan juga kerjanya. Contohnya dalam gerakan membanteras kegiatan jenayah oleh kumpulan Raziman. Begitu juga dengan Raziman dan Frankie yang tidak gentar dengan apa pun ancaman daripada pihak polis.

Jadual 4.4: Ciri-ciri maskuliniti dalam watak lelaki GK3

Ciri-ciri maskuliniti	Haris	Ramon
Percaya diri	+	+
Mempertahankan pendapat	+	+
Berjiwa bebas	+	+
Suka bersukan	//	//
Tegas	+	+
Berkeperibadian teguh	+	+
Bersemangat	+	+
Befikiran analitik	+	+
Mampu memimpin	+	+
Berani mengambil risiko	+	+
Suka mendominasi	//	+
Maskulin/bersifat kelalakian	+	+
Mempunyai pendirian	+	+
Agressif	+	+
Bertindak sebagai pemimpin	+	+
Bersifat individual	-	+
Kompetitif	+	+
Bercita-cita	+	+
Mudah membuat keputusan	+	+
Berdikari/mandiri	+	+

Watak lelaki dalam GK3 juga mempunyai kesemua ciri-ciri maskuliniti yang dikaji. Inspektor Haris merupakan satu-satunya Inspektor lelaki dalam pasukan Gerak Khas dan dia banyak memimpin gerakan dalam setiap misi mereka. Manakala Ramon

pula berwatak antagonis dan merupakan ketua kepada beberapa sindiket jenayah. Sebagai ketua penjenayah dia mengekalkan sifat maskuliniti dalam dirinya seperti bersifat tegas, agressif dan lain-lain.

Melalui analisis yang telah dibuat pengkaji telah mengenalpasti ciri-ciri maskuliniti yang ada dalam setiap karakter perempuan dalam Jadual 4.5 yang berikut.

Jadual 4.5: Ciri-ciri maskuliniti dalam watak wanita GK1

Ciri-ciri maskuliniti	Aleeza	Syafikah	Suzana	Azura
Percaya diri	+	+	+	+
Mempertahankan pendapat	+	+	+	+
Berjiwa bebas	+	+	+	+
Suka bersukan	+	+	//	//
Tegas	+	+	+	+
Berkeperibadian teguh	+	+	+	+
Bersemangat	+	+	+	+
Befikiran analitik	+	+	+	//
Mampu memimpin	+	+	+	//
Berani mengambil risiko	+	+	+	+
Suka mendominasi	//	//	+	+
Maskulin/bersifat kelalakian	+	+	+	//
Mempunyai pendirian	+	+	+	+
Agressif	+	+	+	+
Bertindak sebagai pemimpin	//	//	+	//
Bersifat individual	-	-	+	+
Kompetitif	+	+	+	+
Bercita-cita	+	+	+	+
Mudah membuat keputusan	//	//	+	+
Berdikari/mandiri	+	+	+	+

Jadual 4.6: Ciri-ciri maskuliniti dalam watak wanita GK2

Ciri-ciri maskuliniti	Julia	Karina
Percaya diri	+	+
Mempertahankan pendapat	+	+
Berjiwa bebas	+	+
Suka bersukan	//	//
Tegas	+	+
Berkeperibadian teguh	+	+
Bersemangat	+	+
Befikiran analitik	+	+
Mampu memimpin	+	//
Berani mengambil risiko	+	+
Suka mendominasi	//	+
Maskulin/bersifat kelalakian	+	+
Mempunyai pendirian	+	+
Agressif	+	+
Bertindak sebagai pemimpin	//	//
Bersifat individual	-	-
Kompetitif	+	+
Bercita-cita	+	+
Mudah membuat keputusan	+	//
Berdikari/mandiri	+	+

Jadual 4.7: Ciri-ciri maskuliniti dalam watak wanita GK3

Ciri-ciri maskuliniti	Farah	Julia
Percaya diri	+	+
Mempertahankan pendapat	//	//
Berjiwa bebas	+	+
Suka bersukan	//	//
Tegas	//	-
Berkeperibadian teguh	+	-
Bersemangat	+	+
Befikiran analitik	//	//
Mampu memimpin	//	-
Berani mengambil risiko	+	+
Suka mendominasi	//	+
Maskulin/bersifat kelalakian	//	-
Mempunyai pendirian	+	//
Agressif	+	//
Bertindak sebagai pemimpin	//	-
Bersifat individual	-	-
Kompetitif	-	//
Bercita-cita	+	+
Mudah membuat keputusan	//	//
Berdikari/mandiri	+	//

Jadual 4.5, 4.6 dan 4.7 menunjukkan analisis terhadap ciri-ciri maskuliniti yang terdapat dalam watak wanita dalam filem trilogi GK. Watak Aleeza hanya dikaji dalam GK 1 walaupun dalam ketiga-tiga trilogi menampilkan wataknya, namun tidak terdapat banyak perubahan karakter. Sebagai anggota polis watak Aleeza dan Syafikah

(GK1) dicirikan dengan ciri-ciri maskuliniti dalam watak mereka khususnya sifat tegas, berkepribadian teguh, agressif, bersemangat dan berfikiran analitik. Manakala watak Suzana pula mempunyai hampir kesemua ciri-ciri maskulinti. Hal ini demikian kerana dalam GK1 dia merupakan ketua kepada kegiatan jenayah. Kesemua rancangan jenayah banyak dirancang olehnya. Dalam GK2 pula watak Karina. Hal ini ditunjukkan melalui tindakannya menghalang Azura. Manakala dia tidak bertindak sebagai ketua kerana banyak mengikut telunjuk Raziman. Selain itu dalam kumpulannya dia tidak dapat menunjukkan ciri dominan kerana banyak dikawal oleh Raziman.

Sementara itu bagi Inspektor Farah pula dalam GK3 dipamerkan sebagai kurang mempunyai *self-reliance*. Hal ini ditunjukkan melalui dalam beberapa operasinya yang hampir gagal dan dia banyak diselamatkan oleh rakan sekerja lelakinya. Namun dia mempunyai ciri-ciri agressif. Dia juga tidak menunjukkan ciri-ciri sebagai ketua kerana dalam GK3 dia banyak diarah oleh Inspektor Haris. Bagi watak Azura pula dalam GK1 dia ditonjolkan sebagai sangat agressif dalam menjalankan tugasannya termasuk berani menceroboh kawasan Castello. Namun dalam GK2 dia tidak dapat membela diri daripada dipukul oleh Karina.

4.1.3 Aspek Femininiti

Jadual 4.8 merupakan ciri-ciri femininiti yang akan dianalisis dalam setiap watak.

Jadual 4.8: Aspek Femininiti

Feminin	
Mengalah	Memahami
Periang	Mudah simpati
Malu	Suka mententeramkan orang lain
Penuh kasih sayang	Bertutur kata halus
Senang dirayu	Berhati lembut
Hangat dalam pergaulan	Mudah terpengaruh
Setia	Naif
Feminin bersifat kewanitaan	Tidak menggunakan kata kesat
Menaruh simpati	Senang dengan anak-anak
Peka dengan keperluan orang lain	Lemah lembut

Melalui analisis yang telah dibuat pengkaji telah mengenalpasti ciri-ciri femininiti yang terdapat dalam setiap karakter lelaki, baik watak protagonis maupun antagonis.

Jadual 4.9: Ciri-ciri femininiti pada watak lelaki GK1

	Feminin	Mazlan	Castello	Rafayel	Roy
Mengalah	//	-	-	-	+
Periang	+	-	-	-	+
Malu	-	-	-	-	//
Penuh kasih sayang	//	-	-	-	//
Senang dirayu	+	-	-	-	+

Hangat dalam pergaulan	+	-	-	+
Setia	//	//	//	//
Feminin/ bersifat kewanitaan	-	-	-	+
Menaruh simpati	-	-	-	+
Peka dengan keperluan orang lain	//	-	-	+
Memahami	+	-	-	+
Mudah simpati	//	-	-	+
Suka mententeramkan orang lain	+	-	-	+
Bertutur kata halus	//	-	-	//
Berhati lembut	//	-	-	+
Mudah terpengaruh	//	-	-	+
Naif	-	-	-	+
Tidak menggunakan kata kesat	//	-	-	//
Senang dengan anak-anak	//	//	//	//
Lemah lembut	-	-	-	+

Jadual 4.10: Ciri-ciri femininiti pada watak lelaki GK2

	Feminin		
	Zamri	Raziman	Frankie
Mengalah	//	-	-
Periang	+	-	-
Malu	-	-	-
Penuh kasih sayang	//	-	-
Senang dirayu	+	-	-

Hangat dalam pergaulan	+	-	-
Setia	//	//	//
Feminin/ bersifat kewenitaan	-	-	-
Menaruh simpati	-	-	-
Peka dengan keperluan orang lain	//	-	-
Memahami	+	-	-
Mudah simpati	//	-	-
Suka mententeramkan orang lain	+	-	-
Bertutur kata halus	//	-	-
Berhati lembut	//	-	-
Mudah terpengaruh	//	-	-
Naif	-	-	-
Tidak menggunakan kata kesat	//	+	+
Senang dengan anak-anak	//	//	//
Lemah lembut	-	-	-

Jadual 4.11: Ciri-ciri femininiti dalam watak lelaki GK3

Feminin		
	Haris	Ramon
Mengalah	//	-
Periang	+	-
Malu	-	-
Penuh kasih sayang	//	-
Senang dirayu	+	-
Hangat dalam pergaulan	+	-

Setia	//	//
Feminin/ bersifat kewenitaan	-	-
Menaruh simpati	-	-
Peka dengan keperluan orang lain	//	-
Memahami	+	-
Mudah simpati	//	-
Suka mententeramkan orang lain	+	-
Bertutur kata halus	//	-
Berhati lembut	//	-
Mudah terpengaruh	//	-
Naif	-	-
Tidak menggunakan kata kesat	//	-
Senang dengan anak-anak	//	//
Lemah lembut	-	-

Dalam analisis ciri-ciri femininiti pada watak lelaki seperti yang terdapat dalam Jadual 4.9, 4.10 dan 4.11, terdapat beberapa watak protagonis yang mempunyai ciri-ciri femininiti tetapi mengikut situasi contohnya Mazlan, Zamri dan Haris. Bagi watak antagonis kesemuanya tidak mempunyai ciri-ciri femininiti. Hal ini kerana watak-watak antagonis seperti Castello, Rafayel, Raziman, Frankie dan Ramon harus mengekalkan karakter antagonis mereka yang negatif iaitu agressif, suka mengarah, sarkastik, *rude* dan *feels superior*. Menurut Lina & Robert (1995), sifat maskuliniti yang negatif ialah suka mengarah, sarkastik dan *rude*. Manakala watak-watak protagonis pula memiliki karakter yang agressif dalam menjalankan tugas mereka namun tidak memudaratkan orang lain kerana mereka bersifat agressif sewaktu

menjalankan tugas. Contohnya sewaktu menangkap penjenayah dalam setiap operasi mereka.

Jadual 4.12: Ciri-ciri femininiti watak wanita GK1

	Feminin			
	Aleeza	Syafikah	Suzana	Azura
Mengalah	//	-	-	-
Periang	+	-	-	//
Malu	-	-	-	-
Penuh kasih sayang	//	-	-	-
Senang dirayu	+	-	-	-
Hangat dalam pergaulan	+	-	-	//
Setia	//	//	//	+
Feminin/ bersifat kewanitaan	-	-	-	-
Menaruh simpati	-	-	-	-
Peka dengan keperluan orang lain	//	-	-	-
Memahami	+	-	-	-
Mudah simpati	//	-	-	-
Suka mententeramkan orang lain	+	-	-	-
Bertutur kata halus	//	-	-	-
Berhati lembut	//	-	-	-
Mudah terpengaruh	//	-	-	-
Naif	-	-	-	-
Tidak menggunakan kata kesat	//	//	-	-

Senang dengan anak-anak	//	//	//	//
Lemah lembut	-	-	-	-

Jadual 4.13: Ciri-ciri femininiti watak wanita GK2

Feminin		
	Julia	Karina
Mengalah	//	-
Periang	+	-
Malu	-	-
Penuh kasih sayang	//	-
Senang dirayu	+	-
Hangat dalam pergaulan	+	-
Setia	//	//
Feminin/ bersifat kewanitaan	-	-
Menaruh simpati	-	-
Peka dengan keperluan orang lain	+	-
Memahami	+	-
Mudah simpati	//	-
Suka mententeramkan orang lain	+	-
Bertutur kata halus	//	-
Berhati lembut	//	-
Mudah terpengaruh	//	-
Naif	-	-
Tidak menggunakan kata kesat	//	+
Senang dengan anak-anak	//	//
Lemah lembut	-	-

Jadual 4.14: Ciri-ciri femininiti watak wanita GK3

Feminin	Farah	Julia
Mengalah	//	-
Periang	+	+
Malu	-	-
Penuh kasih sayang	+	//
Senang dirayu	+	+
Hangat dalam pergaulan	+	+
Setia	+	//
Feminin/ bersifat kewanitaan	//	+
Menaruh simpati	+	//
Peka dengan keperluan orang lain	+	+
Memahami	+	+
Mudah simpati	+	+
Suka mententeramkan orang lain	+	+
Bertutur kata halus	+	+
Berhati lembut	+	//
Mudah terpengaruh	+	+
Naif	//	//
Tidak menggunakan kata kesat	//	//
Senang dengan anak-anak	+	//
Lemah lebut	//	+

Melalui analisis yang telah dibuat pengkaji telah mengenalpasti ciri-ciri femininiti yang ada dalam setiap karakter wanita. Jadual 4.12, 4.13 dan 4.14 menunjukkan bahawa hanya Julia dan Farah mempunyai sebahagian ciri-ciri femininiti yang dikaji. Karina dan Suzana langsung tiada ciri-ciri femininiti. Begitu juga dengan Azura. Manakala Inspektor Farah pula bersifat *dependant* kerana banyak keputusannya perlu bergantung pada rakan sekerjanya. Namun dalam menjalankan kerja dia juga bersifat agressif bersesuaian dengan tugasnya. Selain itu, dia juga bersifat emosional dan hal ini ditunjukkan olehnya sebaik sahaja dia ditegur oleh Pegawai atasan atas kecuaianya dalam menjalankan tugas. Namun Haris dan Aleeza lebih bersifat tenang.

Dakwaan ini dapat dijelaskan melalui ekstrak di bawah ini;

Ekstrak 1:

Situasi: Haris, Aleeza dan Farah selepas dimarahi oleh Pegawai mereka.

Farah: Seratus kali berjaya tak pernah kena puji/ Sekali buat kesilap DAH kena *smash* dengan pihak atasan ini semua tidak adil! [dalam nada marah].

Aleeza: Kau jangan ambil hati Farah/ Anggap saja teguran dari Tuan Helmi tu sebagai satu cabaran/

Selain itu bagi sifat lemah lembut (*soft*) juga dimiliki oleh Aleeza dan Syafikah. Mereka menunjukkan sifat ini dan menyerlahkan sifat kewanitaan mereka di luar bidang kerjanya terutama apabila berinteraksi dengan orang lain. Contohnya apabila berbual dengan rakan di luar topik kerja.

4.1.4 Perbandingan ciri-ciri maskuliniti dan femininiti dalam watak lelaki dan wanita

Pengkaji menjalankan analisis berdasarkan BSRI kerana pengkaji ingin mendapatkan ciri-ciri femininiti dan maskuliniti dalam setiap karakter yang dikaji. Pengkaji mengadaptasikan pendekatan ini kerana ingin menyelidik mengapa sesetengah watak berperilaku sedemikian. Selain itu pengkaji juga ingin membuat perbandingan ciri-ciri dalam sifat maskuliniti dan femininiti. BSRI digunakan untuk mengukur peranan gender (*gender role*). Bem mengkategorikan ciri-ciri termasuk: memimpin, menjadi agresif, berdaya saing, dominan, berdikari, dan atletik sebagai maskulin; manakala ciri peranan feminin dianggap ekspresif dan termasuk belas kasihan, kasih sayang, simpati, kemesraan dan penyedia.

Jadual 4.15 menunjukkan perbandingan sifat maskuliniti dan femininiti dalam setiap karakter yang dikaji. Menurut Bem (1981). Sifat maskuliniti dapat dilihat sekiranya skor -1.00 atau kurang. Manakala karakter dikatakan feminin apabila skor 1.00 atau lebih dan Androgini pula sekiranya skor - 0.50 - +0.50.

Jadual 4.15: Perbandingan ciri-ciri maskulinti dan femininiti dalam watak lelaki

	Watak lelaki	Maskuliniti	Feminiti	Jumlah Perbandingan	Maskulin/Feminin/Androgini
1.	Mazlan	0.9	0.25	-0.65	M
2.	Castello	0.9	0	-0.95	M
3.	Rafayel	1.4	0.0	-1.4	M
4.	Roy	0.05	0.75	0.7	F
5.	Zamri	0.9	0.25	-0.65	M
6.	Raziman	0.9	0.0	-0.9	M
7.	Frankie	0.65	0.05	-0.6	M
8.	Haris	0.85	0.25	-0.9	M
9.	Ramon	0.95	0.0	-0.95	M

Jadual 4.16: Perbandingan ciri-ciri maskuliniti dan femininiti dalam watak wanita

	Watak lelaki	Maskuliniti	Feminiti	Jumlah Perbandingan	Maskulin/Feminin/Androgini
1.	Aleeza	0.8	0.25	-0.55	A
2.	Syafikah	0.8	0.05	-0.75	A
3.	Suzana	0.95	0.0	-0.95	M
4.	Azura	0.75	0.05	-0.7	A
5	Julia	0.08	0.04	-0.04	A
6.	Karina	0.75	0.05	-0.7	A
7.	Farah	0.4	0.7	0.3	F
8.	Julia	0.25	0.55	0.3	F

Jadual 4.15 menunjukkan bahawa wujudnya sifat femininiti dalam watak lelaki khususnya watak Roy. Hal ini ditunjukkan melalui skor dalam jadual 4.15. Manakala Jadual 4.16 menunjukkan skor femininiti dan maskuliniti dalam watak wanita bagi filem GK1,GK2 dan GK3. Skor menunjukkan bahawa kebanyakan watak wanita mempunyai sifat androgini kecuali watak Suzana.

4.1.5 Adjektif dalam GK 1, GK2 dan GK3

Dalam kajian menunjukkan adjektif digunakan dalam GK 1, GK2 dan GK3 yang dikategorikan kepada **keupayaan fizikal** tegas, tangkas, cekap, pantas dan agressif. **Adjektif negatif** pula ialah kejam, biadap, tidak berperikemanusiaan, lemah, belot, **Adjektif positif** yang merujuk kepada daya tarikan iaitu cantik, jelita, kacak. Dalam analisis menunjukkan bahawa Adjektif positif bagi memaparkan keupayaan fizikal digunakan untuk watak lelaki kecuali watak hal ini kerana peratusan ciri-ciri perwatakan yang dikaji Roy lebih banyak ditampilkan dengan sifat femininiti.

Manakala bagi watak antagonis pula adjektif yang digunakan ialah kejam, biadap, tidak berperikemanusiaan. Hujah ini merujuk kepada watak Castello di mana dia tanpa belas kasihan telah membunuh Roy. Hal ini ditampilkan dalam babak dia membunuh Roy sewaktu dia dan Aleeza menceroboh kawasan Castello.

Dalam GK1 juga ditunjukkan bahawa wanita sering ditampilkan dengan daya tarikan rupa paras yang menarik contohnya watak Inspektor Syafikah yang dipuji kerana kecantikannya. Ini dibuktikan dengan hari pertama dia tiba di Unit Gerak Khas dia menarik perhatian Inspektor Mazlan. Begitu juga watak Suzana walaupun dia memegang peranan antagonis namun dia ditampilkan berpenampilan menarik sehingga menarik minat Inspektor Mazlan dalam babak Mazlan di kelab Suzana.

Sementara bagi watak wanita pula daripada tujuh watak yang dikaji hanya watak Julia dan Farah yang mempunyai ciri-ciri femininiti iaitu lemah manakala lima watak lain iaitu Aleeza, Syafikah, Suzana, Julia, Karina dan Azura lebih mempunyai ciri-ciri maskuliniti atau dengan kata lain *androgynous*. *Androgynous* ialah sifat yang mana seseorang individu mempunyai kedua-dua sifat maskulin dan feminin. Hal ini demikian kerana bidang tugas mereka memerlukan mereka bersifat demikian. Mereka harus bertindak agressif. Mereka bertindak sebagai ketua dalam tugas dan gerakan, selain dari memberikan arahan kepada subordinat (*Act as a leader*). Selain itu setiap tugas yang mereka lakukan sangat berisiko. Dalam setiap gerakan juga memerlukan mereka bertindak agressif bagi menumpaskan penjenayah-penjenayah (*Risk taking*). Contohnya kumpulan Castello, Rafayel dan Suzana (GK1) kumpulan Raziman (GK2) dan Ramon (GK3). Lelaki maskulin juga sangat bersaing (*competitiveness*). Maksudnya mereka sangat tercabar dengan kemampuan lelaki lain. Sifat ini ditunjukkan oleh Inspektor Mazlan terhadap Zamri. Mereka juga bertindak dengan

keputusan sendiri dan tidak bergantung dengan orang lain dalam setiap tindakan mereka (*self-reliance*). Dalam situasi kerja mereka lebih dominan kerana harus memberi arahan kepada subordinat.

Sementara itu merujuk kepada representasi femininiti pula, protagonis wanita juga merupakan pegawai polis berpangkat Inspektor iaitu Inspektor Aleeza (GK1, GK2 dan GK3), Inspektor Syafikah (GK1), Inspektor Julia (GK2) dan Inspektor Farah (GK3). Watak protagonis bukan polis pula wartawan Azura dari Syarikat TVKL. Dalam Analisis ini menunjukkan Inspektor, Aleeza, Syafikah, Julia dan Farah menampilkan ciri-ciri femininiti namun bergantung pada situasi tertentu contohnya apabila bersama rakan-rakan perempuan dan juga apabila berhadapan dengan lelaki terutama kekasih. Contohnya karakter Aleeza berbeza apabila berhadapan dengan rakan sekerjanya Mazlan dan Syafikah. Namun dalam konteks kerja mereka mengadaptasi sifat maskulin. Selain juga bagi watak Inspektor Aleeza (GK1, GK2 dan GK3), Inspektor Syafikah (GK1), Inspektor Julia (GK2) dan Inspektor Farah (GK3) yang bertugas sebagai pegawai polis dalam trilogi GK ini bergerak seiring dengan Inspektor lelaki dalam filem ini kerana mereka juga diberi tugasan yang sama dengan Inspektor-inspektor lelaki. Luar daripada bidang tugas mereka sebagai seorang polis mereka bertindak dan berpenampilan wanita yang feminin. Namun dalam menjalankan tugasan mereka, mereka perlu bertindak sama seperti Inspektor lelaki yang lain kerana tuntutan tugas yang memerlukan mereka bertindak agressif dan aktif. Terdapat beberapa babak yang melibatkan Inspektor Aleeza, Syafikah, Julia dan Farah yang menunjukkan mereka terlibat dalam setiap gerakan dan juga pertempuran.

Buktinya dalam imej 4.1; **analisis semiotik tanda:** Pistol dan posisi sewaktu menggunakan, menunjukkan watak Aleeza dan Syafikah **cekap** menggunakan

senjata api. Begitu juga dalam imej 4.2 menggunakan analisis yang sama, pengkaji merujuk kepada watak Aleeza dan Julia.



Imej 4.1 : Aleeza (kiri) dan Syafikah (kanan) (GK1) sewaktu berhadapan dengan penjenayah



Imej 4.2 : Aleeza (kiri) dan Julia (kanan) (GK2) sewaktu dalam misi menggempur kubu Raziman

Sementara itu watak antagonis wanita dalam GK1 merupakan sekutu kepada antagonis lelaki. Dalam GK1, Suzana merupakan antagonis wanita dan *mastermind* kepada semua kegiatan jenayah. Dalam GK2 pula Karina merupakan pembantu kepada Raziman. Dalam GK3 pula Julia merupakan wanita yang diupah oleh Ramon. Bagi watak antagonis dalam GK1 iaitu Suzana walaupun ditampilkan fizikal yang feminin namun dari segi tindakan dia menjurus kepada ciri-ciri maskulin. Hal ini

kerana bidang gangster yang diceburinya banyak dimonopoli oleh lelaki. Untuk itu dia harus lebih dominan bagi menjamin kedudukannya. Berbanding Karina dalam GK2 semua tindakan yang dilakukannya atas arahan ketuanya Raziman dan Raziman juga yang banyak membuat keputusan dalam setiap tindak tanduknya.

Ekstrak 2 :

Situasi: Perbualan telefon Karina dan Raziman;

Karina: Kau mahu aku intip setiap gerak geri dia (merujuk kepada wartawan Azura)

OKAY (dia **PATUH** dengan arahan Raziman)

Manakala Julia pula hanya dijadikan alat dalam GK3 bagi mendapatkan Aleeza. Buktinya Julia telah dibayar oleh Ramon dengan syarat Julia mengikut semua arahannya.


Ekstrak 3

Situasi: Perbualan Ramon dan Julia

(1) Kau jangan persoalkan itu semua aku dah bagi **segalanya** pada kau.

Analisis telah menunjukkan watak-watak terutamanya Inspektor Aleeza, Syafikah, Julia, Farah, Azura tidak memiliki kesemua ciri-ciri femininiti. Hal ini disebabkan tugasannya yang menuntut mereka tidak mengikuti sifat-sifat feminin. Manakala Suzana pula langsung tidak mempunyai sifat feminin. Hal ini kerana Suzana banyak mengadaptasi ciri-ciri maskulinti dari segi tindakan dan juga strategi bahasa yang digunakannya. Menurut Baxter (2010) seorang pemimpin/ketua wanita banyak menggunakan bahasa yang digunakan lelaki bagi menunjukkan kuasanya. Tambahan pula dalam konteks Suzana dia harus bersikap begitu kerana dia mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia gangsternya.

Femininiti digambarkan sebagai bersikap lemah lembut, minat terhadap lawan jenis, romantis, *caring* dan *nurturing*. Dalam filem ini terdapat beberapa ciri-ciri femininiti yang ditonjolkan terutama oleh Roy GK1, Farah GK3 dan Julia GK3. Bukti dapat ditunjukkan berdasarkan analisis dalam bahagian sebelum ini pengkaji dapat membuat tafsiran bahawa daripada GK1 hingga GK3 representasi maskuliniti dan femininiti sangat bersaing. Hal ini dapat dijelaskan dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Adaptasi daripada Bem (1981)

Melalui Rajah 4.1, pengkaji dapat merumuskan bahawa melalui pandangan dua dimensi menunjukkan bahawa semakin tinggi ciri-ciri femininiti dalam individu maka kurang ciri-ciri maskulinitinya. Hal ini pengkaji mengambil contoh perwatakan Roy (GK1) yang banyak memiliki ciri-ciri femininiti. Semakin tinggi ciri-ciri maskuliniti dalam diri individu maka kurang ciri-ciri femininiti contohnya watak Suzana (GK1), Castello (GK1), Raziman (GK2) dan Ramon (GK3). Contohnya watak Suzana yang mempunyai ciri-ciri maskuliniti dan kurang ciri-ciri femininiti contohnya dia bersifat tegas, suka mendominasi, mampu memimpin, berani mengambil risiko, mempunyai pendirian, bertindak sebagai pemimpin, bersemangat dan lain-lain. Namun dia tiada ciri-ciri femininiti seperti mengalah, penuh kasih sayang, menaruh simpati, bertutur kata halus, tidak menggunakan kata kesat dan lain-lain. Beliau dicirikan dengan karakteristik sedemikian bersesuaian dengan ketua kepada gerakan

jenayah dalam GK1. Begitu juga dengan watak Castello (GK1), Raziman (GK2) dan Ramon (GK3).

4.1.6 Kata Kerja dalam GK1, GK2 dan GK3 bagi menunjukkan aktiviti dan aksi sosial

Analisis menunjukkan watak lelaki banyak menunjukkan kata kerja yang menunjukkan **keupayaan fizikal** contohnya protagonis lelaki dalam trilogi filem GK ini merupakan pegawai polis yang berpangkat inspektor iaitu Inspektor Mazlan (GK1 dan GK2), Inspektor Zamri (GK2) dan Ispektor Haris (GK3). Inspektor Zamri (GK2) dan Ispektor Haris (GK3) menampilkkan ciri-ciri maskulin kerana tugas kerja yang memerlukan mereka bersifat sedemikian. Antara situasi yang memerlukan mereka berlawan, bertempur selain perlu membuat perancangan atau strategi yang tersusun dan taktikal. Dalam ketiga-tiga filem ini kata kerja yang dinamik tidak hanya digunakan oleh lelaki malah representasi wanita juga terutama watak Aleeza, Syafikah (GK1), Julia (GK2) dan Farah (GK3). Antara kata kerja dinamik melibatkan aksi yang banyak digunakan dalam memburu, membanteras, menyiasat dan mengejar banyak digunakan oleh anggota polis di dalam ketiga-tiga filem. Manakala kata kerja dinamik yang digunakan oleh watak antagonis dalam ketiga-tiga filem ialah melawan, berlari, menyerang, memukul, menampar, bercakap, mengarahkan, memaki, memerhati, bertindak, mengatur strategi, membunuh, dan mengedar. Kata kerja ini bukan sahaja dilakukan oleh watak antagonis lelaki iaitu Castello, Rafayel (GK1), Raziman (GK2) dan Ramon (GK3) malah Suzana (GK1) dan Karina (GK2) juga.

4.2 Sosio semantik inventori

Dalam menganalisis representasi aktor sosial iaitu (maskuliniti dan femininiti) pengkaji melihat aspek-aspek *categorization, nomination, functionalization*.

Identification/relational identification dan *Role Allocation* seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3, Jadual 3.2.

Menurut Van Leeuwen,

sociosemantic inventory of the ways in which social actors can be represented and establish the sociological and critical relevance of my categories before I turn to the question of how they are realized linguistically. (Van Leeuwen, 2008: 23)

4.2.1 Mengenalpasti representasi aktor sosial berdasarkan *categorization* dan *nomination*

Trilogi GK merupakan filem aksi bertema kepolisan. Sudah pasti watak-watak yang menjadi watak utama filem ini ialah polis sebagai watak protagonis dan antagonisnya gangster. Berlainan dengan filem yang bergenre aksi dan bertema gangster lebih menumpukan kepada watak-watak gangster dan watak polis menjadi pasif dan tidak dimasukkan (*excluded*) (Greek, 2001). Namun dalam kajian pengkaji lebih tertarik untuk mengkaji sama ada lelaki yang mewakili representasi maskuliniti dan wanita representasi femininiti mempunyai peranan yang penting dalam filem ini.

Menurut Van Leeuwen (2003, 2008), aktor sosial boleh direpresentasikan berdasarkan identiti yang unik dan peranan yang dikongsi dengan yang lain. Merujuk kepada representasi femininiti dan maskuliniti berkongsi identiti dan peranan dalam filem ini sebagai **Pegawai polis dan penjenayah**.

4.2.1.1 Filem GK1, GK2 dan GK3: Penggunaan Kata Ganti Nama bagi watak Protagonis

Dalam filem GK1, GK2 dan GK3 representasi pegawai polis yang mewakili maskuliniti dan femininiti ditampilkan melalui watak Inspektor Mazlan, Inspektor

Aleeza dan Inspektor Syafikah (GK1). Inspektor Mazlan, Inspektor Zamri dan Inspektor Julia (GK2). Inspektor Haris, Inspektor Aleeza dan Inspektor Farah (GK3).

Dalam GK1 watak Inspektor Mazlan, Syafikah dan Aleeza memegang peranan sebagai pegawai polis yang ditanggungjawab untuk membanteras kegiatan jenayah yang dilakukan oleh Suzana, Castello dan Rafayel. Manakala dalam GK2 pula Inspektor Mazlan, Zamri, Aleeza dan Julia ditugaskan membanteras jenayah yang dilakukan oleh Raziman. Begitu juga dengan Inspektor Haris, Aleeza dan Farah dalam GK3 yang ditugaskan menghapuskan jenayah yang dilakukan oleh Ramon.

Melalui representasi ini menunjukkan watak lelaki dan wanita mempunyai peranan yang penting dalam filem trilogi ini. Menurut Halliday (1994), kata ganti nama dan kata kerja yang digunakan dalam sesuatu teks bertujuan untuk membezakan maskulin dan feminin atau menunjukkan kebersamaan maskulin dan feminin. Perbezaan kata nama dan kata ganti digunakan untuk menggambarkan lelaki dan wanita serta membuktikan ketidakseimbangan gender (Graham, 1975). Menurut Van Leeuwen (2008) Penggunaan kata ganti nama bagi merujuk diri (*self*) atau orang lain (*other*). Dipersetujui oleh Bramley (2001: 13-14) di mana menurut beliau;

The uses of pronouns, which can be used to show affiliation or create distance between people where it would not traditionally be expected.

Tambah beliau lagi;

One of these functions of pronouns has been defined in terms of pronouns capacity to act as a means of expressing different social relations

Dalam filem GK1 contohnya Kata ganti nama ‘**Kita**’ digunakan untuk menunjukkan kebersamaan representasi feminin dan maskulin iaitu Unit Gerak Khas dalam menjalankan tugas mereka. Jelasnya mereka tidak membezakan kewibawaan

pegawai wanita dalam menjalankan tugas, namun mementingkan semangat dedikasi. Pegawai wanita juga turut terlibat dalam misi-misi besar unit mereka dan kewujudan mereka tidak turut menyumbang kepada kejayaan Unit Gerak Khas. Pengkaji merujuk kepada Kata Ganti Nama **Kita** dan **Kata Kerja** yang digunakan bagi menerangkan **fungsi kata nama** tersebut ialah bertugas, memburu sindiket dan siasat.

Ekstrak 4: GK1

Situasi: Antara Syafikhah dan Pegawai atasannya.

- 1 ASP: Mulai hari ini **kita** akan bertugas dalam **1 unit** apa yang penting adalah semangat dedikasi dalam setiap tugas
- 2 Syafikhah: Saya faham tuan.

Ekstrak 5: GK2

Situasi: Perbualan antara ASP, Mazlan dan Aleeza

- 1 ASP: Nampaknya Aleeza **kita** berhadapan dengan banyak tugas. ...Dari kes ini **kita** sedang memburu satu sindiket dadah yang terbesar di Negara **kita** sekarang ni.

- 2 Mazlan: Nampak gaya tuan, semakin berat **tugas kita**.

Ekstrak 6: GK3

Situasi: Perbualan antara ASP, Haris, Aleeza dan Farah

- 1 ASP: **Kita** perlu siasat latar belakang mangsa.
- 2 Haris: Tuan nama mangsa Suzana Osman.

Maksud yang ingin disampaikan dalam ekstrak 4, 5 dan 6 di atas ialah, tidak kira pegawai lelaki dan wanita harus mempunyai semangat dan tanggungjawab membanteras jenayah yang semakin berleluasa. Tuan ASP tidak menujukan arahan hanya kepada Inspektor Mazlan (GK1) atau Haris (GK3) sahaja. Bertentangan dengan

peranan polis wanita dalam King (2008) yang mana polis wanita hanya menyelesaikan kes-kes kecil sahaja.

Namun sebagai pegawai polis wanita Aleeza, Syafikah (GK1) Julia (GK2) dan Farah (GK3) tetap mempunyai cabaran dalam menjalankan tugas mereka supaya setanding dengan lelaki. Kerjaya sebagai polis memerlukan mereka mempunyai kekuatan dari segi fizikal kerana banyak tugas yang memerlukan mereka berhadapan dengan penjenayah yang berbahaya dan *violent*. Walaupun diri mereka telah dilengkapi dengan ciri-ciri maskuliniti (lihat Analisis 4.5). Namun kewibawaan mereka sedikit tercabar atas beberapa situasi. Hal ini kerana walaupun mereka sangat berdikari namun terdapat halangan tertentu dalam mereka menjalankan tugas. Contohnya sewaktu Inspektor Syafikah dan Aleeza dikejar oleh penjahat yang berbahaya mereka masih memerlukan Inspektor Mazlan. Begitu juga dengan Inspektor Farah yang memerlukan pimpinan dan bantuan daripada Inspektor Haris (GK3).

Ketiga-tiga filem menunjukkan kesemua watak membantu menggerakkan jalan cerita. Namun terdapat juga situasi yang mana representasi maskulin menunjukkan kuasanya melebihi representasi feminin. Hal ini dapat dijelaskan dalam ekstrak berikut;

Ekstrak 7: GK 3

Situasi: Unit Gerak Khas gagal menangkap Ramon

1 Haris: Farah (!) **kenapa kau tinggalkan point (?)** Aku dah kata jangan
tinggalkan point (!). [dengan nada marah]

Sementara itu dalam satu gerakan lelaki bertindak sebagai **ketua** (Inspektor Haris) dan menggunakan kata ganti **Kau**, aku dah suruh **kau** yang bermaksud Haris selaku ketua

mengarahkan Farah. Penggunaan kau dalam ekstrak di atas menunjukkan bahawa arahan itu hanya ditujukan kepada Farah sahaja. Dalam situasi ini menunjukkan Haris menggunakan dominannya untuk mengarah Farah yang ingkar dengan arahannya. Akibat kesalahan Farah dia dimarahi oleh uan Helmi. Berbanding dengan Aleeza yang menganggap kegagalan Farah sebagai kesalahan bersama.

4.2.1.2 Filem GK1, GK2 dan GK3: Penggunaan Kata Ganti Nama bagi watak Antagonis

Watak-watak penjenayah dalam GK1, GK2 dan GK3 ialah Castello, Rafayel dan Suzana (GK1). Raziman, Karina dan Frankie (GK2). Ramon dan Julia (GK3). Dalam GK1 Castello, Suzana dan Rafayel ditampilkan sebagai sekutu jenayah yang pada asalnya masing-masing sudah mempunyai kuasa dalam kumpulan masing-masing. Namun akhirnya bergabung supaya dapat menguatkan lagi kedudukan mereka. Namun dalam gabungan ini Suzana merupakan *mastermind* yang merancang segala aktiviti mereka. Dalam GK2 pula Raziman lebih menunjukkan kuasanya dan Karina dan Frankie hanya menjalankan segala arahannya. Begitu juga dengan Ramon dalam GK3.

Ekstrak 8: GK1:

Situasi: Suzana bersama Castello dan Rafayel

1 Kita ada masalah lagi besar! Setiap hari bisnes kita DIGANGGU!

2 Kita sepatutnya bersatu! BUKAN bergaduh sesama sendiri/

Dalam ekstrak 8 Suzana menghalang kedua-dua ketua gangter itu daripada bertengkar. **Kita seharusnya** bersatu (1) dalam konteks ini menunjukkan mereka harus bersepakat dan Castello dan Rafayel juga mengakui Suzana sebagai ketua.

Pengkaji merujuk kepada apa ditunjukkan oleh Suzana melalui arahannya. Namun dia menggunakan kita di sini menunjukkan kesepakatan mereka.

Ekstrak 9: GK1

Situasi: Suzana dengan Castello dan Rafayel

- 1 Suzana: Sebab itu **kita** perlu aturkan pemasaran yang lebih *advance*/
- 2 Castello: Jangan risau Suzana /
- 3 Suzana: **KAU KENA** bertindak lebih berkesan lagi!

Ekstrak 8 dan 9 menunjukkan dominasi Suzana. Pakatan tersebut diketuai oleh Suzana kerana kebijaksanaannya mengatur strategi manakala Castello pula diarahkan menjalankan strategi yang telah dirancangnya.

Ekstrak 10: GK1

Situasi: Suzana menunjukkan kuasanya

- 1 Castello: **Kau kena hentikan** semua aktiviti di kelab/
- 2 Rafayel: Betul kata Castello. Lebih baik kau tutup saja kelab tu/
- 3 Suzana: **Sapa korang** yang nak ajar aku sekarang ni ?
- 4 Selama ni hidup **korang bergantung** pada strategi yang aku buat
- 5 Castello: Suzana aku tak nafikan kau perempuan *brilliant* tapi jangan ego.
- 6 Tanpa kekuatan yang aku ada kita takkan sampai ke tahap sekarang

Ekstrak 10 menunjukkan Suzana tidak mahu menerima arahan dan pandangan daripada Castello dan Rafayel (3). Ini disebabkan Suzana merasakan dia lebih dominan daripada kedua-dua lelaki tersebut walaupun pakatan mereka bergantung dengan kekuatan Castello (6). Analisis ini meneyerlahkan sifat Suzana yang suka mendominasi.

Ekstrak 11: GK3

Situasi: Ramon menunjukkan kuasanya

- 1 Ramon: Macamana boleh terjadi
- 2 Konco: **Maafkan Tuan** kami dan cuba tapi polis muncul tiba-tiba
- 3 Ramon: Ini menunjukkan **kau cuai!**

Dalam ekstrak 11 menunjukkan Ramon menggunakan kuasanya untuk mengarah dan penggunaan **kau** menunjukkan kuasanya sebagai ketua yang mana orang bawahan harus akur dan semua kesalahan terletak di bahu mereka jika mereka gagal.

Berdasarkan analisis di atas pengkaji mendapati bahawa representasi feminin dan maskulin baik watak protagonis maupun antagonis dikategorikan dalam kategori yang sama iaitu sama ada dari segi pekerjaan, jawatan atau status. Ini menunjukkan representasi feminin juga mempunyai keupayaan sama seperti representasi maskulin kerana apa sahaja yang dilakukan oleh representasi maskulin dalam filem trilogi ini, representasi feminin juga terlibat sama.

4.2.2 Mengenalpasti Aktor sosial melalui *identification*

Pada bahagian ini juga pengkaji melihat bagaimana karakter bersifat positif atau negatif. Filem ini bergenrekan filem aksi yang memfokuskan kepada aktor sosial (polis). Kehadiran aktor sosial lain (watak antagonis) penting bagi penceritaan dan menonjolkan aktiviti mereka. Dalam filem Gerak Khas yang bergenre aksi dan menfokuskan pada dunia kepolisan mewujudkan watak antagonis yakni gangster bagi mengaktifkan watak polis serta peranan yang ditunjukkan. Berlainan dengan filem yang bergenre aksi dan bertema gangster

lebih menumpukan kepada watak-watak gangster dan watak polis menjadi pasif dan tidak dimasukkan (*excluded*) (Greek, 2001). Van Leeuwen membuat perbezaan antara aktor sosial yang diaktifkan dan dipasifkan. Menurut Van Leeuwen (1996:43) aktor sosial yang dipasifkan *as undergoing the activity ..as being at the receiving end of it*. Van Leeuwen telah membuat perbezaan antara peranan yang aktif dan pasif (*activation and passivation*) iaitu aktor sosial yang diaktifkan sebagai *social actors are represented as the active, dynamic forces in an activity..*

Berdasarkan pendekatan Van Leeuwen (ibid.) pengkaji akan melihat secara visual di samping menggunakan pendekatan semiotik. Dalam filem trilogi ini, setiap watak sudah ditetapkan dengan ciri-ciri tertentu dalam karakter mereka supaya bersesuaian dengan watak sebagai antagonis ataupun protagonis. Jadual berikut menunjukkan ringkasan tentang watak-watak yang mewakili representasi feminin dan maskulin dalam filem trilogi.

Dalam GK1 aktor sosial baik maskuliniti dan femininiti ditampilkan berdasarkan perbezaan watak dan kelas pekerjaan. Contohnya watak protagonis pegawai polis, wartawan manakala watak antagonis, penjenayah. Dalam 4.17, 4.18 dan 4.19 dijelaskan kategori aktor sosial berdasarkan klasifikasi, relasi identifikasi, *relation work* dan penampilan fizikal mereka.

Jadual 4.17: Identification Aktor Sosial GK1

Aktor sosial GK1	Identification
Mazlan 	Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 20-an. <i>Relation identification:</i> Sahabat baik Syafikah dan Aleeza. <i>Relation work:</i> Pegawai polis berpangkat Inspektor Penampilan fizikal: bertubuh tinggi namun tidak muskular. Mazlan suka berjenaka, suka mengusik wanita di pejabatnya terutama pegawai baru Syafikah. Sifat mudah jatuh cinta Mazlan ditonjolkan apabila dia jatuh cinta dengan Syafikah sejak Syafikah mula bertugas di Unit itu.
Castello 	Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 40-an <i>Relation work:</i> Ketua sindiket pengedaran dadah dan VCD haram. Penampilan fizikal: Bertubuh tinggi, berkepala botak dan bertatu naga. Ciri-ciri ditampilkan apabila castello tanpa belas kasihan membunuh Jurugambar Azura (Roy).
Rafayel 	Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 30-an <i>Relation work:</i> Ketua sindiket pengedaran dadah dan VCD haram. <i>Relation identification:</i> Pesaing dan musuh Castello pada awal cerita. Pertengahan plot cerita menjadi sekutu. Penampilan fizikal: Bertubuh tinggi namun tidak <i>muscular</i> .

Aleeza	<p>Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 20-an</p> <p><i>Relation work:</i> Seorang pegawai polis wanita berpangkat inspektor.</p> <p><i>Relation identification:</i> Sahabat baik Inspektor Mazlan sebelum kedatangan Syafikah ke unit Gerak Khas. Dia cemburu dengan hubungan Mazlan dan Syafikah.</p> <p>Penampilan fizikal: Berketinggian sederhana, berpenampilan menarik.</p>
Syafikah	<p>Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 20-an.</p> <p><i>Relation identification:</i> Sahabat baik Syafikah</p> <p>Penampilan fizikal: Bertubuh tinggi lampai. Seorang yang cantik (berdasarkan pujian daripada Mazlan). Seorang yang lasak dan sukaan motorsikal berkuasa besar.</p>
Suzana	<p>Bangsa: Melayu Umur: 30-an</p> <p><i>Relation work:</i> Suzana merupakan pemilik kelab Malam. Suzana merupakan mastermind dalam kegiatan jenayah seperti pengedaran pil khayal dan pengedaran dadah.</p> <p>Penampilan Fizikal: Tinggi lampai dan cantik (berdasarkan pujian Mazlan). <i>Relation Identification:</i> Sekutu Castello dan Rafayel</p>
Azura	<p>Bangsa: Melayu Umur: 30-an</p> <p><i>Relation work:</i> Seorang wartawan dari Stesen TVKL.</p> <p><i>Relation identification:</i> Rakan sekerja Roy (jurugambar)</p> <p>Penampilan Fizikal: Seorang yang sangat agresif dalam mencari bahan berita. Ditampilkan sebagai wanita yang lewat berkahwin.</p>

Jadual 4.18: *Identification* Aktor Sosial GK2

Aktor sosial GK2	<i>Identification</i>
<p>Mazlan</p> 	<p>Bangsa: Melayu Umur: 30-an <i>Relation work:</i> Pegawai polis berpangkat Inspektor Penampilan fizikal: bertubuh tinggi namun tidak muskular. Masih lagi dikekalkan dengan perwatakan lucu dan suka berjenaka. <i>Relation identification:</i> Dalam filem ini dia cuba memikat hati Aleeza semula. Mempunyai konflik dengan Zamri. Cemburu dengan hubungan Zamri dan Aleeza.</p>
<p>Zamri</p> 	<p>Bangsa: Melayu Umur : 30-an <i>Relation work:</i> Merupakan pegawai polis baharu. Seorang pakar payung terjun. <i>Relation identification:</i> Merupakan pesaing kepada Mazlan. Dituduh sebagai tali barut kepada Raziman dan belot dengan Unit Gerak Khas. Penampilan fizikal: Dikatakan sebagai kacak (melalui perbualan Mazlan dan rakan setugasnya).</p>
<p>Raziman</p> 	<p>Bangsa: Melayu Umur : 40-an <i>Relation work:</i> Juga ketua sindiket pengedaran dadah dan VCD haram. <i>Relation identification:</i> Ketua kepada watak Karina. Penampilan fizikal: Bertubuh tinggi namun tidak <i>muscular</i>.</p>

Aleeza 	Bangsa: Melayu Umur: Lewat 20-an <i>Relation work:</i> Seorang pegawai polis wanita berpangkat inspektor. <i>Relation identification:</i> Mempunyai hubungan rapat dengan pegawai baharu Inspektor Zamri dan dicemburui oleh Inspektor Mazlan. Penampilan fizikal: Berketinggian sederhana, berpenampilan menarik
Julia 	Bangsa: Melayu Umur: Sekitar 20-an <i>Relation work:</i> Pegawai baharu di Unit Greak Khas. Sangat komited dengan tugasnya. Lebih mementingkan kerjaya berbanding hubungan peribadi. Hal ini dapat dilihat melalui babak perbalahan dia dan Syamil kerana dia selalu mengutamakan tugas. <i>Relation Identification:</i> Mempunyai tunang bernama Syamil. Penampilan Fizikal: Berpenampilan menarik dan tinggi lampai.
Karina 	Bangsa: Melayu Umur 30-an <i>Relation work:</i> Merupakan orang kanan kepada Raziman. Ditugaskan memerhatikan gerak-geri Azura. Ditugaskan mengancam Azura sekiranya dia masuk campur urusan mereka. Penampilan fizikal: Seorang yang agresif Tinggi lampai, berambut panjang dan berpenampilan menarik.
Azura	Bangsa: Melayu Umur 30-an <i>Relation work:</i> Seorang wartawan dari Stesen TVKL.

	<p><i>Relation identification:</i> Rakan setugas Wahid (jurugambar baharu). Penampilan fizikal: Seorang yang sangat agresif dalam mencari bahan berita. Dalam GK2 dia masih lagi suka membahayakan diri dalam mencari bahan berita.</p>
---	---

Jadual 4.19: *Identification* Aktor Sosial GK3

Aktor sosial GK3	Identification
Haris 	Bangsa: Melayu Umur : 30-an <i>Relation work:</i> Pegawai polis berpangkat Inspektor <i>Relation Identification:</i> Rakan sekerja Aleeza dan Farah. Tidak sehaluan dengan Farah. Penampilan fizikal: bertubuh tinggi namun tidak muskular.
Ramon 	Bangsa: Melayu Umur: Lewat 30-an <i>Relation work:</i> Ketua sindiket pengedaran dadah. <i>Relation Identification:</i> Berdendam dengan Aleeza kerana adiknya Frankie (GK2) terbunuh. Penampilan fizikal: Tinggi lampai
Aleeza 	Bangsa: Melayu Umur lewat 20-an <i>Relation work:</i> Seorang pegawai polis wanita berpangkat inspektor. Penampilan Fizikal: Berketinggian sederhana. <i>Relation Identification:</i> Dalam GK3 Aleeza lebih ditampilkan menjaga

	gerak geri adiknya Misha yang bersahabat baik dengan Julia (wanita yang diupah Ramon).
Farah	<p>Bangsa: Melayu Umur 20-an</p> <p>Relation work: Merupakan rakan setugas Haris dan Aleeza. Namun apabila menjalankan tugas tidak secekap Aleeza</p> <p>Penampilan fizikal: Mempunyai wajah pan Asia. Tinggi lampai.</p> <p><i>Relation identification:</i> Mempuyai kekasih yang merupakan konco Ramon.</p>
Julia	<p>Bangsa: Melayu Umur : 20-an</p> <p>Relation work: Orang upahan Ramon. Telah diupah oleh Ramon untuk memerangkap adik Aleeza iaitu Misha.</p> <p><i>Relation identification:</i> Menjadi perempuan simpanan Ramon. Merupakan kawan kepada adik Aleeza.</p> <p>Penampilan Fizikal: Cantik, tinggi lampai dan berperwatakan menggoda.</p>

Bagi filem yang bertemakan kepolisan ini, watak utama merupakan watak polis iaitu dalam GK1 menampilkan Inspektor Aleeza, Inspektor Mazlan dan Inspektor Syafikah sebagai watak utama. Watak mereka bertepatan dengan kriteria sebagai pegawai polis yang berpenampilan kemas dan bertubuh tinggi. Namun tidak perlu menonjolkan ciri-ciri kesasaan (*muscular*) bagi menampilkan sifat maskulin watak. Sementara watak sampingan yang turut dikaji ialah Azura dan juga Roy yang

mempunyai personaliti masing-masing. Bagi watak antagonis pula pengkaji menfokuskan pada Castello, Rafayel dan Suzana. Inspektor Syafikah, Aleeza dan Mazlan merupakan rakan setugas dan saling bekerjasama dalam setiap tugas. Begitu juga Roy dan Azura yang bertugas di Syarikat televisyen TVKL yang sentiasa memburu cerita-cerita sensasi untuk dipaparkan di stesen TVKL. Sementara itu, Castello dan Rafayel pada awalnya merupakan seteru namun menjadi sekutu dengan Suzana supaya empayar mereka lebih kuat.

Setiap watak juga ditonjolkan mempunyai identiti yang tersendiri contohnya Mazlan suka berjenaka, suka mengusik wanita di pejabatnya terutama pegawai baru Syafikah. Aleeza pula teman rapat Mazlan. Dia menaruh hati dengan Mazlan. Sementara Syafikah pula wanita berpenampilan lasak dan suka dengan motorsikal kuasa besar. Bagi watak antagonis pula watak Castello merupakan watak yang dicirikan sebagai gangster. Ketua kepada sindiket haram iaitu dadah, VCD lucah dan juga cetak rompak. Bagi antagonis wanita Suzana pula ditampilkan dengan ciri-ciri kewanitaan dari segi penampilan iaitu sentiasa memakai dress ketat dan berskirt pendek namun dari segi karakter bersifat maskulin. (lihat Analisis 4.2.2).

Dalam GK2 pula watak Aleeza dan Mazlan masih dikekalkan namun wujud watak baru iaitu Inspektor Julia dan Zamri. Inspektor Zamri agak berlainan dengan Inspektor Mazlan kerana dia lebih serius. Kelebihannya ialah dia merupakan Pakar Payung Terjun dan mendapat pingat serta pegawai yang berpengalaman. Personalitinya menarik hati Aleeza. Sementara Inspektor Julia pula Pegawai baru di Unit Gerak Khas. Dia tidak menjadi mangsa usikan Mazlan kerana dia sudah bertunang dengan seorang pemuzik, Syamil. Musuh baru kepada Unit Gerak Khas ialah Raziman seorang pengedar yang mempunyai pengaruh yang besar. Raziman

dibantu oleh Karina dan Frankie. Sementara wartawan Azura masih meneruskan aktiviti mendedahkan maklumat tentang pengedaran dadah. Namun dalam GK2 Azura ditemani oleh jurugambar baharu iaitu Wahid.

Dalam GK3 Aleeza ditemani oleh dua orang pegawai baharu iaitu Haris dan Farah. Kali ini mereka menentang Ramon. Tanpa Aleeza sedari Ramon menyimpan dendam kerana abangnya Frankie telah terbunuh. Ramon memperalat Julia untuk membawa Aleeza ke sarangnya. Setiap watak dicirikan dengan perwatakan yang tersendiri mewakili representasi maskulin dan juga feminin. Analisis berikut akan mengupas apakah aspek maskuliniti yang wujud dalam setiap watak. Aspek *role allocation* diaplikasi kerana bukan sahaja melihat watak itu aktif dan pasif dalam peranan masing-masing. Selain itu pengkaji melihat sama ada watak mempunyai aspek femininiti dan maskuliniti bergantung pada konteks tertentu.

4.2.3 Mengenalpasti representasi aktor sosial melalui *Functionalization*

Dalam GK1, GK2 dan GK3 setiap watak baik representasi maskuliniti dan femininiti ditonjolkan dengan peranan masing-masing. Menurut Van Leeuwen (2008); *Functionalization occurs when social actors are referred to in terms of what they do.*

- **Representasi maskuliniti** -pegawai polis, menjaga kemanan, membanteras penyeludupan dadah, pengedar dadah, konco-konco ketua penjenayah, Juru kamera, pemeras ugut, *mastermind*.
- **Representasi femininiti:** Pegawai polis, *Masterminds*, menjaga kemanan, membanteras penyeludupan dadah, pengedar dadah, konco-konco ketua penjenayah, wartawan, mencari bahan, menyampaikan maklumat, perempuan simpanan ketua penjenayah.

Dalam GK1, GK2 dan GK3 tiada perbezaan dengan fungsi dan tugas mereka kerana apa yang dilakukan oleh lelaki juga mampu dilakukan oleh wanita. Wanita bukan sahaja sebagai *sidekick*. Contohnya watak Suzana yang merupakan *mastermind* dalam kumpulan mereka. Fungsi representasi maskuliniti dan femininiti penting dalam keseluruhan trilogi filem ini. Berbanding dengan representasi femininiti dalam filem Gangster (Juliana) wanita menjadi mangsa. Menurut Van Leeuwen lagi (2008: 32) “*representation can allocate roles or rearrange the social relations between the participants*”. Dalam hal ini merujuk kepada perspektif gender yakni peranan polis lelaki dan wanita dalam cerita ini mempunyai peranan yang sama penting. Hal ini ditunjukkan oleh peranan inspektor Aleeza dan juga inspektor Shafikah yang mempunyai peranan penting dalam Skuad Gerak Khas bagi membanteras kegiatan jenayah.

Sebagai seorang pegawai polis yang memerlukan mereka bertindak cekap dan tegas bagi membanteras kegiatan jenayah tidak kira lelaki maupun perempuan. Seiring dengan motto yang menjadi pegangan pasukan tersebut iaitu ‘Tegas, adil dan berhemah’ yang bermaksud Tegas, membawa maksud polis hendaklah menjalankan tugas dengan lebih tegas dan efisyen dengan tidak semestinya menggunakan kekerasan, sebaliknya teguh dan komited dalam menjalankan tugas. Adil pula menuntut pelaksanaan tugas polis yang adil kepada semua pihak dan ia merupakan tonggak etika serta integriti dan kunci kepada semua niat, buah fikiran, perilaku serta tindakan. Berhemah pula membolehkan persepsi masyarakat dihargai dan diperakui sebagai tanda ukuran kecekapan serta keberkesanan anggota polis dalam membuat tindakan dan keputusan.

Peranan pegawai polis sama ada lelaki dan perempuan sama penting. Inspektor Aleeza, Syafikah dan Mazlan sama-sama ditugaskan untuk membanteras kegiatan jenayah yang diketuai oleh Castello, Rafayel dan juga Suzana. Begitu juga bagi watak antagonis wanita, Suzana yang juga mempunyai empati perniagaan dan pengaruhnya sendiri. Sementara itu, watak Aleeza, Syafikah mahupun Suzana juga ditampilkan sebagai wanita yang berdikari. Watak bagi satu-satu gender tidak dibayangi oleh watak-watak lain kerana masing-masing mempunyai peranan masing-masing. Dalam aspek ini kita melihat sama ada lelaki atau perempuan menampilkan ciri-ciri maskuliniti atau feminiti mengikut situasi.

4.2.4 Mengenalpasti Aktor sosial dan *Role Allocation*

Role allocation juga merupakan elemen penting dalam inventori Van Leeuwen (2008), iaitu menurut beliau;

Role allocation as a discursive structure has an important role in CDA representations can relocate roles or rearrange the social relations between the participant. Representations can relocate roles or rearrange the social relations between the participant.

(Ms 32-33)

Van Leeuwen (2008) membuat perbezaan antara aktor sosial yang diaktifkan dan dipasifkan. Menurut Van Leeuwen (2008:43) aktor sosial yang dipasifkan “*as undergoing the activity ..as being at the receiving end of it*”. Van Leeuwen telah membuat perbezaan antara peranan yang aktif dan pasif (*activation and passivation*) iaitu aktor sosial yang diaktifkan sebagai *social actors are represented as the active, dynamic forces in an activity*. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mengupas bagaimanakah representasi tersebut samaada ditampilkan secara positif ataupun negatif. Dalam trilogi ini menunjukkan representasi feminin yang berada dalam agen

aktif dalam satu situasi boleh menjadi agen pasif contohnya dalam GK1 dan GK3.

Dalam hal ini berlaku *role allocation* iaitu menurut Van Leeuwen (2008) aktor sosial yang sebelum itu diletakkan dalam mod aktif menjadi pasif dalam situasi lain.

Ekstrak 12: GK1

Perbualan antara Aleeza dan Syafikah

1 Hari ini **Tuan Helmi ARAHKAN kita** ekori saspek 24 jam /

2 **Hai (1) kita kan BERDUA** lagipun tak perlu risau/

3 belakang tu **Inspektor Mazlan ada ekori kita HERO MALAYSIA TU (!)**

Dalam situasi ini menunjukkan Aleeza dan Syafikah pada mulanya sebagai agen aktif menjadi agen pasif. Pada baris (1) mereka diarahkan oleh pihak atasan untuk mengekori saspek (1). Terdapat juga situasi yang mana mereka bimbang akan keselamatan mereka namun lega kerana Inspektor Mazlan mengekori mereka. (3).

Ekstrak 13: GK1

Aleeza menghubungi Mazlan

Aleeza: 03 dr 04 panggilan over/

Mazlan **kami dalam BAHAYA/**

lelaki bersenjata MEMBURU KAMI over/

Dalam situasi ini Aleeza dan Syafikah sebelum itu memburu saspek tetapi akhirnya bertukar sebagai agen pasif dan mereka diburu oleh lelaki bersenjata. Sehubungan itu mereka meminta bantuan daripada Mazlan.

4.2.5 Mengenalpasti representasi aktor sosial melalui *Impersonalisation*

Dalam analisis *impersonalisation* mendedahkan bahawa watak antagonis yang diwakili oleh representasi maskuliniti dan femininiti. Menurut Van Leeuwen (2008:47);

Impersonalization can be realized through abstraction or objectivation. The former occurs when social actors are represented by means of a quality assigned to them. The latter occurs when social actors are represented by means of reference to a place or thing closely associated either with their person or with the activity they are represented as being engaged in.

Terdapat aktiviti yang dilakukan oleh mereka namun tidak disebut secara langsung pelakunya contohnya:

Jadual 4.20: Analisis *impersonalization*

<i>Impersonalization</i>	Merujuk penjenayah berdasarkan aktiviti mereka	GK 1: Kegiatan Haram – Bagi merujuk Castello dan Rafayel (GK1) , Raziman (GK2 dan Ramon (GK3). Gerai-gerai di lorong-lorong- merujuk aktiviti penjualan VCD porno dan cetak rompak(GK1) oleh Castello dan Rafayel
		GK3: Jenayah kes rogol dan bunuh Aleeza: Sekarang ni kita banyak berdepan dengan kes rogol dan bunuh.

		<p>Mangsa yang dirujuk adalah wanita dihilangkan . (<i>excluded</i>).</p> <p>Kes pembunuhan Suzana Osman.</p> <p>Dalam konteks ini menghilangkan (<i>excluded</i>) pelakunya iaitu Ramon.</p>
--	--	---

4.3 Representasi maskuliniti pada wanita

Apabila mengkategorikan aktor sosial mengikut kategori jantina. Secara stereotaipnya akan terdapat dua pembahagian iaitu lelaki dan wanita. Apabila membezakan aspek melalui jantina ianya sangat mudah dikenalpasti. Bagi *categorization/ identification*, menerangkan bagaimana aktor sosial ditampilkan dalam filem ini. Setiap watak mempunyai watak yang dikenali dengan identiti masing-masing (*attribution trait*). Dalam trilogi GK setiap watak mempunyai. Apabila identifikasi melibatkan lelaki dan perempuan.

Wanita yang menunjukkan kekuasaannya biasanya mempunyai status seperti dalam trilogi Gerak Khas ini ialah Suzana. Dia merupakan seorang pengurus Kelab Malam, *Mastermind* bagi beberapa kegaiatan haram (penyeludupan, pengedaran pil khayal dan dadah). Terdapat beberapa situasi yang menunjukkan Suzana menunjukkan kuasanya. Di sini pengkaji memperturunkan beberapa contoh yang menunjukkan Suzana banyak menggunakan bahasa yang banyak digunakan oleh lelaki dalam menunjukkan kuasanya dalam kalangan lelaki.

Jadual 4.21: Analisis Verbal 1

Watak	Strategi Bahasa	Situasi
Suzana	1 Suzana: Well u boleh cek kelab I puas-puas termasuk <i>private room</i> I sekali 2 NOTHING TO HIDE. Jika I terlibat sila tunjukkan mana buktinya? 3 Setakat maklumat tak boleh jadi bukti di mahkamah jika tak puas hati dengan I 4 jumpa dengan lawyer.	Sewaktu di soal siasat oleh polis

Analisis Visual 1:



Babak A

Babak B

Pengkaji merujuk kepada ekstrak di atas. Dalam babak di atas menunjukkan Suzana tidak gentar (Babak B) dengan soal siasat pihak polis di kelabnya. (1) **Sila tunjukkan mana buktinya?** Selain itu Suzana juga menunjukkan dia sangat berkuasa (*feel superior*) walaupun dia pesalah namun dengan adanya wang dia mampu membeli undang-undang agar dia bebas dari kesalahannya. (3) Tidak gentar dengan lawannya Castello (9:15).

Jadual 4.22: Analisis verbal 2

Watak	Strategi Bahasa	Situasi
Suzana	1 Suzana : Kau selama ini jadi hantu polis 2 [melempang muka salleh] 3 Salleh : Bila masa pulak aku jadi hantu ? 4 Suzana : Ei kau jangan loyar buruk ! 5 [cengkam muka salleh] 6 Kau ingat aku tak tau kau datang kelab aku menyamar jadi PONDAN ! 7 [Tendang alat sulit Salleh] 8 [Bagi Isyarat dengan ekor mata untuk konco-konco memukul Salleh]	Mengugut Salleh

Analisis visual 2:



Watak antagonis Suzana juga menunjukkan kekuasaannya dan keganasan yang mana dalam satu babak Suzana membela Salleh informer yang juga sahabat Mazlan kerana dia banyak mendedahkan maklumat tentang sindiket meraka. Suzana melakukan ancaman kepada Salleh termasuk memukulnya kerana tidak mahu memberikan kerjasama. (4) Merupakan amaran kepada Salleh supaya tidak bermain-main dengannya. Manakala perlakuan Suzana kepada Salleh pada baris (2), (4), (7) dan (8) menunjukkan dia mengugut Salleh supaya jangan berani mencabarnya. **Visual 2** menujukkan dia menggunakan kekerasan untuk mengugut Salleh yang

mana sifat kekerasan ini tidak sepatutnya dimiliki oleh wanita. Ini dapat dilihat berdasarkan aksi Suzana dalam visual 2.

Jadual 4.23: Analisis Verbal 3

Watak	Strategi Bahasa	Situasi
Suzana	<p>1 Suzana: <i>Stop it! I said stop it..!</i></p> <p>2 [Suzana meleraikan pergaduhan rafayel dan Castello]</p> <p>3 Kenapa bergaduh ini hah..Kenapa harus bergaduh sesama sendiri? [Suzana mengarah Castello dan Rafayel]</p> <p>4 Castello: Dia yang cari masalah</p> <p>5 Suzana: Pasal berebut kawasan? Eh! kenapa bodoh sangat ni ha...</p> <p>6 Kita ada masalah lagi besar .Setiap hari bisnes kita diganggu</p> <p>7 Kita sepatutnya bersatu bukan bergaduh sesama sendiri.</p>	Sewaktu meleraikan pergaduhan antara Castello dan Rafayel



Babak A

Babak B

Babak A menunjukkan Suzana berteriak untuk menghentikan pergaduhan Castello dan Rafayel. Ujaran pada baris (1) dan (2) menunjukkan Suzana mengawal kedua-dua lelaki itu dan mereka patuh dengan arahan Suzana. Di sini terserlah

kewibawaan sebagai ketua kerana kedua-dua lelaki tersebut mengikuti arahan dan berhenti daripada terus bergaduh (Babak B). Ayat (3) menunjukkan Suzana mengarah Castello dan Rafayel supaya menghentikan pergaduhan, tambahan pula mereka merupakan sekutu.

4.4 Representasi femininiti dalam lelaki

Apa yang dimaksudkan dengan sifat-sifat feminin ialah lemah lembut, tidak berdaya dan sering menjadi mangsa keadaan (England et. al: 2011). Perempuan sering disifatkan sebagai penakut (England et. al (2011). Namun dalam kajian ini sifat begini juga terdapat dalam diri lelaki. Contohnya watak Roy dalam GK1. Berlawanan dengan wanita maskulin, lelaki feminin bermaksud sebaliknya iaitu lelaki yang berpenampilan dan bersikap seperti wanita. Dalam analisis di bahagian 4.1.2 Roy tidak mempunyai kriteria maskulin. Malah dia mempunyai ciri-ciri feminin. Antara beberapa babak yang menonjolkan Roy dengan ciri-ciri femininnya. Pengkaji dapat mengenalpasti bahawa dalam GK1 Roy merupakan jurugambar kepada Azura. Berbeza dengan watak Azura yang sangat yakin dengan tindak tanduknya walaupun membahayakan nyawa dia dan rakannya Roy.

Jadual 4.24: Analisis Verbal 4

Watak	Strategi Bahasa	Situasi
Roy	1 Roy : ZURA sudah la tu jangan 2 buat kerja macam ni..bahaya 3 tau..Kau nanti dah kena cekup dengan penjenayah tu baru tau (.) 4 Azura ; Eh ! KAU ni sama je 2x5 dengan polis perempuan tu tau tak ? PENAKUT !	Sewaktu ingin menjalankan tugas menyiasat kegiatan Castello.

Visual 4



Babak ini menunjukkan riak wajah Roy (visual 4) yang takut kerana dia tidak mahu mengikut aktiviti Azura yang berbahaya. Dia ditempelak sebagai penakut oleh Azura dan sifat tersebut dikatakan sinonim dengan sifat wanita (4). Lelaki perlu bersifat tegas, Bem (1981).

Jadual 4.25: Analisis Verbal 5

Watak	Strategi bahasa	Situasi
Roy	1 Azura : Kau jangan buat aku panik/ 2 Roy : Zura aku takut [....] Zura ! seluar aku basah!	Sewaktu melarikan diri dari Castello

Selain itu Roy yang juga selaku jurugambar juga seorang yang berpewatakan lemah lembut. Sewaktu melarikan diri daripada Castello, Roy telah terkencing dalam seluar.



Babak A

Babak B

Babak A dan B berlaku sewaktu Azura dan Roy melarikan diri dari Castello. Pada babak ini menunjukkan reaksi ketakutan Roy kerana mereka dikejar oleh Castello. Reaksinya yang berlebihan menjadikan Azura yang berani sebelum ini turut menjadi panik (Babak B).

4.5 Analisis Transitiviti

Analisis transitiviti dilakukan untuk melihat sama ada representasi mencabar atau mengikuti stereotaip dalam filem trilogi Gerak Khas. Pengkaji menjadikan Halliday sebagai panduan (seperti dalam Rajah 4.2). Berdasarkan analisis adjektif dan kata kerja dalam bahagian 4.1.5 pengkaji mendapati bahawa terdapat representasi wanita dan lelaki yang mencabar serta mengikut stereotaip. Hal ini dapat dijelaskan dalam analisis berikut.



Rajah 4.2: Analisis transitiviti adaptasi daripada Halliday

Jadual 4.26: Jenis proses dalam analisis transitiviti

JENIS PROSES	PARTICIPANT YANG TERLIBAT
Material	Aktor/Matlamat
Mental	Senser/Fenomena
Relasional	<i>Carrier/Atribut</i> <i>Identifier/Identified</i>
<i>Verbal</i>	<i>Sayer/Receiver</i>
<i>Behavioural</i>	
<i>Existensial</i>	

Rajah 4.2 menunjukkan analisis transitiviti melalui pendekatan Halliday.

Manakala Jadual 4.26 pula adalah jenis proses dalam analisis transitiviti yang akan digunakan dalam analisis berikut.

4.5.1 Representasi maskuliniti mengikut stereotaip

4.5.1.1 Lelaki berkuasa

Dalam filem aksi kepolisan trilogi Gerak Khas banyak dipaparkan watak lelaki mendominasi layar perak walaupun watak wanita diberikan watak-watak yang penting. Namun lelaki masih lagi menjadi gender yang hegemoni dalam hal-hal tertentu. Di sifatnya terselitnya ideologi patriarki iaitu lelaki lebih berkuasa daripada wanita. Wanita juga tidak dapat menjadi sekuat lelaki walaupun dicirikan mempunyai karakter kelelakian.

Hegemoni maskuliniti seperti yang didefinisikan oleh Connell (1987:83) ialah “*the culturally idealized form of the masculine character*”. Manakala “*The willingness, by men, to resort to violence in order to resolve conflicts, as well as the projection of dominance and toughness, are fundamental characteristics associated with the masculine identity*” (Messerschmidt, 1993).

Pengkaji mengambil contoh dalam GK2 walaupun Karina dicirikan mempunyai karakter kelelakian namun dia masih mengikut segala arahan Raziman, berbanding dengan watak Suzana dalam (GK1).

Jadual 4.27: Analisis transitiviti 1

Jenis proses	Contoh
Material	Raziman mengetuai sindiket pengedaran dadah terbesar.
Verbal	Raziman menempelak orang bawahannya yang tidak mengikut arahan.

Analisis transitiviti 1 (Jadual 4.27) merujuk kepada ekstrak 1 yang menunjukkan bagaimana dia menunjukkan kekuasaannya. Contoh ditunjukkan dalam perbualan dalam babak 5:50-6:12.

Ekstrak 1

GK2: 5:50-6:12

- 1 Raziman: **Kau tau kenapa** aku mahu kau ikut aku ke Penang Frankie? \
- 2 Aku tak pernah gagal dengan setiap kerja yang aku buat selama ini.
- 3 Semuanya aku gunakan akal dalam mengatur strategi. Apa alasan kau?
- 4 Frankie: **Maafkan aku Raziman.** Kami sentiasa berjaga-jaga dalam setiap urusan tapi perkara ini berlaku di luar jangkaan. Tiba-tiba je polis muncul.
- 5 Raziman: **BULLSHIT! Frankie.** Macamana tiba-tiba polis boleh muncul itu bukan jawapannya. **Aku nak tau puncanya.**

Dalam analisis **proses material** ini menunjukkan Raziman bertindak sebagai **Aktor** iaitu pelaku dan **Matlamatnya** adalah supaya kegiatan mereka tidak dapat dijejaki polis dan. **Penerimanya** adalah Frankie yang bertindak selaku orang suruhannya. Dalam ekstrak diatas tiada mental proses yang terlibat. Manakala proses verbal pula melibatkan **Sayer, Adresse dan Verbiage**. **Sayer** ialah Raziman yang merupakan penjenayah terbesar seperti yang dipaparkan dalam GK2. **Adresse** adalah koncnya iaitu Frankie. Dalam konteks ayat di atas Raziman tidak mahu menerima sebarang alasan daripada orang bawahannya. Kata makian **BULLSHIT** yang digunakan menunjukkan autoritinya (5). Selain dari itu Raziman juga menggunakan bahasa makian (*swearing*) bagi menunjukkan kekuasaan terhadap orang bawahannya. Sebagai ketua dia tidak mahu menerima alasan yang tidak munasabah. Begitu juga dengan watak Ramon dalam GK3.

Jadual 4.28: Analisis transitiviti 2

Jenis proses	Contoh
Material	Ramon mengetuai kegiatan jenayah.
Verbal	Ramon menempelak orang bawahannya yang cuai.

Analisis transitiviti 1 (Jadual 4.28) merujuk kepada ekstrak 2 yang menunjukkan bagaimana Ramon menunjukkan kekuasaannya terhadap orang bawahannya. Contoh ditunjukkan dalam perbualan dalam babak 45:32-45:45.

Ekstrak 2

GK3: 45:32-45:45

- 1 Ramon: **Macamana** perkara ini boleh jadi?
- 2 Konco 1: Maafkan kami **Tuan** kami tak tau tiba-tiba polis boleh
- 3 muncul
- 4 Ini menunjukkan **kau CUAI!**
- 5 **PATUTNYA** kau selamatkan Mr Kaunda!

Dalam analisis **proses material** ini menunjukkan Ramon bertindak sebagai **Aktor** iaitu pelaku dan **Matlamatnya** adalah supaya kegiatan mereka tidak dapat dijejaki polis dan. **Penerimanya** adalah konconya yang bertindak selaku orang suruhannya. Dalam ekstrak 2 juga tiada mental proses yang terlibat. Manakala proses verbal pula melibatkan **Sayer, Adresse dan Verbiage**. **Sayer** ialah Ramon yang merupakan penjenayah terbesar seperti yang dipaparkan dalam GK3. Dalam

konteks ayat di atas menunjukkan Ramon (GK3) mempertikaikan bagaimana orang bawahannya boleh cuai sehingga pelanggannya boleh ditangkap. **Macamana** (1) dan **Patutnya** menunjukkan autoritinya (5) untuk mendapatkan jawapan punca dan tindakan yang sepatutnya dilakukan kecuaian orang bawahannya.

Jadual 4.29: Analisis transitiviti 3

Jenis proses	Contoh
Material	Haris mengetuai gerakan dalam serbuan ke markas Ramon.
Verbal	Haris memarahi Farah kerana ingkar dengan arahannya.

Analisis transitiviti 3 dalam Jadual 4.29 merujuk kepada Ekstrak 3 babak 59:00-59:18. Dalam bidang tugas sebagai pegawai polis pula Haris menunjukkan sifat dominannya berbanding Inspektor Farah walaupun mereka berkongsi jawatan yang sama iaitu Inspektor. Namun dalam sebuah operasi, Haris memarahi Farah kerana tidak mengikut arahan.

Ekstrak 3

GK3: 59:00-59:18

- 1 Haris: Farah **kenapa kau tinggalkan point (?) Aku dah kata** jangan tinggalkan point (!). [dengan nada marah]
 - 2 Farah: Aku tak sangka dia orang boleh lompat dari parking itu tau/ TINGGI.
 - 3 Haris: **Itu cuma alasan (!)** Walaupun tinggi dia orang boleh buat apa saja.

Analisis proses material menunjukkan Aktor ialah Haris yang merupakan Ketua dalam gerakan memberkas Ramon. **Penerima** adalah Farah yang diarahkan

untuk **Matlamat** ialah menjaga *point* supaya penjenayah tidak terlepas. Dalam Ekstrak 3 (1) menunjukkan wanita hanya menerima arahan daripada lelaki. Farah gagal menjalankan amanah yang diberi. Analisis proses verbal menunjukkan Haris (*Sayer*) marah dengan tindakan Farah (*Adresse*). Haris tidak menerima alasan yang diberi oleh Farah.

4.5.1.2 Lelaki sebagai penyelamat

Begitu juga dalam GK1 memaparkan Inspektor Aleeza dan Syafikah mampu menjalankan tugas mengekori penjenayah yang dikehendaki (Suzana) namun di pertengahan jalan mereka diserang oleh konco-konco Suzana. Aleeza masih mendapatkan bantuan Mazlan. Hal ini menunjukkan dalam sifat wanita yang *Indipendent* masih memerlukan lelaki sebagai penyelamat.

Jadual 4.30: Analisis transitiviti 4

Jenis proses	Contoh
Material	Inspektor Mazlan sebagai penyelamat
Verbal	Inspektor Mazlan menyelamatkan Aleeza dan Syafikah.

Analisis transitiviti 4 dalam Jadual 4.30 merujuk kepada Ekstrak 4 babak 54:50-55:14 menunjukkan yang Aleeza dan Syafikah memerlukan bantuan Mazlan.

Ekstrak 4

GK1: 54:50-55:14

- 1 Aleeza: 03 dr 04 panggilan *over* (!)
- 2 Mazlan kami DALAM BAHAYA (!)
- 3 lelaki bersenjata memburu kami *over*
- 4 04 dr 03 mana lokasi sekarang *over* (!)
- 5 Bt 17 Ulu yam *OVER*
- 6 Mazlan: 04 dari 03 saya akan bergerak sekarang *ROGER AND OUT /*

Proses material menunjukkan Mazlan sebagai **penyelamat** kepada Aleeza dan Syafikah sewaktu mereka dalam kecemasan. **Aktor** adalah Inspektor Mazlan, **Penerima** Syafikah dan Aleeza dan **Matlamat** adalah Menyelamatkan mereka daripada konco-konco Suzana. **Proses verbal** yang terlibat ialah **Sayer** Mazlan. **Adresse** Syafikah dan Aleeza dan **Verbiage** ialah Mazlan ketempat kejadian.

4.5.1.3 Wanita sebagai pengikut dan dipergunakan

Dalam filem GK2 dan GK3 ditampilkan watak Karina dan Julia yang hanya dijadikan alat untuk mencapai sesuatu tujuan. Contohnya Karina menjadi orang suruhan Raziman untuk mengikuti jejak langkah Azura dan menghalang sesiapa yang cuba mengganggu perniagaan mereka. Manakala Julia pula dijadikan alat supaya Julia boleh memerangkap Aleeza dengan berbaik-baik dengan adik Aleeza iaitu Misha.

Jadual 4.31: Analisis transitiviti 5

Jenis proses	Contoh
Material	Ramon mengupah Julia ntuk memerangkap adik Aleeza.
Verbal	Julia memerangkap Adik Aleeza ke Kuala Lumpur.

Analisis transitiviti 5 dalam Jadual 4.31 merujuk kepada Ekstrak 5 babak ke 1:28:53-1:29:15 menunjukkan yang Ramon menggunakan wang supaya Julia mengikut apa sahaja kehendak dan suruhannya.

Ekstrak 5

GK3: 1:28:53-1:29:15

- 1 Julia: Sampai bila kita nak macam ni (?)
 - 2 Ramon: Kau JANGAN PERSOALKAN itu semua (!)
 - 3 Aku dah BAGI SEGALANYA pada kau (!)
 - 4 Julia: Aku tau BUKAN AKU SORANG JE/
 - 5 ramai **GUNDIK-GUNDIK** kau kat luar /
 - 6 Ramon: Aku **ADA WANG** aku boleh buat apa yang aku suka (!)

Analisis **proses material** dalam ekstrak di atas menunjukkan wanita menjadi penerima dalam mencapai sesuatu matlamat. Ramon mengupah Julia dan menjadikan Julia perempuan simpanan (lihat baris 3 dan 4). Bagi **proses verbal** pula Ramon selaku **Sayer, Adresse** adalah Julia dan **Verbiage** ialah pada baris (3) menyatakan yang dia telah memberi segalanya kepada Julia. Pada baris (6) Ramon menyatakan yang dia mempunyai wang (berkuasa) dan boleh melakukan apa sahaja yang diingininya termasuk ramai perempuan (baris 5). **Aku dah bagi kau segalanya**

menjelaskan bahawa Ramon membayar Julia supaya dia boleh mempergunakan Julia untuk kepentingannya. Selain itu Ramon tidak pernah serius dengan hubungannya dengan Julia kerana dia mempunyai ramai perempuan simpanan (5) selain Julia.

4.5.2 Representasi wanita mencabar stereotaip

Dalam GK1, GK2 dan GK3 juga ditampilkan watak wanita yang mencabar stereotaip. Hal ini dapat dilihat melalui aspek yang dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

4.5.2.1 Wanita berkuasa

Stereotaip wanita selalu dikatakan sebagai lemah dan menjadi suruhan lelaki yang sifatnya lebih dominan. Namun, dalam GK1 Suzana mencabar stereotaip wanita kerana walaupun Castello seorang yang kelihatan dominan, perwatakannya dicirikan sebagai *violence* namun dalam dunia jenayahnya dia tidak dapat menandingi Suzana kerana dia lebih bijak. Hal ini diakui oleh Castello sendiri. Dia juga sangat berpengaruh kerana menjadi *mastermind* dalam kumpulan mereka.

Jadual 4.32: Analisis transitiviti 6

Jenis proses	Contoh
Material	Suzana menjadi mastermind kegiatan jenayah
Verbal	Suzana menempelak Castello dan Rafayel dan tidak setuju dengan cadangan mereka.

Analisis transitiviti 6 dalam Jadual 4.32 merujuk kepada Ekstrak 6 babak ke 1:13:20-1:13:50. Dalam analisis di atas menunjukkan bagaimana Suzana menunjukkan kekuasaannya. Jika stereotaip lelaki adalah ketua, dalam kes ini Suzana menunjukkan representasi femininiti yang mencabar stereotaip kerana dia merupakan *mastermind* dan ketua kepada kegiatan jenayah.

Ekstrak 6

GK1: 1:13:20-1:13:50

- 1 Suzana: Sebab itu kita perlu aturkan pemasaran yang lebih *advance* (!)
- 2 Castello: Jangan risau Suzana !
- 3 Suzana: **Kau kena** bertindak lebih berkesan lagi..!
- 4 Castello: Kau kena hentikan semua aktiviti di kelab
- 5 Rafayel: Betul kata Castello. Lebih baik kau tutup saja kelab tu!
- 6 Suzana: **Sapa korang** yang nak ajar aku sekarang ni(?)
- 7 Selama ni hidup korang bergantung pada strategi yang aku buat
- 8 Castello : Suzana aku tak nafikan kau perempuan brilliant tapi jangan ego/

Proses material menunjukkan Suzana merupakan **Aktor** dan **Penerima** adalah Castello dan Rafayel. Manakala **Matlamat** adalah menguasai kegiatan jenayah. Castello dan Rafayel menuruti rancangan Suzana. Hal ini dapat dilihat pada baris 1 dan 2. Bagi **proses verbal** pula menunjukkan Suzana sebagai **Sayer, Adresse** adalah Castello dan Rafayel. Manakala **Verbiage** adalah pada baris 6 dan 7 yang mana Dalam Ekstrak di atas mempamerkan Suzana menunjukkan kekuasaannya mengatasi Castello dan Rafayel. **Kau kena** merupakan satu arahan (3). Namun Suzana tidak suka dirinya diberi arahan. **Sapa korang** yang nak ajar aku? (6) kerana dia merasakan yang dia lebih bijak dan dapat menguasai kedua-dua lelaki tersebut.

4.5.2.2 Bukan wanita domestik

Wanita dalam GK1, GK2 dan GK3 tidak digambarkan sebagai wanita domestik yang hanya duduk di rumah menguruskan rumahtangga. Kebanyakan watak wanita yang dikaji dalam trilogi ini mempunyai kerjaya sendiri. Contohnya pegawai polis, wartawan dan mempunyai perniagaan sendiri. Bukan itu sahaja wanita-wanita ini juga mempunyai cita-cita dalam kerjaya masing-masing. Pengkaji mengambil contoh watak Azura yang bertugas sebagai wartawan dan seorang yang sangat bercita-cita tinggi dalam kerjayanya sehingga sanggup mengambil risiko. Wahid juga sering menasihatinya supaya mencari pekerjaannya yang lebih sesuai dengan wanita seperti memasak dan soal-soal kecantikan.

Jadual 4.33: Analisis transitiviti 7

Jenis proses	Contoh
Proses Mental	Azura menyatakan dia wanita yang lasak
<i>Verbal</i>	Azura berdegil untuk meneruskan tugasannya yang mencabar

Analisis transitiviti 7 dalam Jadual 4.33 merujuk kepada Ekstrak 7 babak ke menunjukkan perbualan Wahid dan Azura. Wahid berpendapat wanita lebih sesuai membuat berita tentang hal wanita kerana baginya itu sememangnya tugas wanita. Contoh ujaran dalam baris (5) hingga (6). Namun pendapat itu dibidas oleh Azura (7).

Ekstrak 7

GK2: 18:35-18:55

- 1 Wahid : Zura... aku tak fahamlah, kenapa kau suka buat artikel pasal jenayah ?
- 2 Kenapa tak buat artikel pasal ibu tunggal ke/ pasal miss Universe ke/ Pasal pakai
- 3 baju mandi tak pakai baju mandi ke/ kan lebih elok lebih selamat (?)
- 4 Azura: Kenapa (?) Kau takut (?)
- 5 Wahid: Eh (!) ni bukan pasal takut tak takut tau ni pasal KESELAMATAN
Kau tu PEREMPUAN, kan bagus kau buat cerita pasal masak ke? Kecantikan wanita ke/
- 6 Kan lebih sesuai BARULAH PEREMPUAN.
- 7 Azura: Aku ni perempuan yang LASAK tau tak? Apa lelaki boleh buat aku boleh buat.

Analisis proses material menunjukkan Azura menyatakan dia **lasak**. Merujuk kepada hal yang diujarkan oleh Wahid menunjukkan wanita lebih sesuai dengan kerja-kerja domestik dan juga kecantikan. Baginya kehidupan wanita seharusnya sekitar hal tersebut sahaja. Menurut proses material menunjukkan Azura menyatakan bahawa dia wanita lasak bukan wanita domestik seperti yang dikatakan oleh Wahid. Proses verbal juga menunjukkan Azura masih meneruskan aktiviti yang berisiko dalam mencari berita yang sensasi. Dia tidak pernah takut dengan cabaran kerana pernah diugut supaya menghentikan aktivitinya. **Sayer** merujuk kepada Azura, **Adresse** adalah Wahid dan **Verbiage** adalah Azura bertegas untuk meneruskan kegiatannya (baris 7).

4.5.2.3 Wanita agressif

Dalam GK1, GK2 dan GK3 menampilkan watak-watak wanita yang agressif. Sehubungan itu dalam GK1 dan GK2 Azura yang bertugas sebagai wartawan bersikap sangat agressif dalam menjalankan tugasnya. Bukan itu sahaja sikapnya sering menganggu bisnes penyeludup dan juga pengedar terbesar, Castello (GK1) dan Raziman (GK2). Sifatnya itu juga membimbangkan rakan setugasnya Roy kerana terlalu berani sehingga mengorbankan nyawa sahabatnya Roy. Begitu juga dalam GK2 setelah kematian Roy, Wahid ditugaskan menjadi Azura juga ditampilkan bersikap lebih agressif daripada kedua-dua jurugambarnya. Wahid juga sering menasihatinya supaya mencari pekerjaannya yang lebih sesuai dengan wanita seperti memasak dan soal-soal kecantikan. Merujuk kepada apa yang diujarkan oleh Wahid menunjukkan wanita lebih sesuai dengan kerja-kerja domestik dan juga kecantikan dan kehidupan wanita seharusnya sekitar hal tersebut. Ideologi yang ingin disampaikan ialah sifat terlalu berani wanita lebih banyak mengundang kepada keburukan diri. Selain itu pula bagi watak polis wanita Aleeza dan Syafikah (GK1), Julia (GK2) juga harus bersifat agressif dalam setiap tugasannya yang diberi kerana mereka berhadapan dengan musuh yang berbahaya serta banyak menjalankan operasi. Bagi watak antagonis pula Suzana dan Karina sememangnya memiliki sifat agressif supaya setanding dengan gangster lelaki yang lain.

Jadual 4.34: Analisis transitiviti 8

Jenis proses	Contoh
Proses Material	Karina mengasari Azura
<i>Verbal</i>	Karina mengancam Azura

Analisis transitiviti 8 dalam Jadual 4.34 merujuk kepada Ekstrak 8 babak ke 29:00-29:20 menunjukkan bagaimana wanita menjadi agressif bagi menakutkan pihak lawan. Hal ini ditunjukkan oleh Karina yang cuba mengancam Azura.

Ekstrak 8

GK2: 29:00-29:20

- 1 [Karina lempang Azura]
- 2 Karina : Azura kalaupun awak nak cari nama, banyak cara lain kau boleh lakukan
- 3 jangan sia-siakan kecantikan kau tu..
- 4 Azura : Awak ni siapa ? Awak tak ada hak halang saya.
- 5 Karina: Saya? Tu tak penting..Cuma saya nak ingatkan awak. Jangan terlalu berani. Sebab **kecantikan boleh dimusnahkan sekelip mata.**
- 6 Azura: Hoi (!) Negara ni ada undang-undang tau tak (?)
- 7 Aku TAK TAKUT dengan ugutan kau.
- 8 [Karina lempang Azura lagi]

Proses Material, di atas menunjukkan sifat agressif Karina iaitu Karina selaku Aktor, **Recipient** adalah Azura dan **Matlamat** adalah bagi menghentikan aktivitinya daripada membongkar kegiatan jenayah Raziman. Dalam hal ini Karina menggunakan non verbal iaitu melempang Azura yang menandakan ancaman dan amaran. Bagi **Proses Verbal**, **Sayer** adalah Karina, **Adresse** adalah Azura. **Verbiage** ditunjukkan pada baris (2 dan 5) yang merupakan acaman ke atas Azura untuk menghentikan kegiatan Azura yang cuba membongkar sindiket mereka. Iisan malah secara tindakan fizikal juga. Sementara itu Azura juga menunjukkan sifat agressifnya dalam mendapatkan maklumat tentang isu terkini untuk dimuatkan dalam berita TVKL.

Jadual 4.35 : Analisis transitiviti 9

<i>Jenis proses</i>	<i>Contoh</i>
Proses Material	Azura menyerbu masuk ke Unit Gerakan Khas.
<i>verbal</i>	Azura menuduh pihak polis tidak menjalankan tugas

Analisis transitiviti 9 dalam Jadual 4.35 merujuk kepada Ekstrak 9 babak ke 7:10-7:48 yang menunjukkan Azura seorang wartawan yang agressif. Hal ini ditunjukkan melalui sifatnya yang sanggup melakukan apa sahaja walaupun berbahaya bagi mendapatkan bahan berita.

Ekstrak 9

GK1: 7:10-7:48

- 1 Azura : Tuan saya ada satu soalan/ **kenapa** pihak berkuasa dan **pihak polis biar**
- 2 **saja** perkara ni ? Gejala VCD haram dan cetak rompak ni makin menjadi-jadi.
- 3 **Pihak polis tak buat kerja ke ?**
- 4 ASP: Azura untuk pengetahuan awak/ Malam tadi pihak polis dan pihak
- 5 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna telah
- 6 menjalankan Operasi bersepadu
- 7 Azura : Ya ke **kenapa tak bagitahu** ? boleh kami buat liputan.

Proses material menunjukkan tindakan Azura sangat agressif kerana berani menyelar pihak polis yang dikatakan tidak menjalankan tugas (baris 1-3). **Proses verbal** menunjukkan dia sanggup menyerbu ke Unit Gerakan Khas bagi mendapatkan maklumat terkini. **Sayer** ialah Azura (1-3) dan **Adresse** ialah Pihak polis (4). **Verbiage** ialah keberanian Azura mempersoalkan pihak polis.

Bukan itu sahaja dari segi hobi dan minat juga wanita ditampilkan meminati dunia permotoran sama seperti lelaki hal ini ditonjolkan oleh Syafikah. Berdasarkan penampilan Syafikah menunjukkan Syafikah seorang yang lasak. Sifat agressif dan lasak selalu dikaitkan dengan lelaki. Inspektor Syafikah merupakan representasi wanita yang beperwatakan lasak. Hal ini ditunjukkan melalui penampilannya yang lincah dan juga menunggang motorsikal besar. Pada permulaan cerita penulis telah menonjolkan watak wanita iaitu Inspektor Syafiqah yang agak lasak dan hal ini berbeza dengan perwatakan wanita yang stereotaip iaitu wanita seharusnya bersifat lemah lembut, Normah Mustafa (1999). Bermotor kuasa besar secara stereotaipnya adalah imej bagi seorang lelaki. Bersesuaian dengan imej *the big wheel* iaitu sikap maskuliniti lelaki yang tahan lasak dan hebat, menurut Jariah Mohd Jan (2002) dan Aliyah (2007). Pada babak dalam imej 4 menunjukkan dia menunggang motorsikal sementara Mazlan membongcengnya.

Jadual 4.36: Analisis transitiviti 10

Jenis proses	Contoh
Proses Mental	Syafikah sukakan motor berkuasa besar

Analisis transitiviti 10 dalam Jadual 4.36 pada babak ke 11:15-11:31 merujuk kepada imej 1-4.



Imej 1



Imej 2



Imej 3



Imej 4

Berdasarkan analisis semiotik keempat-empat imej di atas memaparkan Inspektor Aleeza yang bersifat lasak. Motorsikal kuasa besar yang digunakan melambangkan ciri-ciri lasak. Begitu juga jaket kulit yang dipakai melambangkan imej lasaknya. **Proses mental** menunjukkan Syafikah suka motorsikal besar. **Aktor** Syafikah dan **Matlamat** adalah aktiviti lasak. Motorsikal besar merupakan lambang kepada aktiviti lasak.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Dalam Bab 4 pengkaji telah membentangkan hasil dapatan dan analisis terhadap representasi gender menggunakan pendekatan Theo Van Leeuwen. Selain itu menganalisis maskuliniti dan femininiti menggunakan pendekatan Bem (1974) serta Analisis Transitiviti menggunakan model Halliday bagi melihat aspek stereotaip gender. Dalam Bab ini pengkaji membincangkan dapatan kajian secara keseluruhan.

5.1 Perbincangan Dapatan

Perbincangan terhadap dapatan kajian akan dilakukan berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan di Bahagian 1.5 dalam Bab 1 bagi memudahkan perbincangan.


1. Bagaimanakah femininiti dan maskuliniti direpresentasikan dalam filem trilogi Gerak Khas?

Pengkaji telah menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Bem (1974) dalam melihat aspek maskuliniti dan femininiti dalam watak-watak lelaki dan wanita dalam filem trilogi. Melalui *Bem Sex Role Inventories* (BSRI), pengkaji mendapati bahawa maskuliniti dan femininiti ini bukan hanya dimiliki oleh gender yang tertentu. Ciri-ciri maskuliniti bukan sahaja dimiliki oleh lelaki kerana tetapi wanita juga. Berdasarkan analisis yang dijalankan, berhubung dengan representasi maskuliniti dan

femininiti pengkaji bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Halberstam (1998) iaitu, dalam filem ini ditampilkan bahawa wanita tidak semestinya bersifat feminin. Begitu juga dengan lelaki yang tidak semestinya bersifat maskulin. Mungkin sesetengah perkara yang menyebabkan lelaki tanpa disedari mengadopsi sifat feminin. Hal ini juga bersesuaian dengan konteks yang memerlukan wanita menonjolkan sifat-sifat femininiti dalam dirinya. Bukan itu sahaja, daripada analisis juga menunjukkan bahawa walaupun wanita ditampilkan dari segi fizikal namun masih mempamerkan kuasa. Hal ini mengesahkan apa yang pernah dinyatakan oleh (Cameron, 2007; Coates, 2003 & Wetherell, 1997) *do masculinity in a range of different context and in diverse way.*

Dalam filem trilogi Gerak Khas iaitu filem GK 1, GK2 dan GK3 wanita digambarkan sebagai aktif, berdikari, *powerful*, menguasai yang mana ciri-ciri ini merupakan stereotaip bagi lelaki. Lelaki dan wanita berperanan penting yang mana wanita memegang watak penting dalam ketiga-tiga cerita tersebut Hal ini dapat dikesan melalui aspek representasi feminin terutamanya bagi watak Suzana (GK1). Dalam kajian ini menunjukkan watak antagonis yang banyak menggunakan representasi maskulin bagi mempamerkan kekuasaan mereka baik dari aspek verbal maupun non verbal. Bahasa yang digunakan oleh antagonis wanita juga banyak menggunakan bahasa lelaki bagi menunjukkan kekuasaannya. Tambahan pula dia menceburi aktiviti yang didominasi oleh lelaki.

Seterusnya dengan menggunakan pendekatan Inventori Sosiosemantik seperti yang digagaskan oleh Theo Van Leeuwen pengkaji telah mengkategorikan representasi lelaki dan perempuan kepada 4 iaitu protagonis lelaki dan wanita serta antagonis lelaki dan wanita. Selain itu daripada inventori yang dipelopori oleh Van Leeuwen (*ibid.*), pengkaji telah menfokuskan kepada aspek-aspek berikut sahaja;



Rajah 5.1 : Representasi gender dalam filem kepolisan

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam Bab 4 pengkaji mendapati bahawa wanita memegang peranan penting baik sebagai protagonis maupun antagonis. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji dapat melihat representasi tersebut melalui *categorization* dan *nomination*. Dalam filem bergenre aksi wanita tidak dipinggirkan. Hal ini bermaksud wanita juga diberi peranan yang penting baik dalam memegang peranan watak protagonis maupun antagonis. Seperti yang dijelaskan dalam bab 4 sebelum ini bagi stereotaip elemen filem aksi seperti yang terdapat dalam struktur naratif GK1, GK2 dan GK3 menunjukkan wanita memainkan peranan penting dari bahagian permulaan hingga peleraian. Contohnya watak Inspektor wanita seperti Inspektor Aleeza, Syafikah, Julia dan Farah. Watak Inspektor Aleeza merupakan peranan penting dalam filem trilogi ini kerana wataknya muncul dalam kesemua filem ini. Dari segi *functionalization*, merujuk kepada aktiviti yang dilakukan

oleh aktor sosial, representasi maskuliniti dan femininiti banyak melakukan aktiviti yang sama. Contohnya membanteras jenayah (bagi watak polis), penyeludupan (watak antagonis) dan sebagainya. Bagi *impersonalization* pula merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh aktor sosial namun tidak didedahkan siapa pelakunya. Hal ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh representasi-representasi maskuliniti dan femininiti khususnya watak antagonis. Contohnya jenayah, penyeludupan, kes rogol dan sebagainya. Melalui *identification* pengkaji dapat melihat bagaimanakah setiap aktor sosial ditampilkan dalam trilogi ini. Setiap watak mempunyai karakter masing-masing. Manakala melalui aspek *role allocation* dapat dilihat bahawa aktor sosial khususnya representasi femininiti menjadi pasif dalam satu keadaan, di mana mereka ditonjolkan sebagai agen aktif. Contohnya watak Inspektor Aleeza dan Syafikah.

2. Bagaimanakah representasi ini mengikuti atau mencabar stereotaip?

Menggunakan analisis transitiviti model Halliday pengkaji dapat melihat bahawa terdapat situasi di mana lelaki mengikut stereotaip iaitu lelaki ditampilkan lebih dominan daripada wanita. Melalui analisis yang dijalankan menunjukkan lelaki berkuasa dan juga lelaki menjadi penyelamat. Maksudnya ialah secara stereotaip representasi maskulin dikatakan berkuasa lebih daripada feminin. Hal ini dipaparkan melalui watak antagonis Raziman (GK2) dan Ramon (GK3). Begitu juga watak Inspektor Haris (GK3). Berdasarkan analisis yang telah dibuat menunjukkan Raziman dan Ramon mempamerkan kekuasaannya. Begitu juga watak Inspektor Haris dalam GK3 yang mempamerkan dirinya lebih dominan daripada rakan setugasnya Inspektor Farah. Dalam GK1 dipaparkan watak Inspektor Aleeza dan Syafikah yang agressif dalam menjalankan tugas. Bersesuaian dengan jawatannya sebagai Inspektor di Unit

Gerak Khas. Namun terdapat situasi yang mana mereka tetap memerlukan lelaki sebagai penyelamat mereka terutama apabila berdepan dengan penjenayah berbahaya.

Melalui analisis transitiviti menunjukkan Representasi maskulin sebagai Aktor dan Feminin sebagai *Recipient*. Bagi reprsentasi maskulin menunjukkan kekuasaanya atau Matlamat (*Goal*). Berdasarkan kajian yang telah dibuat menunjukkan representasi feminin dan maskulin mengikut stereotaip gender masing-masing kecuali watak Suzana yang lebih *assertive* kerana dia ditampilkan sebagai watak yang dominan dalam GK1 bagi menunjukkan dia lebih berkuasa. Dia menggunakan banyak bahasa maskulin dalam menunjukkan kuasa dan autoritinya. Bagi watak protagonis wanita iaitu Aleeza, Syafikah, Julia dan Farah juga mempunyai ciri-ciri maskulin. Hal ini kerana mereka teradaptasi dengan tugasannya mereka yang memerlukan mereka agressif, aktif dan juga *self reliance*. Mereka juga hanya menggunakan strategi bahasa lelaki sewaktu menjalankan tugas sahaja. Namun watak Inspektor Aleeza, Syafikah, Julia dan Farah masih mempunyai ciri-ciri feminin seperti *caring*, *nurturing* dan juga emosional mengikut situasi tertentu. Kebanyakan representasi maskulin dan feminin dalam filem ini mengikuti stereotaip gender namun dalam situasi tertentu yang berkaitan tugas mereka sebagai polis yang memerlukan mereka menggunakan tindakan fizikal. Kelihatan representasi feminin tadi mencabar stereotaip gender supaya lebih aktif dan agressif.

Sementara itu wanita juga ditampilkan mencabar stereotaip iaitu wanita juga berkuasa. Hal ini ditonjolkan oleh watak Suzana kerana dalam GK1 dia merupakan seorang ketua sindiket jenayah. Selain itu dalam GK1 banyak kegiatan jenayah yang dirancang olehnya. Selain itu, wanita juga mempunyai kerjaya yang membanggakan dan bukanlah sebagai wanita domestik yang hanya bergantung hanya kepada lelaki. Hal

ini ditunjukkan oleh watak Aleeza, Syafikah, Julia, Farah dan Azura yang memegang watak protagonis dalam filem trilogi ini. Manakala Suzana dan Karina pula memegang watak antagonis. Dalam menjalankan tugas masing-masing, representasi femininiti ini menunjukkan sikap yang agressif dan assertif. Terutamanya watak Azura yang sangat komited dengan tugasannya mendapatkan maklumat terkini tentang jenayah yang dilakukan oleh Suzana, Castello dan Rafayel (GK1) dan Raziman (GK2) walaupun dia bakal menghadapi risiko.

5.2 Implikasi kajian

5.2.1 Representasi gender terhadap kerjaya

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan wanita juga amat penting dalam kerjaya yang dahulunya banyak dimonopoli lelaki khususnya kepolisan. Hal ini dapat ditampilkan dalam filem ini. Oleh itu tidak timbul isu bias gender. Secara tidak langsung masyarakat juga dapat menjadikan sebagai ikhtibar dan inspirasi untuk menceburkan diri dalam kerjaya ini.

5.2.2 Representasi gender terhadap filem aksi

Dapatan kajian menunjukkan wanita memainkan peranan penting dalam filem aksi. Bukan sebagai tempelan, malah kepada keseluruhan jalan cerita aksi. Hal ini seiring dengan kajian sebelum ini. Walaupun watak wanita yang ditampilkan tidak memaparkan watak wanita yang bersifat maskulin secara total, yakni bertubuh maskulin seperti tubuh Sarah O Connor (*Terminator*). Namun sifat-sifat yang sebelum ini melekat dengan gender maskulin seperti lasak, agresif, berdikari juga turut dimiliki oleh wanita. Secara tidak langsung dapat meningkatkan imej wanita dalam filem.

Contoh yang sesuai ialah watak Inspektor Syafikah dan Inspektor Aleeza. Bersesuaian dengan kerjaya kepolisan mereka.

5.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Dari sudut praktikal, kami mencadangkan penyelidikan lanjut perlu memberi tumpuan kepada aspek lain atau dari bahan korpus lain. Pengkaji lain juga boleh menfokuskan kepada kategori tertentu atau menggunakan pendekatan lain.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof, Rahimin Affandi Abd Rahim, Nor Ardina Abdul Kadir & Nor Hayati binti Md Dahlil, (2010). Konsep Feminisme Islam dalam Filem ketika Cinta Bertasbih. *Jurnal Al-Tamaddun*, 5. 131-147
- Aliyah. (2007). *Maskuliniti dan Stereotaip: Satu Analisis Wacana Bahasa Iklan*. Disertasi Ijazah Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amossy, R (2002). Introduuction of Study of Doxa. *Poetic Today* 23.3, 369-394.
- Ansen, D. (2006, July 3). *The Devil Wears Prada*. Newsweek, p. 90.
- Atkin, D.J, Moorman, J & Lin, C. A (1991) Ready for Prime Time: Network series devoted to working women in 1980's. Sex Role, 25.677-685.
- Ayers, D. (2008). Bodies, Bullet and Bad Guys: Elements of Hardbody Film. *Film Criticism*, 32 (3). 41-67.
- Azlina Assaari dan Jamaludin Aziz. (2013). Mencabar Ideologi Maskulin: Wanita Dan Saka Dalam Filem Seram Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 29 (1): 113-126.
- Bahiyah Abdul Hamid & Basil Wijayasuria. (1998). *English Grammar for Malaysians*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baker, P. (2008. *Sexed text language and Gender Sexuality*. London: Equinox Publishing.
- Baxter, J. (2003). *Positioning Gender in Discourse: A Feminist Methodology*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Baxter, J. (2010). *The Language of Female Leadership*. Basingstoke: Palgrave McMillan
- Begley, S. (2000). The Stereotype Trap. Newsweek, 11/6/200, 136 (19), hlm 66-67.
- Bem, S. L. (1974). The measurement of psychological androgyny. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 42,155 - 162.
- Bem, S.L. (1981) *Sex Role Inventory*: Profesional manual.Palo Alto C.A: Consulting Psychology press.
- Berger, J (1972). *Way of seeing*. London: Penguins ltd.
- Berry, J. W., Poortinga, Y. H., Segall, M. H., & Dasen, P. R. (Eds.). (1992). Cross-cultural psychology: Research and applications. London: Methuen.
- Benshoff, H. And S. Griffin (2004). *America on Film: Representing Race, Class, Gender, and Sexuality at the Movies*. Victoria: Blackwell Publishing.

- Bloor, M & Bloor, T (2007). *The Practice of Critical Discourse Analysis: An Introduction*. London: Hodder Arnold.
- Bramley, N. R. (2001). *Pronouns of Politics: The Use of Pronouns in The Construction of 'Self' and 'Other' in Political Interviews*. Thesis: Australian National University.
- Brannon (1976). The Male Sex role: Our Culture's Blueprint of Manhood and What it's done for us lately. In David, D.S & Brannon, R (eds.) *The Forty-Nine Percent Majority: The Male Sex Role*. Reading, MA: Addison –Wesley.
- Brown (1996). Gender and Action Heroine. *Cinema Journal*. 35 (3), 52-71.
- Butler, J. (1990). *Gender Trouble: Feminisme and the Subversion of Identity*. New York: Routledge.
- Carter, M. J. (2014). Gender Socialization and Identity Theory. *Social Science* 3, 242–263. doi: 10.3390/socsci3020242.
- Carter, C & Steiner, L (2004). *Critical Reading: Media and Gender*. Chicago: Open University Press.
- Chaer, Abdul dan Agustina, L. 1995. *Sosiolinguistik: Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Choi N., Fuqua D. R. (2003). The structure of the bem sex role inventory: a summary report of 23 validation studies. *Educ. Psychol. Meas.* 63, 872–887. 10.1177/0013164403258235
- Coates, J (1986). Women, Men and Language. London: Routledge.
- Coates, J (2003). *Men talk. Stories in the making of masculinities*. Oxford: Blackwell.
- Collis, C. (2007). Meryl Streep. Entertainment Weekly, 918-919, p. 40.
- Connell, R. W. (1987). *Gender and Power: Society, the Person and Sexual Politics*. Cambridge: Polity Press.
- Cresswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 3rd Edition. Los Angeles: Sage Publications, Inc.
- Darma, Yoce Aliah. 2009. *Analisis Wacana Kritis*. Bandung: Yrama Widya.
- Deleuze, G & F. Guattari. (1987). *A Thousand Plateaus: Capitalism and Schizophrenia* Minneapolis: University of Minnesota Press.

- Deaux, K& Lewis L (1984) Structure of gender Stereotype: Interrelationship among Component and Gender Label. *Journal of personality and Social Psychology*, 46 (5). 991-1004
- Dole, C. (2001). *The gun and the badge: Hollywood and the female lawman*. In *Reel knockouts: Violent women in the movies*, edited by M. McCaughey and N. King. Austin: University of Texas Press.
- Do Rozario, R. C. (2004). The Princess and the Magic Kingdom: Beyond Nostalgia, The Function of The Disney Princess. *Women's Studies in Communication*, 27, 34–59.
- Dundes, L. (2001). Disney's modern heroine Pocahontas: Revealing age-old gender stereotypes and role discontinuity under a façade of liberation. *The Social Science Journal*, 38, 353–365. doi: 10.1016/S0362-3319(01)00137-9.
- Durkin, K. (1985). Television and sex-role acquisition: 1: Content. *British Journal of Social Psychology*, 24, 101–113.
- Dutt, R (2014). *Behind the Curtain: Women Representation in Contemporary Hollywood*. (Unpublished Theses). University of London, London.
- Eckert, P (1990) Cooperative competition in adolescent girl talk, *Discourse processes*, 13:99-122.
- England, D.E, Descartes, L & Collier-Meek, M.A (2011). Gender Role Portrayal and Disney Princess. *Sex Roles* (2011), 64.555-567. DOI 10.1007/s11199-011-9930-7.
- Eriyanto, (2001). *Analisis Wacana, Pengantar Analisis Teks Media*. Yogyakarta
- Fairclough, N (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Media Discourse*. London: Arnold.
- Fairclough, N & Wodak, R. (1997). Critical Discourse Analysis. In: Teun A. Van Dijk (ed.), *Discourse as Social Interaction*, hlm. 258-284.
- Fiske, J. *Television Culture*. (1997) London: Rotledge.
- Fuller, M. (1982) Young, female and black, in E. Cashmore and B. Troyna (eds.) *Black Youth in Crisis*. London: Allen and Unwin.
- Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim. (2000). *Racun dan penawar: Pertentangan citra wanita dalam filem Melayu zaman 1950-an*. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM.
- Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim. (2005). Metaphors of the Female in the Malay Movies. *Jurnal Skrin Malaysia*, 1.

- Fuziah Kartini Hassan Basri, Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. (2010) What's Hip, What's Hop? Disharmonized Representations Of Gender In Music Videos. *Jurnal Komunikasi*.Jilid 28(2).33-46.
- Gaudreau, P. (1977). Factor analysis of the Bem Sex-Role Inventory. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*,45, 299-302.
- Gallardo, B.C (2006). *Why Can't Women Talk Like A Men An Investigation Of Gender In The Play Pygmalion By Bernard Shaw.*(Thesis). Universidade Federal de Santa Catarina, Florionopolis.
- Graddol, D& Swann, J (1989). *Gender Voice*. Oxford: Blackwell.
- Halberstam, J., (1998) *Female Masculinity*. Durham: Duke University Press.
- Hall, S. (ed.) 1997. *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. London; Thousand Oaks.
- Halliday, A. K. & Matthiessen, C.M (2004). *Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. (1976). English System Networks. Chapter 7 in Kress, Gunther (ed.) *Halliday: system and function in language*. London: Oxford University Press. 101-135.
- Halliday, M. A. K. (1985), *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold. [2nd ed. 1994].
- Halliday, M.A.K. & Martin, J.R. (1993). *Writing Science: Literacy and Discursive Power*. Pittsburgh: University of Pittsburgh Press.
- Hamilton, M, Anderson, D, Broaddis, M & Young, K (2006).Gender Stereotyping and Under-Representation of Female Character in 200 Popular Children's Picture Book: A twenty century update. *Sex Role*, 55(11-12), 757-765.
- Hass, A. (1979) Male and Female Spoke LAnguage Difference. Stereotype and Evidence. *Phsyco logical Bulletin*, 86(3).616-626
- Hobson, Helen. (2004). *A Discussion of the Representation of Masculinity and Femininity in Baden-Powell's 1919 Handbooks for Scouts and Guides using the Frameworks of Theo van Leeuwen, within the Tradition of Critical Discourse Analysis* (Unpublished Thesis) Lancaster University: Lancaster.
- Hodge, R & Kress, G (1993). *Language as Ideology*. London: Routledge.
- Hoerrner, K. L. (1996). Gender roles in Disney films: Analyzing behaviors from Snow White to Simba. *Women's Studies in Communication*, 19, 213–228.
- Holmes, J (1995). *Women, Men and Politeness*. London: Longman.

- Holmes, J & Stubb, M (2003). *Power and Politeness in Workplace: A Sociolinguistic Analysis of Talk at Work*. Harlow: Pearson Education.
- Holmes, J. (2007). Social Constructionism, postmodernism, feminist sociolinguistic. *Gender and Language*, 1(1). 51-66.
- Holt, C & Ellis, J.B (1998). Examining Gender and Gender role Differences in attitudes toward abortion and Euthanasia. *Adolescence*, 3. 79-88
- Holt, C, Zinser, O & Tennyson J.A (2001). Gender Differences in Object Recall. The effect of Gender related stimuli and motivation. *Evolution and Human Behaviour*.
- Innes, S. (2004) 'Gender and Work in 1980's. Television's working women as displaced person. *Women Studies in Communication*, 14.191-213.
- Jackson, S & Scott, S. (2002). *Gender: a sociological reader*. New York: Routledge.
- Japp, P. (1991). Gender and work in the 1980s: Television's working women as displaced persons. *Women's Studies in Communication*, 14(1), 49–74.
- Jariah Mohd Jan. (2002). Constructing Masculinities. Dalam Rosli Talif (Eds.), *Diverse Voices 2: Selected Readings in Language* (pp. 69-79). Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Jariah Mohd. Jan. (2003) Code-switching for power wielding: Inter-gender discourse at the workplace. *Multilingua*, 22, 41-57
- Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad (2009). Filem *Box Office* dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih di Malaysia. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. Jil./Vol.8.43-68.
- Kimmel, M. S. (2000). *The Gendered Society*. New York: Oxford University Press.
- King, N (2008). Generic Womenhood Gendered Depiction in Cop Action Cinema. *Gender & Society*, Vol. 22 (2). 238-260. DOI: 10.1177/0891243207310715.
- Klein, H., Shiffman, K. S., & Welka, D. A. (2000). Gender-related content of animated cartoons, 1930 to the present. *Advances in Gender Research*, 4, 291–317.doi: 1.1016/S1529-2126(00)80028-4.
- Kobia, JM 2009, 'Femininity and Masculinity in English Primary School Textbooks in Kenya', *The International Journal of Language Society and Culture*, 28, pp. 57-71.
- Lakoff, R (1975). *Language and Woman's Place*. New York: Harper & Row.

- Leaper, C., Breed, L., Hoffman, L., & Perlman, C. A. (2002). Variations in the gender-stereotyped content of children's television cartoons across genres. *Journal of Applied Social Psychology*, 32, 1653–1662. doi:1.1111/j.1559-1816.2002.tb02767.x.
- Levant, R.F & Richmond, K (2007). A review of Research on Masculinity Ideologies using the Male Role Norm Inventory. *Journal of Men's Studies*, 15(2).130-146.
- Liddicoat, A.J. (2007). An introduction to conversation analysis. New York, NY 10038: Continuum
- Lina A. R & Robert J. W, (1995). *Sex Roles*, 33. 637–655
- Lindsey, L. L. (1990). Gender Roles: A Sociological Perspective. New Jersey: Prentice Hall.
- Locksley, A., & Colten, M. E. (1979). Psychological androgyny: A case of mistaken identity? *Journal of Personality and Social Psychology*, 37, 1017-1031.
- Litosseliti, L (2006). *Gender and Language*: Theory and Practice. London: Hodder Arnold
- Liu, Y., and O'Halloran, K. L. (2009), 'Intersemiotic Texture: Analyzing Cohesive Devices between Language and Images', *Social Semiotics*, 19(4), 367-387.
- Loobek, K (2012). *A Feminist Analysis of the Film of Hunger Game*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Concordia University: St. Paul.
- Macrae, C.N, & Bodenhausen, G.V, (2000).Social cognition: Thinking Categorically About Others. *Annual Review of Psychology*, 51, 93–120.
- Mahalik, J. R., Morray, E. B., Coonerty-Femiano, A., Ludlow, L. H., Slattery, S. M., & Smiler, A. (2005). Development of the conformity to feminine norms inventory. *Sex Roles*, 52, 417-435.doi:10.1007/s11199-005-3709-7
- Mansour Fakih. (2010). *Analisis Gender dan Trasformasi Sosial*. Jakarta: Pustaka Pelajar
- Marra, M, Schnurr, S & Holmes, J. (2006). Effective leadership in New Zealand workplaces. In Speaking Out: *The Female Voice in Public Contexts*, Judith Baxter (ed.) Basingstoke: Palgrave, 240–260.
- Martin, J.R. (1992). *English Text: System and Structure*. Philadelphia/Amsterdam: John Benjamins.
- Macnamara, J.R. (2006) *Media and Male Identity: The Making and the Remaking of Men*. U.S.A: Palgrave Macmillan.

- Messerschmidt, J.W (1993). *Masculinities and Crime: Critique and reconceptualization of theory*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.
- Mosher, D.L & Serkin, M. (1994). Measuring a macho personality constellation. *Journal of Research in Personality*. 18(2), 150-163.
- Mulac, A., Jansma, L. L., & Linz, D. G. (2002). Men's Behavior toward Women after Viewing Sexually-Explicit Films: Degradation Makes a Difference. *Communication Monographs*, 69, 311-328.
- Mulvey, L (1975). Visual Pleasure and Narrative Cinema. *Screen 16.3 Autumn*, 6-18.
- O'Brien, M. (1983). 'Feminism and Education: A Critical Review Essay'. *Resources for Feminist Research*. 12(3), pp. 3-16.
- Ottoson, T & Xin Cheng (2012). *The representation of Gender Roles in Media. An Analysis of Gender Discourse in Sex and City Movies*. (Bachelor Theses). University West.
- Pascoe, G.J (2012). *A Qualitative Textual and Comparative Analysis of The Representation Of Masculinity In The Action And Romantic Comedy Genre*. (Unpublished theses) University of South Africa, South Africa
- Pickard, J. & Strough, J. (2003). The Effect of the Same Sex and Other Sex Contexts *Sex Roles*, 49(11-12), 643-652.
- Pleck, J. H. (1981). *The myth of masculinity*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Porreca, K. L. (1984). *Sexism in current ESL textbooks*. *TESOL Quarterly*, 18(4), 705-724.
- Reynaud, D. (1999). Convention and contradiction: Representations of women in Australian war films, 1914-1918. *Australian Historical Studies*, 30(113), 215-230.
- Rozen, L. (2006, July 10). The Devil Wears Prada. *People*, 66, p.33
- Ruby Yang (2014) Gender Representation in Hong Kong Primary English Language Textbooks: A Study of Two-Widely Used Textbook Series. (Unpublished Theses). Lancaster University, Hong Kong.
- Ruzy Suliza Hashim (2006). Meniti Duri dan Ranjau: Pembikinan Gender dan Seksualiti dalam Dunia Melayu. *Sari*, 24. 15-34.

- Rubin, G. (2008). The traffic in women: notes on the “political economy” of sex, in *The feminist philosophy reader*, edited by A Bailey & C Cuomo. Boston: McGrawHill: 13-40.
- Sahragard, D. R., & Davatgarzadeh, G. (2010). The Representation of Social Actors in Interchange Third Edition Series: A Critical Discourse Analysis. *The Journal of Teaching Language Skills (JTLS)*, 67-89
- Sajjad Kabgani (2013). The Representation of Muslim Women in Non-Islamic Media: A Critical Discourse Analysis Study on Guardian. *International Journal of Women's Research*, 2(1), Spring 2013, pp. 57 – 7
- Sakita, T. I. (1995). Sexism in Japanese English education: A survey of EFL texts. *Women and Language*, 13(2), 5-12.
- Saragih, Amrin. (2006). *Bahasa dalam Konteks Sosial*. Medan: PPs Unimed.
- Sassatelli, R (2011). Interview with Laura Mulvey. Gender, Gaze and Technology in Film Culture. *Theory, Culture and Society* 28.5, 125-143
- Schnurr, S. (2009). *Leadership Discourse at Work: Interactions of Humour, Gender and Workplace Culture*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Sela Maharani Hemas & Lisetyo Ariyanti. (2016). Transitivity and Ideology in Emma Watson’s Speech for the Heforshe Campaign (Critical Discourse Analysis). *Language Horizon*. Volume 01(01), 0 – 11.
- Siti Hawa Salleh. (1992). Pengaruh Citra Wanita dalam Sastera Tradisional ke Atas Sastera Modern. *Dewan Sastera (Mac)*: 8-15.
- Skelton, C., & Francis, B., (2002). *Clever Jack and Conscientious Chloe: Naturally able boys and hardworking girls in the classroom*. Paper presented at the Paper presented at British Educational Research Association Annual Conference, University of Exeter, September (2002).
- Smith, Choueiti, Scofield dan Peiper (2013). *Race and Ethnicity in Independant Film: Prevalence of Underrepresented Directors and the Barriers They Face*. University of Southern California. Research: Art Works program at the National Endowment for the Arts: Grant# 13-3800-7017.
- Sontag, S. (1972, September 23). The double standard of aging, Saturday Review, pp. 29-38.
- Spencer, L. (2006, October). *The Devil Wears Prada*. *Sight & Sound*, 16, 50-52

- Spence J. T., Helmreich R. L., Stapp J. (1978). Masculinity and femininity: Their Psychological Dimensions, Correlations, and Antecedents. Austin, TX: University of Texas Press.
- Stets, J.E & Burke, P (2000). Identity Theory and Social Identity Theory. *Social Psychology Quarterly*, 63.224-237.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *Basic of Grounded Theory Methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Sugihara, Y & Katsurada, E (2000). Gender Role Personality Traits in Japanese Culture. *Psychology of Women Quarterly* 24: 309-318.
- Sunderland, J. (1992). Gender in the EFL Classroom. *ELT Journal*, 46 (1).81-90.
- Sunderland, J & McGlashan, M (2012). The Linguistic, Visual and Multimodal Representation of Two Mum and Two dad Families in Childrens's Picturebook. *Language and Literature*, 21 (2).189-210.
- Swan, R. (2001). Boys Don't Cry. *Film Quarterly*, 54(3), 47-52.
- Tannen, D. (ed.) (1993) *Gender and Conversational Interaction*. Oxford University Press: New York and Oxford.
- Thompson, T. L., & Zerbinos, E. (1995). Gender roles in animated cartoons: Has the picture changed in 20 years? *Sex Roles*, 32, 651–673.doi: 1.1007/BF01544217.
- Ungku Maimunah Ungku Tahir. (2013). *Gender dalam Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Van Leeuwen, T (2008). *Discourse and Practice*. New Tools for Critical Analysis. London: Oxford University Press
- Vande Berg, L.R & Steckfuss, D. (1992). Prime time Television's Portrayal women and work. A Demografic profile. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 36.195-208.
- West, C., & Zimmerman, D. H, (1987). Doing Gender. *Gender and Society*, 1(2), 125-151.
- Welter, B (1978) in Micheal Gordon (ed.) *The American Family in Socio Hostorical Perspective*. New York: St Martin's Press.
- Wetherall, A (2002). *Gender, Language and Discourse*. United Kingdom: Routledge

Williams, J. (1987). The Construction of Women and Black Students as Educational Problems, in M. Arnot and G. Weiner (eds.) *Gender and the Politics of Schooling*. London: Unwin Hyman.

Viruega, IMB. (2008). Re-presenting Asian Stereotype in Hollywood Cinema: An Analysis of Race and Gender Representations in Memoirs of a Geisha. University of a Coruña

Wood, J.T. (2003). *Gendered lives: Communication, gender and culture*. 4th Ed. Belmont, CA: Wadsworth-Thomson Learning.

Yusof Haslam. (Director). (2001) Gerak Khas the Movie .Skop Production.

Yusof Haslam. (Director). (2002)Gerak Khas the Movie 2 .Skop Production.

Yusof Haslam. (Director). (2003) Gerak Khas the Movie 3 .Skop Production.

LAMPIRAN 1

Borang Kutipan Data

FILEM : _____

WATAK	LATAR /MASA	TINGKAH LAKU	DIALOG

Diadaptasi daripada England et. al (2011)

LAMPIRAN 2

Borang Pengekodan Untuk Semakan Corder

Borang yang digunakan untuk menyemak item maskuliniti dan femininiti

- | | |
|---------------------------------|---|
| ____ 1. Self-reliant | ____ 31. Makes decisions easily |
| ____ 2. Yielding | ____ 32. Compassionate |
| ____ 3. Helpful | ____ 33. Sincere |
| ____ 4. Defends own beliefs | ____ 34. Self-sufficient |
| ____ 5. Cheerful | ____ 35. Eager to soothe hurt
feelings |
| ____ 6. Moody | ____ 36. Conceited |
| ____ 7. Independent | ____ 37. Dominant |
| ____ 8. Shy | ____ 38. Soft-spoken |
| ____ 9. Conscientious | ____ 39. Likable |
| ____ 10. Athletic | ____ 40. Masculine |
| ____ 11. Affectionate | ____ 41. Warm |
| ____ 12. Theatrical | ____ 42. Solemn |
| ____ 13. Assertive | ____ 43. Willing to take a stand |
| ____ 14. Flatterable | ____ 44. Tender |
| ____ 15. Happy | ____ 45. Friendly |
| ____ 16. Has strong personality | ____ 46. Aggressive |
| ____ 17. Loyal | ____ 47. Gullible |
| ____ 18. Unpredictable | ____ 48. Inefficient |
| ____ 19. Forceful | ____ 49. Acts as a leader |

- | | |
|---|---|
